


**Jilid I  
Bil. 18**



**Hari Selasa  
8hb Januari, 1991**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruang 2605]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruang 2652]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1991 [Ruang 2652]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1991 [Ruang 2652]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,  
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.  
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSI AH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LER, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Benteng).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K.; S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tengah).

- .. TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- .. TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- .. DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- .. DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- .. TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- .. TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- .. DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- .. TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- .. TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.J. (Limbawang).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- .. DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- .. TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (BAGAN SERAI).
- .. TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- .. PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- .. TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- .. PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- .. TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- .. Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- .. DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- .. TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- .. TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- .. WAN HANAFAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- .. WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- .. WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- .. TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- .. TUAN WONG WING ON (Kampar).
- .. TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- .. DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- .. TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- .. TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- .. TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- .. TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 8hb Januari, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## D O A

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANRUMAH KOS SEDERHANA/  
TINGGI—KAWALAN HARGA

**1. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal kenaikan harga rumah kos sederhana dan tinggi yang kini sedang menuju ke arah tahap harga yang membimbangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peruntukan undang-undang bagi mengawal harga jualan rumah kos sederhana dan tinggi yang dipasarkan oleh pemaju-pemaju swasta yang berlesen. Harga jualan rumah-rumah adalah tertakluk kepada unsur-unsur pasaran, terutamanya permintaan dan bekalan. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan ada mengambil langkah-langkah untuk mengawal harga dan menentukan bekalan yang mencukupi bagi bahan-bahan binaan utama seperti simen dan besi keluli. Langkah-langkah ini bertujuan mengawal kenaikan harga jualan rumah daripada meningkat terlalu tinggi.

Selain daripada itu, Kementerian juga telah mewujudkan Jawatankuasa mengkaji harga rumah kos rendah dengan tujuan mengkaji dan meneliti faktor-faktor yang menyebabkan kenaikan harga rumah-rumah. Matlamat utama Jawatankuasa ini menentukan supaya harga-harga rumah kos rendah dapat dikawal. Beberapa tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Faktor-faktor ini boleh digunakan untuk mengawal harga kos sederhana dan tinggi di mana ianya sesuai.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga boleh memainkan peranan untuk mengawal harga rumah. Ia dapat dilakukan seperti dalam pembinaan rumah kos rendah dengan mengenakan syarat dalam meluluskan permohonan untuk rancangan projek perumahan dengan menentukan jumlah peratusan untuk rumah kos rendah dan rumah kos sederhana.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan tentang harga rendah ini, berapa jenis harga rendah yang ada di pasaran rumah kos rendah ini? Setakat yang saya tahu ada harga \$15,000 pun dikatakan kos rendah, \$20,000 pun kos rendah, \$25,000 pun kos rendah dan yang \$35,000 pun dikatakan kos rendah. Oleh itu, berapa jeniskah kos rendah yang ada yang telah ditentukan oleh Kerajaan dan berapa jeniskah kos sederhana yang telah ditentukan oleh Kerajaan dan berapakah rumah kos tinggi yang ditentukan yang telah diberi garis panduan oleh Kerajaan?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, istilah kos rendah ialah \$25,000 ke bawah. Jadi, kalau pemaju-pemaju dapat mewujudkan ataupun membina rumah lebih rendah daripada \$25,000 adalah satu kebaikan untuk rakyat. Dan Kerajaan juga memainkan peranannya melalui pinjaman \$10,000 dengan tidak mengena faedah melalui pinjaman yang dipanggil bertapak dan rumah ibu, dan pada matlamat ini kita harapkan kepada Kerajaan Negeri atau pemaju-pemaju dengan mengendalikan projek itu dengan harga \$10,000.

Mengenai kos sederhana dan kos tinggi seperti yang mana saya sarankan sebentar tadi, ianya berasaskan kepada keperluan pasaran. Pada satu ketika dahulu, rumah-rumah kos tinggi dan sederhana tidak dapat dipasarkan kerana tidak ada permintaan. Maka dengan sebab itu, ianya mengikut kehendak dan keperluan pembeli.

**Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian membuat bancian keperluan rumah murah ataupun rumah kos rendah bagi memenuhi permintaan rakyat. Dan kedua, sepertimana yang diberi jawapan tadi iaitu Kementerian ada mengawal harga bahan-bahan bangunan, tetapi berkaitan dengan ini terdapat kenaikan harga dan waktu sekarang ini bahan-bahan pembinaan agak sukar didapati seperti bata dan keluli. Oleh yang demikian, adakah Kementerian akan lebih tegas lagi untuk mengawal supaya tidak terdapat kelewatan pembinaan rumah-rumah bagi memenuhi cita rasa rakyat.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai matlamat untuk menyediakan rumah untuk setiap penduduk. Oleh sebab itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada mempunyai kajian-kajian yang mana kita mempunyai matlamat tertentu untuk menghasilkan ataupun menjayakan matlamat tersebut.

Mengenai harga kos rumah yang meningkatkan, dari segi kawalan harga barang-barang, ianya tertakluk di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dan sebab itu, kita tidak mempunyai kuasa untuk mengawal harga tersebut. Saya percaya pihak Kementerian yang berkenaan ada mengambil maklumat perkara ini.

#### NELAYAN ASING— PENCEROBOHAN

**12. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pencerobohan nelayan asing dari Thailand yang menjejaskan aktiviti perikanan nelayan tempatan di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung, khususnya di Terengganu masih berterusan. Apakah langkah pencegahan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini dan sejauh manakah berkesannya langkah-langkah yang diambil itu.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, adanya pencerobohan nelayan asing ini khususnya daripada Thailand ke kawasan perairan negara Malaysia dan tidak adanya pencerobohan nelayan Malaysia di dalam kawasan perairan Thailand menjadi bukti bahawa pengurusan sumber perikanan di dalam negara ini adalah baik. Walau bagaimanapun tindakan-tindakan telah diambil dan banyakkah bot-bot nelayan asing yang telah ditangkap. Data-data yang ada di sini ialah:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah bot nelayan asing ditangkap</i>
1985	77 buah
1986	117 buah
1987	112 buah
1988	105 buah
1989	132 buah
1990	150 buah
1991 (sehingga 8-1-91)	6 buah

Kesan daripada tangkapan ini beribu-ribu nelayan asing berada di dalam penjara kita. Pada tahun 1989 kerosakan unjang dan bubu bernilai \$236,800, jika dibandingkan pada tahun 1990 ianya hanya \$54,000. Oleh kerana keputusan menceroboh bukanlah di tangan kita maka kita hanya dapat membuat pengawasan yang rapi untuk terus bertindak ke atas mereka yang bersalah.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, apakah faktor-faktor yang menyebabkan pencerobohan itu berlaku?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sudah jawab tadi ini. Tempat kita banyak ikan. *(Ketawa)*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Belum selesai lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat bahawasanya pencerobohan itu dapat dilakukan dan telah berlaku akibat kecuaiannya daripada kita.. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa tidak adanya nelayan-nelayan kita yang menceroboh ke kawasan lautan lain daripada negara kita, ini membuktikan bahawa kecekapan pengurusan pihak kita. Bagi saya tidak begitu. Ini menunjukkan betapa lemahnya, betapa tidak agresifnya nelayan-nelayan kita.

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, inilah satu kebiasaan bagi pihak Pembangkang untuk lebih melihat kebaikan negara asing daripada negara sendiri. *(Tepuk).*

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah di antara langkah yang pernah diambil oleh pihak Kerajaan mengadakan perbincangan ataupun perundingan dengan pihak Thailand? Sekiranya ada, apakah hasilnya?

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, kita boleh berunding dengan pihak Thailand. Pihak Kerajaan

Thailand sebagaimana juga Kerajaan Malaysia terdiri daripada orang yang baik-baik belaka tetapi yang menceroboh ini adalah nelayan-nelayan yang nakal yang ada di negara asing. *(Ketawa)*

### BANTUAN UNTUK MANGSA BANJIR

**3. Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah pihak Kementerian menyediakan tabung khas untuk mangsa-mangsa banjir yang harta benda mereka musnah seperti rumah, ternakan, tanaman dan lain-lain disebabkan berlakunya banjir, yang mana sekarang ini mangsa-mangsa banjir lewat menerima wang gantirugi dan lain-lain dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada dasarnya pemberian bantuan bagi mangsa-mangsa bencana alam seperti banjir adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan adalah bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan serta apabila sesuatu bencana alam diisytiharkan sebagai bencana alam negara. Berhubung dengan perkara ini, Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah tabung yang dinamakan Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana Negara yang membantu mangsa-mangsa bencana alam termasuk mangsa-mangsa banjir apabila sesuatu bencana alam diisytiharkan sebagai bencana alam negara oleh Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan yang berbentuk keperluan harian adalah diberi dengan segera kepada mangsa-mangsa bencana alam. Walau bagaimanapun, segala bantuan yang dikeluarkan oleh Kerajaan tidaklah bertujuan untuk memberi gantirugi, tetapi bertujuan untuk

membantu dan meringankan beban penderitaan mangsa-mangsa tersebut.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa ragu sedikit tentang jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa tugas membantu mangsa-mangsa bencana alam ini adalah tugas dan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ini pertama kali saya dengar. Saya yakin bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah bidang kuasa Persekutuan. Biasanya bila berlaku banjir. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalnya begini. Biasanya bantuan diberi kepada mereka yang terlibat dengan banjir apabila berlaku banjir. Jadi mangsa-mangsa banjir ini ditakrifkan mereka yang berpindah daripada rumah mereka ke tempat-tempat perpindahan tetapi apakah Kerajaan tidak bercadang untuk mereka yang terlibat dengan banjir, terjejas dengan banjir yang tidak berpindah, biasanya mereka yang putus hubungannya dengan lain-lain kawasan akibat daripada banjir. Sering berlaku perkara ini di negeri-negeri di Kelantan, contohnya mereka ini. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalnya.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan:** Soalnya, tidakkah ada bantuan untuk mereka yang terlibat dengan banjir tetapi mereka tidak berpindah, dan mereka ini menghadapi masalah yang sulit?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mangsa-mangsa ini tidak kena pindah, saya tidak tahu apa bantuan yang perlu diberi kepada mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir)

## PROJEK G-15—PERLAKSANAAN

5. **Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit** minta Menteri Luar Negeri menyatakan Summit G-15 telah menerima 13 projek yang telah dicadangkan oleh negara-negara yang menjadi ahli:

- (a) apakah projek tersebut; dan
- (b) apakah projek yang telah diluluskan dan sejauh mana perlaksanaannya.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya saya telahpun menjawab soalan ini pada 5hb Disember 1990 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Larut. Walau bagaimanapun, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai perkembangan terbaru berhubung dengan pelaksanaan projek-projek G-15.

Bagi projek yang ditaja oleh Malaysia, iaitu Peraturan Pembayaran Secara Duahala, kita akan menandatangani perjanjian dengan Chile, negara kelima yang akan menandatangani selepas Iran, Venezuela, Nigeria dan Mexico.

Bagi projek kedua Malaysia pula, iaitu mengenai Pusat Pertukaran Data mengenai Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan-Selatan atau dengan izin, South Investment Trade and Technology Data Exchange Centre (SITTDEC), satu model SITTDEC akan dibincangkan di satu mesyuarat Kumpulan Pakar G-15 di Kuala Lumpur pada awal tahun ini. Dalam hal ini, Kerajaan telahpun bersetuju untuk menampung 50% dari kos pelancarannya dan juga kos operasi tahun pertama pusat itu bagi memastikan SITTDEC dapat dilancarkan dengan berkesan.

Yugoslavia pula akan mengadakan Forum Perdagangan dan Pelaburan, dengan izin, Business and Investment Forum, dalam bulan April atau Mei tahun ini. Ini ialah projek ketiga yang telah diluluskan bertujuan untuk meningkatkan kerjasama antara sektor swasta negara-negara membangun.

Mengenai projek-projek yang lain pula, yang mana merupakan cadangan daripada Argentina, Indonesia, India dan Zimbabwe, tindakan-tindakan susulan sedang diambil oleh negara-negara berkenaan.

Selain dari projek-projek seperti yang telah saya sebutkan, Sidang Kemuncak Kuala Lumpur telah juga bersetuju supaya ditubuhkan sebuah Pusat Bantuan Teknikal atau Technical Support Facility (TSF) dengan izin. Jawatan-kuasa Pemandu G-15, ataupun TROIKA, yang dianggotai oleh Menteri-menteri Luar Venezuela, Senegal dan saya sendiri, telah menubuhkan TSF ini pada 1hb November, 1990. Buat sementara waktu, TSF ini beribu pejabat di Geneva dan dikendalikan oleh dua orang profesional dan dua orang kakitangan.

Setakat ini TROIKA telah bermesyuarat sebanyak tiga kali, iaitu di Caracas, New York dan Geneva. Di samping telah membincangkan mengenai perkembangan tindakan-tindakan susulan kepada keputusan-keputusan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur, ia juga membincangkan mengenai isu-isu semasa seperti Rundingan Pusingan Uruguay.

#### **PERANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI-NEGERI PENGELUAR MINYAK**

**6. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Perdana Menteri/Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) di mana silapnya perancangan pembangunan negara selama ini di mana tiga buah negeri yang

menghasilkan minyak iaitu Terengganu, Sabah dan Sarawak, sedang di negeri-negeri itulah dikenalpasti terdapat paling ramai golongan miskin;

- (b) adakah Kerajaan dapat memberi jaminan bahawa langkah-langkah segera akan diambil bagi mengubah keadaan itu;
- (c) kalau dapat diberikan perancangan dan tindakan segera untuk membatalkan kepincangan Kerajaan itu; dan
- (d) adakah rancangan membangunkan rakyat negeri-negeri tersebut terbengkalai kerana keuntungan minyak yang diperolehi digunakan untuk menampung kerugian Bank Bumiputra.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, rakyat memang mengetahui tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional bagi membasmi kemiskinan seluruh negara. Dasar-dasar yang digubal dan program yang dilaksanakan telah dapat mengurangkan kemiskinan bahkan pendapatan rakyat menyeluruh termasuk Sabah, Sarawak dan Terengganu telah bertambah dan kemakmuran dalam negara dapat ditingkatkan. Yang Berhormat daripada Pengkalan Chepa yang saya tahu sifatnya jujur dan ikhlas ini sudah tentu mengaku hakikat ini.

Bukan dasar Kerajaan untuk menggunakan pendapatan daripada sesuatu kawasan atau negeri untuk pembangunan kawasan-kawasan itu sahaja. Kalau itu dilakukan sudah tentu banyak kawasan-kawasan dan negeri-negeri tidak terbangun seperti sekarang. Bahkan Kerajaan sanggup meminjam wang untuk membangun rancangan-rancangan tanah dan kemudahan-kemudahan asas dan lain-lain untuk negeri-negeri yang disebut oleh Yang

Berhormat tadi. Jadi tidak ada apa-apa silapnya perancangan pembangunan Kerajaan. Hanya tindakan ini sudah tentu akan memakan masa.

Kerajaan memang akan terus mengambil tindakan-tindakan. Berbagai-bagai langkah telah dan sedang diambil untuk mengatasi masalah kemiskinan tersebut. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah memperluaskan penyediaan kemudahan prasarana bagi memudahkan pengangkutan hasil pertanian petani daripada kawasan-kawasan luar bandar di samping penyediaan bekalan elektrik dan air untuk kampung-kampung terpencil di luar bandar. Di samping itu, kemudahan pendidikan dan kesihatan tambahan juga telah dibekalkan supaya anak-anak keluarga termiskin memperoleh kemudahan pelajaran yang bermutu bagi mempertingkatkan peluang untuk mendapat pekerjaan di sektor moden.

Berikutan daripada langkah-langkah Kerajaan tersebut ianya telah dapat meningkatkan pendapatan penduduknya dan mengurangkan kadar kemiskinan. Ini dapat dibuktikan daripada pengurangan kadar kemiskinan di negeri-negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak daripada 60.3%, 58.3% dan 56.5% masing-masingnya dalam tahun 1976 kepada 36.1%, 35.3% dan 24.7% dalam tahun 1987.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam pula, selain daripada memperluaskan rancangan bantuan sedemikian, bantuan-bantuan secara langsung untuk keluarga-keluarga termiskin akan juga diberikan. Di samping itu, industri-industri kecil dan sederhana di kawasan-kawasan estet perindustrian yang sesuai turut dibangunkan untuk memberi peluang pekerjaan dan meningkatkan sumber pendapatan penduduknya. Pengurangan kemiskinan dan peningkatan tahap hidup rakyat hanya dapat dijamin sekiranya mereka, di masa

akan datang bergantung kepada sumber-sumber pekerjaan dan pendapatan di luar kegiatan tradisi pertanian.

Dengan itu, adalah penting pembangunan sumber tenaga manusia diberi keutamaan bagi membolehkan penduduk-penduduk kawasan luar bandar melibatkan diri dalam pembangunan sektor industri dan perkhidmatan moden. Untuk memastikan rakyat negeri-negeri mendapat manfaat yang lebih dalam pembangunan industri ini, pembangunan sumber manusia khususnya latihan akan dipergiatkan di negeri-negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Akhirnya anggapan Yang Berhormat berkenaan dengan Bank Bumiputra itu sudah tentulah tidak benar bahkan saya beranggapan bahawa ianya ini usek-usek nakal daripada Yang Berhormat sahaja.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan soalan 6 (d) sebagaimana yang kita tahu bahawa Bank Bumiputra telah mengalami kerugian dua kali sebanyak \$2.2 ribu juta lebih dalam skandal BMF di Hong Kong dan pada bulan Mac tahun lepas sekali lagi mengalami kerugian berjumlah hampir \$1 billion. Persoalannya bagi menyelamatkan Bank Bumiputra bagi kedua-dua kali ini, wang PETRONAS telah digunakan iaitu hasil daripada sumber minyak negara. Boleh atau tidak Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini atau pihak Kerajaan memberitahu Dewan yang mulia ini apakah justifikasinya wang sumber minyak ini digunakan untuk menyelamatkan Bank Bumiputra bagi kedua-dua kali ini. Seperti mana yang kita tahu Bank Bumiputra mengalami kerugian kerana sebilangan besar daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada mereka tetapi wang ini tidak dibayar balik kepada bank. Hasilnya wang rakyat, wang sumber minyak diguna untuk menyelamatkan. Jadi per-

soalannya apakah justifikasinya di dalam tindakan yang dibuat oleh Kerajaan?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan PETRONAS mempunyai pelaburan dalam Bank Bumiputra itu dibuat atas asas-asas tertentu.

Berkenaan dengan justifikasi menyelamatkan Bank Bumiputra, sebagaimana yang disebutkan oleh Saudara Yang Berhormat tadi bahawa banyak pinjaman-pinjaman ini dibuat kepada peniaga-peniaga yang mana kerap kali kita juga dengar rayuan daripada ahli-ahli politik dan termasuk orang ramai supaya bank memberi perhatian/pertimbangan kepada peniaga-peniaga supaya bank tidak menekan kepada peniaga-peniaga. Sebab itulah bank memerlukan bantuan ataupun sumbangan baikpun daripada pelabur-pelabur mahupun daripada pemegang-pemegang saham supaya tidak menekan kepada peminjam-peminjam khususnya kepada peniaga-peniaga. Itulah jawapannya.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita tidak nafikan bahawa Kerajaan ada menjalankan rancangan-rancangan untuk pembangunan negara. Tetapi apa yang dipersoalkan selain daripada apa yang disebutkan tadi soal wang PETRONAS yang telah dimasukkan kepada Bank Bumiputra yang telah menanggung kerugian yang besar. Apa yang kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan peruntukan wang telah dibelanjakan secara membazir ke atas rancangan-rancangan projek yang besar-besar seperti projek-projek gergasi dan wang itu telah dipinjam untuk membiayai projek-projek gergasi sedangkan peruntukan yang telah diberi untuk pembangunan negara yang melibatkan rakyat biasa, rakyat-rakyat di luar bandar tidak mencukupi sepertimana yang diharapkan. Itulah yang di-anggapkan satu kepincangan dan diharap. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila bertanya.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Sama ada Kerajaan akan membetulkan kepincangan ini. Terima kasih.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidak ada kepincangan. Kepincangan ini wujud kerana orang-orang seperti Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang menggembur-gemburkan perkara-perkara ini di masa-masa yang tidak kena.

Contohnya Kerajaan melaburkan wang di dalam pembangunan kilang kereta nasional. Masa kita mula-mula buat sudah tentu tidak ada keuntungan. Tetapi pada hari ini apabila sudah ada untung masih juga dikatakan sebagai pembaziran projek gergasi dan sebagainya. Saya tidak faham. Perkara inilah yang terus dibincang, digembur-gemburkan oleh pihak Pembangkang. Beliau kata tuduhan liar—inilah tuduhan liar. Saya harap Yang Berhormat dari Bayan Baru akan dapat menyampaikan maklumat-maklumat secara adil, saksama sepertimana yang dituntut, didakwa oleh pihak Pembangkang bahawa inilah perjuangan Pembangkang. Biar kita adil supaya bila rakyat membuat keputusan, mereka membuat atas asas-asas yang wajar, bukan atas pembohongan yang dibuat oleh pihak tertentu. Saya tidak tahu projek mana yang masih dikatakan projek gergasi yang rugi ini. Tolong beritahu.

#### SKIM CGC—GALAKAN PENIAGA KECIL

7. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah bilangan pinjaman yang telah diberi melalui sistem CGC ataupun Credit Guarantee Corporation pada tahun 1988, 1989 dan 1990. Walaupun pihak Kerajaan telah berusaha dengan

hebat untuk menggalakkan bilangan pinjaman yang sedang diberi oleh Bank-bank kepada peniaga-peniaga kecil. Bank-bank kita masih enggan untuk meminjam kepada peniaga-peniaga kecil dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Menteri untuk menyelesaikan masalah ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan peminjam serta nilai pinjaman yang telah diluluskan melalui skim-skim pinjaman yang dikendalikan oleh Syarikat Jaminan Kredit Berhad (CGC) pada tahun 1988, 1989 dan 1990 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Peminjam</i>	<i>Nilai Pinjaman</i>
1988	5,628 orang	\$ 57.9 juta
1989	4,486 orang	\$105.1 juta
1990	9,110 orang	\$309.4 juta

(sehingga 15 Disember)

Kementerian Kewangan sentiasa mengawasi pemberian pinjaman kepada penjaja dan peniaga kecil dan dari masa ke semasa mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan ianya berjalan dengan lancar dan berkesan.

Dalam tahun 1989 misalnya, satu pengubahsuaian telah dibuat kepada Skim Jaminan Am dan Skim Pinjaman Khas yang sedia ada dengan memperkenalkan satu skim baru yang dinamakan Skim Jaminan Utama. Tujuan skim baru itu adalah untuk memberi faedah yang lebih kepada pihak peminjam dan juga bank-bank. Di antara pembaharuan-pembaharuan yang dibuat melalui skim baru itu termasuk menaikkan kadar jaminan oleh Syarikat Jaminan Kredit daripada 60% kepada 70%, menaikkan had pinjaman maksimum daripada \$200,000 kepada \$500,000 dan mempelbagaikan jenis kemudahan kredit daripada bentuk untuk pinjaman tetap dan overdraft yang sedia ada kepada bentuk-

bentuk lain termasuk surat kredit, resit, amanah, bil dibeli dan jaminan perkapalan.

Dalam tahun 1990 pula, pengubahsuaian telah dibuat kepada Skim Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil. Di antara pembaharuan-pembaharuan yang dibuat termasuk menambahkan peruntukannya daripada \$30 juta kepada \$100 juta dan meningkatkan jaminan oleh Syarikat Jaminan Kredit daripada 60% kepada 100%. Tujuan pengubahsuaian itu adalah untuk memastikan proses pemberian pinjaman yang lebih cepat dan mudah daripada pihak-pihak bank kepada penjaja dan peniaga yang kecil dan yang ingin mendapatkan pinjaman sehingga \$5,000.

Selain daripada itu, dalam tahun 1990 pula ada satu skim baru diperkenalkan oleh pihak Syarikat Jaminan Kredit dengan memperuntukkan sebanyak \$20 juta. Skim itu dinamakan Skim Pinjaman Khas Persatuan. Ia bertujuan untuk memberi pinjaman segera kepada penjaja dan peniaga kecil yang memerlukan pinjam tidak melebihi \$2,000. Pemohon-pemohon di bawah skim ini akan diberi pertimbangan oleh Syarikat Jaminan Kredit setelah mendapat sokongan pihak Persatuan Penjaja atau Peniaga Kecil yang berkenaan. Syarikat Jaminan Kredit akan mengarahkan bank-bank berkenaan mengeluarkan pinjaman kepada pemohon-pemohon yang didapati layak olehnya.

Pengubahsuaian-pengubahsuaian yang dijelaskan tadi adalah bertujuan untuk melicinkan lagi proses pemberian pinjaman oleh bank-bank kepada penjaja dan peniaga kecil dan hasil daripada pengubahsuaian itu, maka pinjaman-pinjaman dari segi bilangan dan nilai juga telah bertambah. Dan disamping itu, pihak Syarikat Jaminan Kredit juga mengadakan perbincangan-perbincangan dengan pihak bank-bank, wakil-wakil Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul dalam pemberian pinjaman kepada penjaja dan juga peniaga kecil.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain dari \$20 juta yang diperuntukkan untuk Skim Pinjaman Khas Persatuan, apakah amaun yang diperuntukkan untuk Skim Jaminan Am, Skim Jaminan Khas dan Skim Jaminan Utama dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa masih ada unsur-unsur yang tidak diingini termasuk pilih-kasih, konflik kepentingan dan sebagainya di dalam urusan pinjaman tersebut dan apakah peratusan yang mula membayar balik setakat ini?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut arahan Bank Negara, untuk tahun lalu sehingga ke bulan Mac 1991 bank-bank yang terlibat dengan skim ini khususnya Skim Jaminan Utama, diminta supaya memenuhi kuota tidak kurang daripada \$600 juta dan sehingga kini lebih kurang 70% daripada keperluan Bank Negara telahpun dipenuhi oleh bank-bank untuk skim yang pertama iaitu Skim Jaminan Utama.

Mengenai Skim Pinjaman Khas Persatuan dan Skim Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil, peruntukan yang disalurkan oleh pihak Kerajaan ialah kesemuanya berjumlah \$120 juta.

Mengenai soalan yang kedua, Ahli Yang Berhormat itu mengatakan adanya soal pilih-kasih dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengesan bahawa masyarakat menilai tinggi terhadap peranan yang dimainkan oleh peniaga kecil di semua peringkat. Oleh yang demikian, Kerajaan bukan sahaja sekadar mewujudkan CGC ini tetapi memberikan peruntukan yang sewajarnya dan selain daripada itu mewujudkan satu prosedur sebegitu rupa supaya pihak-pihak yang berminat, yang memerlukan, bukan sahaja berhadapan dengan pihak CGC dan pegawai-pegawainya tetapi juga mendapat kerjasama dan sokongan yang sewajarnya daripada pihak Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga-peniaga

Kecil. Jadi, skim-skim untuk pinjaman kecil-kecilan ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah terbuka kepada cara-cara diskriminasi, bahkan peraturan yang dibuat adalah terbuka kepada layanan yang sewajarnya diberikan melalui kerjasama daripada persatuan-persatuan mereka. Sehingga kini lebih kurang 145 persatuan peniaga kecil telah diiktiraf oleh pihak CGC. Soalan terakhir apa dia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukuplah itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Speaker, mengenai peratusan yang mula membayar balik setakat ini.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini pihak CGC tidak menghadapi masalah dalam soal pembayaran balik kerana cara mengesan pembayaran balik bukan sahaja berdasarkan kepada rasa tanggungjawab peminjam tetapi juga berdasarkan kepada kerjasama yang diberikan oleh Persatuan-persatuan Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar kalau saya katakan bank-bank tidak begitu berminat untuk memberikan pinjaman melalui Skim CGC ataupun Skim Jaminan Utama yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab mereka menghadapi berbagai-bagai kesukaran untuk menuntut balik 70% pinjaman yang dikeluarkan kepada peminjam apabila peminjam tidak dapat membayar balik kepada bank? Dalam soal ini nampaknya CGC hendak minta bank-bank ini menghabiskan segala langkah-langkah undang-undang sebelum mereka bersedia membayar balik pinjaman 70%. Jika perkara ini adalah benar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian

untuk menggalakkan bank-bank untuk memberikan pinjaman ini dengan lebih berkeyakinan.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, wujudnya CGC adalah dengan tujuan untuk mengurangkan risiko yang perlu ditanggung oleh bank secara berasingan. Oleh yang demikian, CGC merupakan satu tempat di mana risiko itu dikumpulkan secara bersama di antara bank-bank untuk mengurangkan risiko secara sendiri.

Selain daripada itu, CGC juga memberi jaminan pada had yang tertentu untuk mengurangkan risiko yang ditanggung oleh bank-bank tertentu. Jika sekiranya bank sanggup memberikan pinjaman berdasarkan kepada nilai cagaran sebanyak 70%, maka baki jaminan 30% diberikan oleh pihak CGC.

Tentang soal mengapa kurang keyakinan kerana tidak mudah mendapatkan bayaran balik pinjaman, saya ingin menegaskan di sini sekali lagi bahawa bukanlah satu masalah CGC dan bank-bank yang berkenaan untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman. Saya ingin tegaskan lagi sekali bahawa langkah-langkah kebelakangan ini ialah dengan mengajak, menjemput pihak Persatuan-persatuan terlibat secara langsung. Dengan cara yang demikian, pihak Persatuan dan peranan the so-called peer group, dengan izin, membolehkan CGC khususnya dan bank-bank untuk mengembalikan pinjaman-pinjaman apabila peniagaan mereka sudah berdaya maju.

#### MAJLIS PERUNDINGAN AKTA PENDIDIKAN

**8. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau akan memohon maaf secara awam kerana menyerang secara awam Dong Zhiao Zhong kerana surat mereka kepadanya mengenai Majlis Perun-

dingan Akta Pendidikan yang disifatkan beliau sebagai 'biadap' kerana serangan beliau itu adalah tidak berasas, tidak perlu serta tidak senonoh sebagai Menteri Pendidikan.

**Menteri Pendidikan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya tidak berhasrat untuk menuntut maaf kepada Pertubuhan Dong Zhiao Zhong atau Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia.

Kedua, saya tetap pertahankan pendirian saya bahawa pertubuhan itu tidak bertanggungjawab dan biadap kerana dalam surat-surat mereka kepada saya mereka telah menyerang sikap dan dasar Kementerian misalnya menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dan kedua, untuk mengekalkan konsep agama Islam sebagai konsep yang utama dalam sistem pendidikan. Mereka juga telah membantah cadangan untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa yang digunakan dalam Majlis Perundingan Akta Pendidikan.

Sikap yang sedemikian saya kira sudah tidak wajar dipertahankan dan saya lebih-lebih kesal lagi kerana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong memilih untuk pertahankan satu pertubuhan guru-guru Cina yang memilih untuk menentang Dasar Pendidikan Kebangsaan mempertikaikan dasar bahasa (*Tepuk*) dan tidak menghormati semangat dan sikap orang-orang Islam di negara ini yang hendak menjadikan agama Islam sebagai agama untuk mereka pelajari.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa cara-cara baru Yang Berhormat Menteri menjawab soalan-soalan dan memutarbelitkan perkara-perkara dan memutarbelitkan perkara ini di mana tujuan ialah untuk memelihara kedudukan jaminan yang termaktub dalam Perlembagaan Fasal

152 mengenai penggunaan dan pengajaran bahasa dan memutarbelitkan perkara semacam ini sebagai perkauman, racist melahirkan perasaan kurang senang, adakah ini menunjukkan bahawa sebenarnya ia membayangkan satu sikap yang sangat chauvinist dan communal Yang Berhormat Menteri sendiri, dan kedua, bukannya benar bahawa surat yang disebut dalam soalan ini ialah mengenai kedudukan untuk menegakkan Fasal 152 dan bukan yang disifatkan satu pendirian anti Islam, anti Melayu, anti Bahasa Malaysia dan semua ini fitnah dan dusta?

#### Seorang Ahli: Bohong!

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan apakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jaminan bahawa sikap-sikap ini diubah supaya perkara ini tidak merosakkan keharmonian dan perpaduan semacam satu dakwaan masa itu bahawa pertubuhan-pertubuhan Dong Zhiao Zhong ada meminta dengan rasmi Bahasa Mandarin menjadi bahasa rasmi di Malaysia, yang bukan benar. Akhirnya adakah, oleh kerana selepas pilihanraya besar sudah dua bulan, Majlis Perundingan Akta Pendidikan belum bermesyuarat menunjukkan bahawa penubuhannya ialah satu tipu helah sahaja untuk pilihanraya pada masa itu? *(Tepuk)*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya jangka soalan yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, sebab itu saya bawa salinan surat Gabungan—boleh tunjuk, tetapi tidak boleh baca, biar saya baca.

Yang pertama, salah satu syarat yang dikenakan kepada saya dan Kementerian Pendidikan: Bahasa Malaysia—Majlis Perundingan Akta Pendidikan tidak harus tunduk kepada syarat yang ditetapkan misalnya Bahasa Malaysia akan menjadi bahasa pengantar utama di semua sekolah atau konsep agama Islam diutamakan dalam sistem pendidikan.

Yang disebut yang satu lagi, perkara 4, bahasa yang digunakan dalam Majlis Perundingan Akta Pendidikan tidak dihadkan kepada Bahasa Malaysia sahaja.

Apakah makna kedua-dua ayat ini, Tuan Yang di-Pertua? Maknanya mereka tidak menghormati kedudukan bahasa. *(Tepuk)* Saya telah menyatakan kesediaan saya untuk mengedarkan kepada umum surat ini dan kandungannya pun telah diedarkan kepada umum tetapi saya kesal kerana rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat telah memilih untuk mempertahankan - kita boleh mempertahankan mana-mana persatuan, tetapi kita tidak boleh pertahankan persatuan yang biadap, tidak bertanggungjawab, tidak menghormati prinsip Perlembagaan negara kita *(Tepuk)*, dan ini saya bacakan supaya jangan disalah ertikan sebagai satu tafsiran kepada surat ini. Saya baca kandungan surat ini, bukan tafsiran kepada surat ini. Yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ialah tafsiran kepada surat ini untuk memutarbelitkan kenyataan dan menafikan bahawa Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina merupakan satu gabungan pelampau Cina yang menggunakan persatuan untuk menyerang Dasar Pendidikan Kebangsaan dan merendahkan kedudukan dan darjat kemuliaan bahasa di negara kita. Itu yang pertama.

Yang kedua, soal Majlis Perundingan Akta Pendidikan, saya telah membuat kenyataan sebelum ini bahawa Majlis ini akan bersidang pada akhir bulan Januari ini, jadi soal ia diwujudkan semata-mata untuk memenuhi tuntutan sebelum pilihanraya tidak timbul. Itu hanya igauan dan mimpi DAP sahaja *(Tepuk)*.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar mengikut tafsiran beliau sesiapa yang mencadang bahawa membekalkan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan baik pun aliran Tionghua

atau Tamil ialah tidak menghormati agama Islam, mencabar kedudukan Bahasa Malaysia dan bukannya ini satu, dengan izin, "perverse logic" dan usahanya mahu menjadi satu communal hero yang tidak bertanggungjawab dan sangat merbahaya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada surat yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Saya sendiri telah menyatakan bahawa kita tidak berhasrat untuk menukar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, tidak payah Ahli Yang Berhormat hendak jadi hero hendak mempertikaikan soal itu. (*Tepuk*)

Soal kedudukan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dipertahankan, tidak payah DAP menjerit soal itu. (*Tepuk*) Yang kita pertikaikan ialah apa yang terkandung dalam surat ini—adakah munasabah pada tahun 1990 ada satu pertubuhan yang bertanggungjawab memilih untuk tulis surat dan mengatakan tidak perlu diadakan perundingan di dalam Bahasa Malaysia dalam satu urusan rasmi dan adakah munasabah satu parti yang bertanggungjawab bersama dengan Gagasan Rakyat dan melalui Gagasan Rakyat dengan APU memilih untuk menyokong pendapat dan sikap yang melampau ini? (*Tepuk*).

#### TELEFON—CAJ PANGGILAN SETEMPAT

9. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengarah Syarikat Telekom Malaysia untuk memansuhkan caj panggilan setempat memandangkan STM telah mendapat keuntungan lumayan dan juga sebagai satu obligasi sosial kepada rakyat Malaysia.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang memansuhkan caj panggilan

setempat. Keuntungan yang dibuat oleh Telekom Malaysia digunakan oleh STM untuk memperluaskan rangkaian telekomunikasi tempatan. Keuntungan yang sama juga digunakan untuk subsidise perkhidmatan telekomunikasi luar bandar yang mana tidak membawa keuntungan sepertimana perkhidmatan di bandar.

#### KESELAMATAN RAKYAT DI PERSEKITARAN PERAIRAN SABAH

10. Tuan George Sangkin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian berkenaan untuk menjamin dan menjaga keselamatan rakyat Sabah yang tinggal di persisiran pantai negeri ini terutamanya di daerah-daerah Lahad Datu, Semporna, Tawau, Kunak dan Sandakan. Keselamatan para penduduk di persisiran pantai daerah-daerah tersebut seringkali terancam dengan serangan-serangan lanun.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, masalah kejadian jenayah merupakan rompakan dan pembunuhan di persekitaran perairan Sabah telah diberi perhatian yang serius dan keutamaan oleh Polis Di-Raja Malaysia dalam menunaikan peranan dan tanggungjawabnya itu. Bagi tujuan tersebut, beberapa operasi pembantaran kejadian tersebut telah dijalankan seperti Operasi Tanjung 4, Operasi Lanun, Operasi Banteras dan Operasi Lanyak yang melibatkan lebih kurang 50 buah bot peronda polis marin. Begitu juga oleh unit Udara Polis yang memainkan peranan membuat aerial surveillance, dengan izin, dengan membuat rondaan udara secara terselaras dengan bot-bot peronda marin. Melalui tindakan-tindakan tersebut sejak tahun 1988, pihak polis telah berjaya menurunkan kadar kes sebanyak 34.5% di mana merupakan 14 kejadian per-

tempuran antara polis dan perompak, 17 perompak rakyat asing ditembak, 35 suspek ditangkap, 17 orang didakwa dan beberapa pucuk senjata api dan peluru dirampas.

Ekoran daripada itu 4 kumpulan daripada 12 kumpulan perompak yang dikenalpasti telah berjaya dihapuskan.

Selain daripada unit-unit di atas, Polis DiRaja Malaysia juga telah menempatkan 4 Kompeni Bebas PPH atau Combas di bawah Ketua Polis Daerah ditempatkan di daerah-daerah Sandakan, Semporna, Lahad Datu, Kunak dan juga kawasan-kawasan berhampiran Sandakan. Kompeni-kompeni ini telah dilengkapi dengan senjata moden dan automatik serta dibekalkan dengan armoured vehicles, dengan izin, yang mana tugasnya ialah sebagai Pasukan Bertindak Cepat untuk meronda atau mengambil tindakan ke atas penjenayah-penjenayah yang berlaku di daerah berkenaan.

Di samping itu, anggota-anggota keselamatan di atas juga turut dibantu oleh anggota RELA (Pasukan Ikatan Relawan Malaysia) yang ditubuhkan di persekitaran daerah-daerah tersebut dari segi menyalurkan maklumat tentang kegiatan-kegiatan lanun.

Memandangkan keadaan perairan yang luas, Kerajaan sedang mengambil langkah untuk menguatkan lagi Unit-unit Bot Ronda di Sabah, mengkaji dan memperbaiki sistem komunikasi bot-bot ronda serta menubuhkan satu Unit Risiko bagi membantu mendapatkan maklumat-maklumat mengenai kegiatan-kegiatan seperti rompakan, penyeludupan, pencerobohan dan sebagainya.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semenanjung inipun pantainya panjang, Sarawak pun panjang pantainya, tetapi kenapa di Sabah banyak penyamun dan lanun?(*Ketawa*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lebih baiklah kita banyak membaca dan mendengar keadaan-keadaan yang berada di persekitaran di sebelah timur itu supaya melengkapkan diri sebagai Ahli Yang Berhormat. (*Ketawa*)

## INDUSTRI PELANCONGAN NEGARA

11. **Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan setakat manakah kerjasama yang diperolehi oleh Kementerian daripada Kerajaan Negeri berhubung dengan perkembangan industri pelancongan dan sokongan yang diberi oleh semua lapisan-lapisan masyarakat lain.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):** Tuan Yang di-Pertua, kerjasama yang diperolehi oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dari Kerajaan-kerajaan Negeri berhubung dengan perkembangan Industri Pelancongan adalah amat menggalakkan. Sokongan dan kerjasama ini dijalin melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelancongan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, sementara ahli-ahlinya termasuklah Pengerusi-pengerusi bagi hal ehwal pelancongan di peringkat negeri-negeri. Adalah diharapkan bahawa semua negeri dapat memberi kerjasama yang telah dijalin selama ini bagi terus menjayakan industri pelancongan. Pihak orang ramai dari semua lapisan masyarakat telah memainkan peranan yang amat membanggakan, baik dari pemandu teksi hingga ke polis pelancong, dan mereka yang bertugas di hotel-hotel telah memainkan peranan utama bagi menjayakan perkembangan Industri Pelancongan Negara.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini, adakah Kementerian ini meyakini bahawa Kerajaan Negeri Kelantan juga akan terus memberi kerjasama kepada Kementerian tersebut.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang saya berikan ini ialah kerjasama pada tahun-tahun yang berlalu, dan pada masa yang ke hadapan kita belum tahu lagi.

### KERAJAAN TEMPATAN— SISTEM PEMILIHAN

12. **Tuan Wong Wing On** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan bersedia mengembalikan sistem pemilihan Kerajaan Tempatan secara demokratik memandangkan sistem yang diamalkan sekarang, iaitu sistem perlantikan berasaskan kepentingan-kepentingan parti-parti pemerintah telah menyebabkan kurangnya akauntabiliti; jika ya, bila; jika tidak, mengapa.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, satu Suruhanjaya DiRaja Penyiasatan bagi memeriksa perjalanan pihak berkuasa tempatan telah ditubuhkan dalam tahun 1968 yang dipengerusikan oleh Senator Dato' Athi Nahapan. Suruhanjaya ini berpendapat perlantikan Ahli Majlis tidak secara pemilihan lebih berkesan kerana Kerajaan Negeri dapat bertindak adil terhadap pihak berkuasa tempatan yang bebas daripada pengaruh politik. Tugas pihak berkuasa tempatan adalah untuk memberi perkhidmatan atau service oriented, dengan izin. Fungsi pihak berkuasa tempatan bukannya membuat undang-undang, sebaliknya menjalankan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat.

Dalam kajian Suruhanjaya DiRaja di Kelantan, didapati pilihanraya yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan

dalam tahun 50an telah memecah-belahkan penduduk tempatan yang aman damai kepada dua pihak yang bersengketa. Terdapat juga insiden kecil seperti najis dibuang di hadapan rumah ahli politik oleh pihak lawan semata-mata disebabkan perbezaan politik. Suruhanjaya DiRaja telah memperakukan kepada Kerajaan bahawa pilihanraya diberhentikan demi mengelakkan kekecohan di peringkat tempatan.

Mengikut kajian didapati beberapa Majlis Daerah yang tidak mampu membayar gaji dan membuat kerja-kerja penyelenggaraan, jadi bila diadakan Pilihanraya Majlis Daerah akan berfungsi autonomi. Pada masa sekarang Majlis Daerah dari segi kewangan dibantu oleh Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekiranya pilihanraya diadakan untuk memilih Ahli-ahli Majlis Daerah di peringkat pihak berkuasa tempatan, maka kewangan di peringkat pihak berkuasa tempatan akan menjadi tanggungjawab Majlis Daerah dan ini akan menjadikan ianya tidak dapat mengatasi masalah kewangan mereka.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan keadaan sekarang telah berubah dan pada masa sekarang unsur politik masih wujud dalam perlantikan ahli-ahli Majlis Tempatan misalnya di Negeri Pulau Pinang, MCA telah gaduh dengan Gerakan - unsur-unsur politik masih ada di dalamnya. Jadi adakah Kerajaan bercadang untuk ditimbang semula perkara ini supaya pilihan itu dimulakan?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, Majlis Daerah ialah melaksanakan dasar-dasar yang telah ditentukan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Dengan itu tugas politik tidak wujud. Jadi, saya tidak percaya soalan Yang Berhormat itu berbangkit.

**Tuan Wong Wing On:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tiada pengaruh politik di Kerajaan Tempatan. Adakah beliau sedar bahawa selepas Pilihanraya Umum yang lalu, Majlis Perbandaran Ipoh telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji kenapa calon-calon Barisan Nasional kalah teruk di kawasan-kawasan yang terletak di sekitar Ipoh? Bukankah ini berunsur politik dan di luar bidang kuasa Kerajaan Tempatan? Apakah tindakan akan diambil terhadap Majlis Perbandaran Ipoh?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tidak membaca akhbar ataupun tidak membaca laporan. Sebenarnya tidak ada keputusan dibuat oleh Majlis Perbandaran Ipoh untuk membuat kajian tersebut, tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

*(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)*

#### AGENSI KERAJAAN YANG DISWASTAKAN

**14. Tuan Liew Ah Kim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada banyak lagi agensi Kerajaan yang akan diswastakan. Nyatakan agensi-agensi itu, dan bilakah ianya akan diswastakan.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenal-pasti agensi-agensi dan syarikat-syarikatnya yang didapati sesuai untuk diswastakan. Senarai agensi-agensi dan syarikat-syarikat yang akan diswastakan tersebut sedang dalam pertimbangan akhir Kerajaan dan akan dimasukkan dalam Pelan Tindakan Penswastakan yang akan diedarkan kepada orang ramai kelak.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendapat makluman bahawa Kerajaan memberi kategori 1, 2 dan 3 mengikut keutamaan untuk penswastakan. Oleh kerana perkara ini akan diedarkan kepada orang ramai, kalau sekiranya orang berminat untuk keutamaan yang ketiga daripada yang pertama, apakah boleh kita anggap bahawa keutamaan ini dikira disatukan dengan tidak adanya satu, dua, tiga dan sebagainya? Mungkin ada orang berminat yang ketiga, walaupun pihak Kerajaan menganggap bahawa yang ketiga belum sesuai lagi dan sebagainya. Bolehkah disatukan untuk mempercepatkan penswastakan dan DAP pun tidak cakap banyak lagi?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Fasal DAP cakap banyak, saya ingat mereka akan terus cakap banyak, kalau tidak, mereka tutup parti mereka.

Tentang apa Yang Berhormat sebutkan tadi mengenai kategori satu, dua dan tiga ini, saya ingat kategori ini dimasukkan mengikut kumpulan-kumpulan tertentu untuk memudahkan perkara ini dipertimbangkan. Saya ingat tidak berbangkit perkara-perkara ini diasingkan, boleh satu, dua dan tiga. Saya ingat bila dikeluarkan senarai esok kelak, perkara ini boleh dibuat pertimbangan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sebab saya sebagai pihak Dewan Perniagaan mengetahui ia ada keutamaan satu, dua dan tiga. Jadi, ada orang yang berminat untuk yang ketiga yang kita jangka untuk tahun 1992. Jadi, kita minta Kerajaan satukan semua jenis keutamaan yang pertama, siapa yang berminat boleh masuk—kecuali DAP. *(Ketawa)*

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Nampaknya Yang Berhormat dari Arau adalah kawan baik DAP, sebab itu saya beri pertimbangan kepada mereka. Terima kasih.

Saya percaya, sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa mengikut amalan Kerajaan, kalau ada pihak-pihak yang berminat atau bercadang untuk menswastakan sesuatu agensi, mereka dapat membuat cadangan-cadangan ini, sungguhpun seperti kata Yang Berhormat tadi, ada cadangan satu, dua dan tiga, tetapi saya ingat yang kita tidak senaraikan pun, kalau ada cadangan, seperti mana Jambatan Pulau Pinang, ada cadangan dari pihak-pihak tertentu, maka ini dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya spesifik sedikit. Apakah yang telah berlaku dengan cadangan untuk menswastakan Sabah Gas Utilisation Project, memandangkan bahawa ia sudah rugi beberapa ratus juta ringgit. Apakah dengan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan sebanyak lima ratus juta ringgit ke dalam Sabah Gas Utilisation Project, ia sudah ditukarkan sebagai pelaburan dan bukan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan?

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini pada mesyuarat yang lalu, kita sudah diberi tahu bahawa satu laporan lengkap (master plan) terhadap penswastakan sudah ada di dalam tangan Kabinet, tetapi sampai sekarang belum dikeluarkan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini apakah yang sudah berlaku terhadap master plan itu. Adakah penswastakan itu akan dilaksanakan secara adil supaya tidak semua projek yang untung hanya diberi kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau sahaja?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Nampaknya ada "understanding" antara Yang Berhormat dari Kuching dengan Yang Berhormat dari Arau. Jadi, berkenaan dengan soalan yang pertama iaitu Sabah Gas sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuching iaitu soalnya spesifik, jadi saya minta notis.

Berkenaan report berkaitan dengan kajian "master plan" penswastakan itu sudahpun di dalam pertimbangan pihak Kabinet dan saya percaya ini akan diambil kira dalam kajian yang saya sebutkan tadi untuk menyenaraikan agensi-agensi Kerajaan untuk penswastakan.

### **KRISIS TELUK KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI— KESAN**

**15. Tuan Jawah Anak Gerang** minta Menteri Kewangan menyatakan kesan krisis Teluk kepada:

- (a) kadar inflasi yang dihadapi oleh negara;
- (b) pertambahan kepada pendapatan Kerajaan akibat kenaikan harga dan penawaran minyak negara; dan
- (c) ekonomi negara khasnya kepada kadar pertambahan ekonomi keseluruhannya.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan:

- (a) Krisis teluk telah menambahkan tekanan ke atas harga-harga di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, kadar inflasi di Malaysia masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Dalam 10 bulan pertama tahun 1990 Angkatunjuk Harga Pengguna Malaysia meningkat sebanyak 2.2%. Pada tahun 1991 Angkatunjuk tersebut dijangka meningkat sebanyak 4%;
- (b) Kenaikan harga berikutan krisis Teluk telah menambahkan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan yang berasaskan Petroleum. Dalam tahun 1990 duti eksport Petroleum mentah telah meningkat sebanyak \$425 juta atau 29.7% lebih tinggi dari-

pada jumlah kutipan pada tahun 1989. Bagi tahun 1991 pula, kutipan hasil dari sumber-sumber petroleum dijangka meningkat sebanyak \$1,394 juta atau 26.5% lebih tinggi dari kutipan dalam tahun 1990;

- (c) Bagi tahun 1990, pertumbuhan ekonomi negara yang diukur melalui kadar peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar dijangka meningkat sebanyak 9.5%. Prestasi ini adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kadar pertumbuhan sebanyak 8.8% yang dicatatkan pada tahun 1989. Walau bagaimanapun, jika berlaku peperangan di Teluk atau krisis tersebut berpanjangan, ini akan memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi dunia dan seterusnya ke atas prospek ekonomi Malaysia. Pada tahun 1991 KDNK dijangka meningkat sebanyak 7.8%.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 13 dan 16 hingga 24 adalah diberi di bawah ini)*

#### BAHASA INGGERIS—TARAF PELAJARAN

4. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan dan program tertentu yang Kerajaan cadangkan untuk memperkenalkan dan memajukan taraf bahasa Inggeris yang semakin jatuh tarafnya di antara murid-murid kita.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Terdapat satu soalan yang hampir sama iaitu soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Nasruddin Alang Saidin (Parit) untuk dijawab pada

30.1.91. Saya dengan ini memohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf pelajaran bahasa Inggeris di semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan taraf pelajaran bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

1. Menambah bilangan guru yang terlatih dalam pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah;
2. Memberi kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kemahiran guru-guru bahasa Inggeris;
3. Mengeluarkan bahan-bahan pukal serta menyediakan program-program melalui radio dan TV Pendidikan;
4. Merancang dan menyelaras program-program bahasa Inggeris di sekolah melalui Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan Program Bahasa Inggeris di sekolah;
5. Memperkenalkan pelajaran Kesusasteraan dalam bahasa Inggeris melalui program "Class Readers" yang bertujuan mempertingkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa Inggeris di samping menanam minat membaca di kalangan pelajar;
6. Membekalkan "nota panduan pengajaran" dan buku panduan guru bagi membantu guru-guru menyediakan aktiviti-aktiviti menarik yang banyak melibatkan bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris;
7. Menambah pengetahuan guru melalui penerbitan "Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa";

8. Melaksanakan aktiviti-aktiviti bahasa Inggeris seperti kegiatan drama, syarahan, bercerita, membaca dan sebagainya;
9. Menjalankan penyeliaan dan pengawasan yang berterusan khasnya di sekolah-sekolah luar bandar;
10. Menjalankan satu penilaian formatif bagi tujuan mengesan dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar, guru-guru dan pentadbir-pentadbir pendidikan bahasa Inggeris.

### PROJEK MINIHIDRO KIAU

13. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan sudah menjalan kajian ke atas cadangan pembinaan Mini Hidro di Kg. Kiau, Sabah, kalau belum, bila agaknya, kalau sudah, apakah keputusannya.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Lembaga Letrik Sabah sedang memproses perlantikan juruperunding yang berkelayakan untuk membuat kajian projek Minihidro Kiau. Keputusan perlantikan juruperunding dijangka dibuat pada bulan Januari 1991.

### ROYALTI MINYAK KEPADA SABAH

16. Tuan Taimin Lumaing minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sabah dari royalti minyak sejak tahun 1986 hingga tahun ini, 1990; dan
- (b) berapakah peruntukan yang diperolehi oleh Negeri Sabah dari Kerajaan Persekutuan setiap tahun. Dan adakah peruntukan tersebut munasabah jika dibancikan dengan sumbangan Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Bayaran royalti minyak kepada Negeri Sabah bagi tahun 1986 hingga tahun 1990 ialah sebanyak \$472 juta.
- (b) Jumlah pemberian geran dan peruntukan yang diperolehi oleh Negeri Sabah dari Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 1986 hingga 1990 adalah sebanyak \$6,774 juta. Pecahannya adalah seperti berikut:

(i) Pemberian geran	\$ 704 juta
(ii) Peruntukan mengurus	\$2,838 juta
(iii) Peruntukan Pembangunan	\$3,232 juta
Jumlah	\$6,774 juta

Peruntukan-peruntukan yang disediakan tersebut adalah berdasarkan peruntukan perlembagaan, undang-undang negara dan segala persetujuan di peringkat Majlis Kewangan Negara. Dalam menentukan jumlah peruntukan Kerajaan sukalah menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan perlu memberi perhatian yang saksama kepada semua negeri di Malaysia mengikut kemampuan kewangan Kerajaan Persekutuan.

### BIRO PENGADUAN AWAM

17. Tuan Fong Kui Lan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam bagi tahun 1988, 1989 dan tempoh dari 1.1.1990 hingga 31.10.1990;
- (b) bilangan aduan yang diselesaikan berkaitan tahun-tahun tersebut di atas;
- (c) apakah aduan biasa yang banyak diterima oleh Biro dalam susunan kepentingannya;
- (d) jumlah kekuatan Biro Pengaduan Awam masa kini dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan keber-

kesanannya dalam menyelesaikan lebih banyak masalah dan lebih mudah didampingi oleh orang ramai.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):**

- (a) Bilangan aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) ialah seperti berikut:

Tahun	Agensi Persekutuan	Agensi Negeri	Jumlah
1988	873	254	1,127
1989	1,483	379	1,817
1-1-1990— 31-10-1990	1,034	233	1,267

- (b) Bilangan aduan yang diselesaikan bagi tahun-tahun berkenaan ialah—

Tahun	Agensi Persekutuan	Agensi Negeri
1988	638 (73%)	156 (61.4%)
1989	941 (65.4%)	203 (53.6%)
1-1-1990— 31-10-1991	491 (47.5%)	105 (45.1%)

- (c) Aduan biasa yang banyak diterima oleh BPA ialah berkaitan dengan kelambatan dalam beberapa urusan seperti lambat menjawab surat, lambat membuat pembayaran, lambat memulangkan wang yang terlebih bayar atau dipotong, lambat mengendalikan urusan lelong oleh Pejabat-pejabat Tanah dan sebagainya. Aspek lain yang selalu diadakan ialah yang berkaitan tingkahlaku kakitangan Kerajaan terutamanya yang terlibat dengan perkhidmatan kaunter, tindakan tidak adil atau tiada mengambil apa-apa tindakan terhadap sesuatu perkara.

- (d) BPA pada masa kini mempunyai 32 orang kakitangan termasuk 13 orang pegawai kanan. Kerajaan puashati dengan tahap prestasi BPA berikutan dengan beberapa rombakan beberapa tahun dahulu mengenai 'modus operandi' dan penubuhan Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun ini BPA akan melancarkan litaran BPA meliputi seluruh negara. Tujuannya ialah untuk memudahkan orang ramai mengemukakan aduan-aduan mereka terhadap jentera perkhidmatan awam. Untuk memastikan program itu dijalankan dengan sempurna, Kerajaan akan menambahkan lagi tenaga kepegawaian BPA.

**ORANG ASLI SARAWAK—  
ADUAN MENGENAI  
PEMBALAKAN**

18. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan-tindakan lanjut yang telah diambil oleh Kementerian atas aduan-aduan dan rayuan-rayuan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh Orang Asli (Natives) di Sarawak akibat kerosakan-kerosakan terjadi di atas tanah-tanah mereka, hutan dan sungai-sungai akibat kegiatan pembalakan dan di mana berjanji untuk membawa perkara ini keperhatian Perdana Menteri, Ketua Menteri Sarawak dan Majlis Perhutanan Negara semasa bertemu dengan perwakilan dari masyarakat suku kaum Orang Asli (Natives) dari Sarawak di Kuala Lumpur pada tahun 1987.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik):** Berhubung dengan pertanyaan ini, saya kurang jelas mengenai persoalan masalah yang dihadapi oleh Orang Asli Sarawak akibat daripada aktiviti pembalakan. Dari segi

pembalakan, Kerajaan Sarawak melaksanakan dasar pengurusan hutan secara berkekalan dan selanjutnya mengambil daya usaha bagi melaksanakan pembalakan dengan cara teratur bagi mengurangkan kerosakan kepada hutan yang boleh memberi kesan buruk kepada alam persekitaran berikutan dari aktiviti pembalakan. Di mana perlu polisi dan pelaksanaan pengurusan perhutanan diperbaiki untuk memperkemaskan pentadbiran hutan. Berasaskan kepada hakikat inilah, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengalukan lawatan Missi International Tropical Timber Organization (ITTO) iaitu satu badan bebas untuk mengkaji pengurusan pentadbiran hutan Sarawak.

Kerajaan Negeri Sarawak telah meneliti laporan Missi ITTO ini secara positif dan akan melaksanakan perakuan yang telah dibuat oleh Missi ITTO mengikut yang termampu dengan harapan untuk memperteguhkan lagi pengurusan hutan di Sarawak.

Dari segi keperluan kaum Penan iaitu kaum yang tinggal di hutan, Kerajaan Negeri baru-baru ini telah mengisytiharkan penubuhan dua kawasan khas di Ulu Limbang dan di Ulu Baram bagi memenuhi keperluan hidup tradisional kaum Penan. Kaum Penan yang masih mendiami kawasan hutan berjumlah 400 orang sahaja berbanding dengan keseluruhan kaum Penan seramai 9,000 yang mana sebahagian besarnya telah memilih cara hidup yang menetap.

Ahli Yang Berhormat juga sedia maklum bahawa Kerajaan Sarawak mempunyai peruntukan perundangan yang tertentu bagi melindungi kepentingan hak kaum Orang Asli.

Saya berharap agar Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Rakyat akan dapat membantu bagi memberi gambaran yang seimbang mengenai dengan mutu dan pelaksanaan pengurusan hutan dan bekalan kayu di Sarawak di dalam konteks pembangunan

dan kemajuan rakyat dan Negeri Sarawak daripada menyorankan aspek negatif terhadap pengurusan hutan negeri. Dengan yang demikian ia akan dapat membantu ke arah pembangunan dan perlindungan hutan yang positif yang mana sumber kayu kayan adalah merupakan sumber hasil terpenting bagi Kerajaan Negeri dan Negara.

#### **PENCEMARAN ALAM SEKITAR**

**19. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) apakah hasil kajian Kementerian keadaan berjerebu yang melanda teruk Kuala Lumpur baru-baru ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah kawalan dan penguatkuasaan yang diambil bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar seumpama itu berulang lagi.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut kajian khusus di Lembah Klang, di mana terletaknya juga ibu kota Kuala Lumpur, paras habuk terampai di udara didapati meningkat sejak 19 Ogos, 1990 sehingga 27 Ogos, 1990 dan menurun semula pada 30 Ogos, 1990. Peningkatan kandungan habuk terampai bagi beberapa tempat melebihi seratus peratus dari keadaan biasa.

Pada masa yang sama kandungan logam-logam berat termasuk kuprum, plumbum, ferrum, kadmium dan kromium didapati berada pada paras biasa dan tidak membahayakan.

- (b) Untuk menjawab soalan (b), perkara ini telah dijelaskan di Dewan ini pada 19 Disember, 1990 semasa menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat

Padang Terap. Oleh yang demikian, saya tidak berhasrat untuk menambah apa-apa lagi.

### **BANTUAN KEWANGAN KEPADA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN**

**20. Tuan Kerk Kim Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah sebabnya sekolah-sekolah jenis kebangsaan diberi bantuan kewangan yang kurang daripada sekolah-sekolah kebangsaan; dan
- (b) apakah kriteria bagi meluluskan bantuan kewangan untuk setiap jenis sekolah.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Dakwaan yang mengatakan sekolah-sekolah jenis kebangsaan diberi bantuan kewangan yang kurang daripada sekolah-sekolah kebangsaan adalah tidak benar oleh kerana Kementerian Pendidikan tidak membezakan pemberian bantuan kewangan bagi maksud pengurusan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan dengan sekolah-sekolah kebangsaan.
- (b) Bantuan kewangan yang diberikan untuk sekolah-sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan adalah berdasarkan kepada sama ada ianya sekolah rendah atau sekolah menengah dalam bentuk geran per kapita di mana kadar yang sama digunakan, dan mengikut bilangan murid di tiap-tiap sekolah.

### **PEKERJA-PEKERJA HARAM— KERJASAMA POLIS**

**21. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) perihal Kerajaan meminta kerjasama daripada Interpol

Taiwan untuk menyiasat penghantaran pekerja-pekerja Malaysia secara haram ke negara tersebut, adakah pula persefahaman atau kerjasama yang serupa diperolehi daripada pihak Indonesia untuk mendedahkan sindiket-sindiket yang membawa masuk pekerja haram ke Malaysia. Jika tidak, mengapa. Bagaimanakah kedua-dua operasi membawa masuk pekerja haram di antara kes ini berbeza; dan

- (b) jika ada, mengapakah masalah pekerja haram Indonesia di Malaysia masih wujud, lagi-lagi pun dengan usaha Kerajaan untuk mendaftarkan mereka. Tidakkah Interpol Malaysia dengan Indonesia berdaya mendapat bukti mencukupi untuk mendakwa sindiket-sindiket ini di mahkamah. Mengapa pula Kerajaan berpendapat Interpol Taiwan pula berdaya memperoleh bukti sedemikian.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Polis DiRaja Malaysia dan Polis Indonesia memang telah lama bekerjasama rapat dalam berbagai bidang.

Kedua-dua kes operasi antara Taiwan dan Indonesia adalah berbeza. Yang pertama, rakyat negara kita memasuki Taiwan sementara kes kedua adalah di mana rakyat Indonesia memasuki negara kita. Negara Taiwan adalah jauh dari Malaysia dan susah untuk sampai ke sana kecuali dengan kapal terbang sahaja. Jadi, hal kawalan ke atas rakyat Malaysia yang ke sana oleh pihak berkuasa Taiwan adalah senang. Tetapi, tidak dengan negara Indonesia yang dekat dengan Malaysia. Pendatang-pendatang tanpa izin dari Indonesia senang untuk ke Malaysia, oleh kerana pintu keluar Indonesia dan pintu masuk Malaysia adalah luas dan di seluruh negara. Ini menyusahkan kedua-dua pihak membuat kawalan. Justeru itu,

adalah lebih mudah bagi Polis Taiwan menyasat kemasukan pekerja Malaysia ke Taiwan daripada Polis DiRaja Malaysia menyasat akan kemasukan pendatang tanpa izin Indonesia ke Malaysia.

Pasukan Polis DiRaja Malaysia telah mencapai beberapa kejayaan dalam membanteras kemasukan pendatang tanpa izin dari Indonesia di mana perangkaan telah menunjukkan antara Januari hingga September 1990 seramai 18,815 pendatang tanpa izin termasuk ahli sindiket telah ditangkap.

Dari jumlah tersebut seramai 14,957 telah diusir balik dan sejumlah 3,468 orang pula telah didakwa. Baru-baru ini juga seramai 12 orang ahli sindiket telah ditangkap di Kuala Lumpur. Ini jelas membuktikan adanya sindiket yang membawa masuk pekerja-pekerja dari Indonesia berpusat di Malaysia.

#### TAHUN MELAWAT MALAYSIA— PROGRAM

22. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan berapa banyak wang yang dibelanjakan untuk memperkenalkan Tahun Melawat Malaysia dan adakah mendapat keuntungan. Jika mendapat keuntungan di manakah wang tersebut disalurkan.

**Dato' Abdul Raman bin Suliman:** Jumlah peruntukan yang diberikan bagi program Tahun Melawat Malaysia ialah sebanyak \$92 juta. Peruntukan ini adalah bagi tempoh tiga tahun iaitu 1989, 1990 dan 1991 (Jun).

Berpandukan kepada perkiraan anggaran pertukaran wang asing daripada pelancongan bagi tahun 1990 yang dijangka akan mencapai melebihi \$4 bilion, maka Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menganggap program dan kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 adalah mendapat keuntungan yang membanggakan.

Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang ingin tahu ke manakah hasil-hasil keuntungan berkenaan disalurkan, maka sukalah saya menjelaskan bahawa pendapatan yang diperolehi daripada pelancongan tersebut tidaklah terus diterima oleh Kerajaan, tetapi jumlah tersebut merupakan perbelanjaan-perbelanjaan yang dibelanjakan oleh para pelancong kepada berbagai perkhidmatan seperti hotel dan restoran, pengangkutan udara/darat/laut, perkhidmatan perniagaan (business service) barangan keperluan dan lain-lain keperluan harian oleh para pelancong.

Kerajaan hanya mendapat sebahagian kecil daripada jumlah tersebut yang dikutip melalui cukai-cukai yang diterima daripada perniagaan-perniagaan yang terlibat. Sebagai cukai ianya menjadi hasil Kerajaan dan disalurkan bagi membiayai seluruh keperluan pentadbiran dan pembangunan negara.

#### PENYELUDUPAN DADAH

23. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan masalah penyalahgunaan dadah di Asia Tenggara telah meningkat ekoran pengeluaran candu berlebihan di Tiga Segi Emas, oleh yang demikian, minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan-tindakan yang berkesan telah, sedang dan akan diambil untuk mengawasi dan membanteras:

- (a) penyeludupan dadah dari negara asing;
- (b) pengedaran dadah dan penagih dadah di dalam negeri;
- (c) berapa orang asing dan orang tempatan di dakwa di bawah Akta Dadah merbahaya setakat ini;
- (d) jumlah hartabenda telah dirampaskan oleh Kerajaan sehingga hari ini; dan
- (e) sejauh manakah penyeludupan dadah di pusat seranti dan penjara.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

(a) Kegiatan penyeludupan dadah ke negara ini merupakan satu masalah yang sukar untuk dihapuskan 100% disebabkan oleh adanya permintaan dadah di dalam negara dan perbatasan laut dan darat yang luas dengan negara-negara jiran. Walaubagaimanapun tindakan-tindakan positif ke arah mengawal dan mencegah penyeludupan ini sentiasa diambil dan akan terus dipertingkatkan melalui langkah-langkah berikut:

- (i) Pemeriksaan yang ketat ke atas orang-orang yang keluar/masuk di pintu-pintu keluar/masuk dengan menggunakan anjing-anjing pengesan.
- (ii) Pembinaan pagar keselamatan sepanjang 576 kilometer di kawasan-kawasan perbatasan Malaysia/Thailand.
- (iii) Usaha-usaha kawalan dan pengesanan di sempadan laut dan darat serta operasi-operasi mencegah penyeludupan.
- (iv) Perhubungan rapat dengan agensi-agensi penguatkuasaan dadah di luar negeri khususnya dengan Thailand untuk mendapatkan berbagai-bagai maklumat bagi tujuan penguatkuasaan mencegah penyeludupan.

(b) Mengenai pengedaran dan penagih dadah di dalam negeri pula tindakan-tindakan berikut dijalankan:-

- (i) Melancarkan operasi-operasi bagi membanteras kegiatan penge-

edaran dan penagihan dadah di seluruh negara.

- (ii) Mengambil tindakan terhadap penagih-penagih dadah di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 untuk tujuan pemulihan dengan menempatkan mereka di Pusat-pusat Serenti.
- (iii) Membuat tangkapan dan menahan pengedar-pengedar di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.
- (iv) Mempertingkatkan program-program yang bertujuan untuk mengurangkan penagihan dan permintaan dadah di kalangan rakyat menerusi pendidikan mengenai ancaman dadah, kempen-kempen, ceramah-ceramah dan pameran-pameran anti-dadah serta usaha-usaha menyedarkan ibu bapa dan orang ramai terhadap ancaman dan bahaya dadah.

(c) Tangkapan ke atas orang tempatan dan rakyat asing di bawah Akta Dadah Merbahaya adalah seperti berikut—

<i>Orang Tempatan</i>	<i>1987</i>	<i>1988</i>	<i>1989</i>
Sek. 39 B	525	561	680
Sekayen-sekayen lain	10,654	12,061	9,138
<i>Rakyat Asing</i>	<i>1987</i>	<i>1988</i>	<i>1989</i>
Sek. 39 B	28	37	24
Sekayen-sekayen lain	71	68	65

(d) Semenjak berkuatkuasanya Akta Dadah Berbahaya (Perlu-cuthakan Harta) 1988 mulai 11 Mei 1988 hingga 6 Disember 1990, sejumlah \$4.6 juta telah

disita untuk siasatan lanjut. Jumlah tersebut adalah meliputi wang tunai, barang kemas, kenderaan, saham, cek dan akaun bank.

- (e) Setakat ini tidak ada sebarang penyeludupan berlaku di semua pusat serenti yang ada di bawah Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun di Penjara-penjara bagi tempoh 1988 - 1990 seramai 43 orang pegawai dan kakitangan penjara telah terlibat dalam kes-kes penyeludupan dadah ini, sementara dalam tempoh yang sama bilangan banduan pula ialah seramai 759 orang.

#### **AKTIVITI WANITA DISAMPAIKAN DI LUAR BANDAR**

24. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bagaimanakah aktiviti-aktiviti wanita dapat disampaikan di luar-luar bandar.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Segala aktiviti yang berkaitan dengan wanita disampaikan kepada wanita-wanita di luar bandar melalui program-program yang dijalankan oleh berbagai Kementerian dan agensi Kerajaan yang mempunyai hubungan dengan luar bandar. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, FELDA dan juga Kementerian Kesihatan.

Bagi kaum wanita yang berada di sektor perladangan pula, aktiviti-aktiviti tersebut disalurkan melalui Kementerian Sumber Manusia.

Di samping itu, Pertubuhan-pertubuhan wanita juga memainkan peranan yang aktif di dalam menyampaikan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan wanita di luar bandar.

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan di baca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$9,433,569,070 dibelanjakan dari-

pada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1991, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1991, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 tahun 1990, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang sedemikian jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut; dan bahawa, Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 11 Disember, 1990 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1991 adalah dibatalkan." (7hb Januari, 1991)

**Tuan Yang di-Pertua:** Giliran Kementerian-kementerian menjawab. Saya minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

3.38 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan tahun 1991 dan seterusnya memberi cadangan, teguran dan syor-syor mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Dalam tempoh perbahasan tersebut, Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Lembaga Urusan dan Tabung Haji, pilihanraya, pencegahan rasuah, perkhidmatan awam, Dasar Ekonomi Baru, Kemajuan Wilayah Persekutuan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas penghargaan Yang Berhormat dari Marang mengenai kejayaan Tabung Haji dari segi perkhidmatan, pelaburan, perubatan

dan urusan perjalanan jemaah haji yang diatur dengan baik. Kecekapan dan kematangan Tabung Haji menguruskan keseluruhan operasi haji, khususnya di Tanah Suci juga mendapat perhatian dan penghargaan dari Kerajaan Arab Saudi dan Tabung Haji dianggap sebagai contoh kepada negara-negara Islam yang lain. Tabung Haji sememangnya sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada jemaah haji dan juga untuk meningkatkan keuntungan pelaburan bagi kepentingan semua pendeposit-pendeposit Tabung Haji. Selaras dengan itu Tabung Haji bersedia menerima teguran-teguran dan cadangan-cadangan dari orang ramai untuk dikaji secara mendalam supaya kelemahan-kelemahan dapat diatasi demi untuk meningkatkan lagi prestasinya.

Kebanyakan daripada petugas-petugas Tabung Haji yang dihantar untuk bertugas ke Tanah Suci adalah berpengalaman. Hanya lebih kurang 30% sahaja petugas-petugas baru dihantar ke Tanah Suci untuk membantu petugas-petugas yang berpengalaman dan juga sebagai pelapis. Sebelum dihantar ke Tanah Suci semua petugas-petugas baru diberi kursus di mana mereka didedahkan dengan berbagai-bagai masalah yang sering dihadapi pada tahun-tahun yang lalu dan juga cara-cara mengatasi masalah tersebut. Selain dari itu Tabung Haji mengadakan "post mortem", dengan izin, dan bengkel operasi haji tiap-tiap tahun bagi melicinkan lagi operasi haji di Tanah Suci.

Mengenai dakwaan bahawa petugas Tabung Haji tidak mempunyai pengalaman untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi di Tanah Suci, serta lemah menghadapi masalah dengan pihak Arab Saudi, saya yakin bahawa dakwaan itu tidak benar, kerana tiap-tiap pasukan petugas haji diketuai oleh kakitangan yang dipilih khas dan mempunyai pengalaman yang luas serta mempunyai hubungan yang baik dengan kakitangan Kerajaan Arab Saudi.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Haji Arab Saudi telah mengesahkan bahawa Muaissem adalah termasuk di dalam kawasan Mina dan ulama-ulama negaranya pun juga telah bersepakat mengatakan bahawa Muaissem termasuk dalam kawasan Mina.

Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia telah beberapa kali berbincang dengan Kerajaan Arab Saudi dalam usaha untuk menempatkan jemaah haji Malaysia di kawasan Mina berhampiran dengan Jumrah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Arab Saudi tidak dapat memenuhi permintaan tersebut oleh kerana bilangan jemaah haji yang sentiasa meningkat.

Mengenai bayaran ganti rugi kepada keluarga jemaah haji yang terkorban dalam trajedi Muaissem, Kerajaan Malaysia telahpun meminta imbuhan daripada Kerajaan Arab Saudi tetapi sehingga kini Kerajaan Arab Saudi tidak memberi apa-apa imbuhan.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji mempunyai dua matlamat utama iaitu yang pertamanya adalah untuk memberi perkhidmatan yang baik, sempurna dan amat memuaskan kepada jemaah haji Malaysia dalam urusan mereka menaikkan fardu haji. Selain daripada itu, Tabung Haji juga mempunyai matlamat untuk memberi keuntungan yang maksimum kepada pendeposit-pendeposit ke atas wang simpanan mereka. Tabung Haji tidak hanya memberi tumpuan untuk mendapat keuntungan dari segi pelaburan semata-mata, malah Tabung Haji lebih mengutamakan perkhidmatan yang diberikan kepada jemaah haji di samping berusaha untuk mendapat keuntungan yang tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah dipilih sebagai pemenang bagi Anugerah Bank Pembangunan Islam atau IDB dalam bidang pengurusan bank yang berasaskan konsep Islam. Pemilihan dibuat memandangkan peranan Lembaga Urusan dan

Tabung Haji sebagai sebuah institusi Islam yang terulung lagi ternama dan kejayaannya dalam usaha mengendalikan wang simpanan penyaliran-penyimpan untuk pelaburan mengikut cara Islam. Rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, patut berasa bangga bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah dipilih oleh organisasi seperti Bank Pembangunan Islam sebagai pemenang hadiah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai sampah sarap di sekitar Kuala Lumpur yang tidak dikutip oleh DBKL dan longkang-longkang tersumbat, perlu dimaklumkan bahawa pelbagai usaha dan langkah telahpun dilaksanakan oleh DBKL bagi meningkatkan lagi mutu kebersihan ibukota Kuala Lumpur. Walaupun DBKL telah berusaha sedaya upaya tetapi kerjasama dan sikap tanggungjawab semua wargakota bandaraya Kuala Lumpur perlu dipertingkatkan. Saya berharap Yang Berhormat dari Bukit Bintang akan mempelopori seruan ini. Longkang-longkang tersumbat disebabkan pembuangan sampah ke dalam parit dengan berleluasa terutama oleh setinggan dan juga oleh penjaja-penjaja. Untuk mengatasi masalah ini, DBKL telah membina parit-parit besar berkonkrit untuk menggantikan parit-parit tanah yang sedia ada. Di samping itu, DBKL juga sedang menjalankan kerja-kerja untuk mewujudkan satu sistem rangkaian perparitan induk yang sempurna.

Mengenai pembinaan pangsapuri-pangsapuri mewah di Kuala Lumpur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, perlu dijelaskan bahawa DBKL telah meluluskan pembinaan berbagai-bagai jenis rumah iaitu daripada rumah pangsa kos rendah berharga \$25,000 hingga rumah pangsa kos tinggi berharga lebih daripada \$100,000. Mengikut perangkaan, sehingga Jun 1990, angka rumah-rumah pangsa yang dibina oleh swasta di sekitar

Kuala Lumpur ialah sebanyak 51,435 unit di mana 1,910 unit adalah pangsapuri mewah, 17,869 unit rumah pangsa kos sederhana dan 31,656 unit rumah pangsa kos rendah. Ini bermakna tumpuan pembinaan adalah bagi jenis rumah pangsa kos rendah. Berkaitan dengan 10,000 penjaja tanpa lesen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk makluman Yang Berhormat berkenaan, DBKL telah memberi lesen kepada mereka yang layak mengikut syarat-syarat dan peraturan DBKL. Mengikut bancian, sehingga bulan Oktober 1990, bilangan penjaja yang berlesen adalah seramai 35,898 orang. Manakala mereka yang tidak berlesen hanyalah seramai 1,245 di 630 kawasan penjajaan.

Berkaitan dengan operasi pemborong haram di Pasar Pudu, perlu dijelaskan di sini bahawa Pasar Pudu merupakan pasar harian, dengan izin, retail market dan terdapat lebih kurang 2,000 penjaja dan pedagang setiap hari. DBKL telah menerima aduan daripada peniaga-peniaga kecil tentang perniagaan borong haram berlaku di pasar berkenaan dan DBKL telah membuat Operasi Kajian pada 16hb Disember 1990, 17hb Disember 1990 dan 18hb Disember 1990 bersamasama dengan kakitangan Badan Pencegah Rasuah. Pada 18hb Disember 1990, kira-kira pukul 5.00 pagi, Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah datang dan meminta operasi berkenaan diberhentikan. DBKL terus menjalankan operasi berkenaan demi untuk membasmi kegiatan perniagaan borong haram di Pasar Pudu. Semua pegawai yang menjalankan operasi berkenaan memakai tanda nama ataupun kad pengenalan dari kakitangan DBKL.

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** (*Bangun*)

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perlantikan anggota. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bukit Bintang minta jalan.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Minta jalan? Banyak lagi ini. . . . .

**Tuan Wee Choo Keong:** Takutkah?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Biadap betul. Berkaitan dengan perlantikan anggota SPR sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, perlantikan Pengerusi dan ahli SPR adalah dibuat mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Menurut Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan, perlantikan Pengerusi dan ahli-ahli SPR dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Di samping itu urusan pentadbiran harian SPR dijalankan oleh satu Urusetia yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kerajaan. Penempatan pegawai-pegawai dan kakitangan tersebut dalam Urusetia adalah dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Untuk makluman Yang Berhormat, tugas Urusetia SPR ini bukan semata-mata mengendalikan pengundian semasa pilihanraya tetapi bidang tugasnya termasuk juga mengendalikan aktiviti-aktiviti yang ada kaitan dengan pilihanraya seperti menyediakan daftar pemilih, membelahbagi daerah mengundi dan mengkaji sempadan bahagian pilihanraya. Semua tugas ini memerlukan pegawai-pegawai dan kakitangan yang berpengalaman dan mahir. Oleh itu, saranan supaya pegawai-pegawai dan kakitangan Urusetia SPR dilantik oleh badan bebas sangat tidak sesuai sama sekali.

Mengenai penghapusan undi pos, suka dijelaskan bahawa undi pos adalah perlu untuk memberi kemudahan kepada mereka yang berdaftar sebagai pemilih tetapi tidak dapat hadir di tempat mengundi untuk mengundi pada hari mengundi. Cara ini adalah sesuai untuk memberi peluang kepada mereka supaya

menggunakan hak mereka sebagai warganegara untuk membuat pemilihan. Setakat ini SPR tidak dapat memikirkan sistem yang lebih baik bagi menggantikan undi pos ini. Oleh itu cadangan Yang Berhormat berkenaan supaya undi pos dihapuskan adalah tidak praktikal malah proses ini patut diteruskan selagi diperlukan.

Berhubung dengan Laporan Pemerhati Khas Komanwel yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seputeh dan Yang Berhormat dari Petaling Jaya, perlu dijelaskan bahawa Laporan Pemerhati Komanwel telah diedarkan kepada umum dan sepertimana yang telah diterangkan dahulu, ianya tidak perlu dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan.

Ahli Yang Berhormat itu harus sedar bahawa keseluruhan laporan itu ada menyatakan bahawa Pilihanraya Umum yang diadakan baru-baru ini telah dijalankan dengan sempurna, bebas dan adil mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada di negara ini.

Mengenai kelemahan daftar pemilih bukanlah satu perkara yang baru. Daftar pemilih yang wujud sekarang ini adalah hasil daripada penyemakan dan pendaftaran yang dibuat dari setahun ke setahun bermula dari tahun 1957 iaitu apabila negara mencapai kemerdekaan. Daftar pemilih yang asas terus digunakan dan apa yang dilakukan tiap-tiap tahun ialah menyemak daftar itu untuk menambah pemilih-pemilih yang baru dan membuang nama-nama pemilih yang telah hilang kelayakan termasuk pemilih-pemilih yang telah meninggal dunia, hilang kewarganegaraan, hilang kelayakan kerana telah melakukan kesalahan-kesalahan sebagai pemilih dan mengubah nama-nama pemilih yang memohon untuk berpindah dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain kerana perpindahan tetap.

Mengenai terdapatnya pemilih berganda, perlu dinyatakan di sini bahawa pergandaan nama sebahagian besarnya

tidak bermakna bahawa pemilih-pemilih yang berkenaan tidak perlu didaftarkan. Pergandaan yang sedang diperbaiki kini hanya terlibat pergandaan yang mengandungi nama-nama pemilih yang berlainan didaftarkan atas nombor kad pengenalan yang sama.

Manakala pergandaan kerana mempunyai nama yang sama dan nombor kad pengenalan yang sama berlaku disebabkan oleh pemilih-pemilih cuba menipu dengan cara mendaftar lebih daripada sekali. Pergandaan ini senang dikesan dan dapat dihapuskan sertamerta. Walau bagaimanapun pergandaan ini tidaklah boleh dianggap sebagai kesalahan yang menimbulkan keraguan kepada sebarang keputusan pilihanraya.

Mengenai nama-nama orang yang telah meninggal dunia tetapi masih ada di dalam daftar pemilih, usaha-usaha telah dijalankan sejak beberapa tahun yang lepas untuk mendapatkan senarai kematian yang terakhir bagi semua negeri dan menyemak semua rekod yang lepas di Jabatan Pendaftaran Negara untuk menentukan bahawa ke semua orang yang telah meninggal dunia ini tidak lagi tercatat di dalam daftar pemilih. Setakat ini, bilangan orang yang mati tetapi namanya masih ada di dalam daftar pemilih dianggarkan lebih kurang sebanyak 20,000 di seluruh negara.

Ahli Yang Berhormat dari Marang mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah "Suruhanjaya Hisbah" yang dianggotai oleh orang-orang yang boleh dipercayai untuk mengambil tindakan terhadap aduan rakyat. Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat berkenaan juga membangkitkan tentang projek-projek di Syarikat Perusahaan PERWAJA dikontrakkan kepada kontraktor-kontraktor asing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Badan Pencegah Rasuah yang ditubuhkan dengan tujuan khusus untuk mencegah segala bentuk

perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di negara ini telahpun mengamalkan konsep "hisbah" sejak ianya ditubuhkan. Selain daripada itu, Badan ini akan memastikan bahawa setiap aduan yang diterima itu akan diambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang yang ada. Saya berkeyakinan penuh bahawa BPR sentiasa melaksanakan tugasnya dengan ikhlas, jujur dan amanah tanpa mengira pangkat atau kedudukan seseorang itu. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak perlu lagi menubuhkan satu badan berasingan untuk mengendalikan perkara ini.

Masalah sebenar yang menjejaskan keberkesanan BPR dalam membanteras rasuah ialah sikap orang ramai sendiri yang enggan tampil ke hadapan untuk memberi keterangan atau menjadi saksi BPR. Masalah ini menyebabkan orang-orang yang terlibat dengan perbuatan rasuah terlepas daripada tindakan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu berhubung dengan pemberian kontrak kepada kontraktor-kontraktor asing adalah dimaklumkan bahawa pemberian dibuat mengikut prosedur dan dibenarkan oleh undang-undang yang ada dan tidak berlaku sebarang penyelewengan atau rasuah dalam perkara ini.

Yang Berhormat dari Bayan Baru menyentuh tentang keperluan meningkatkan taraf hidup pekerja-pekerja dalam sektor awam berikutan dengan langkah-langkah Kerajaan mengecilkkan saiz perkhidmatan awam. Sukacita saya menegaskan bahawa usaha-usaha mengecilkkan saiz perkhidmatan awam bukanlah merupakan faktor utama atau terpenting bagi menentukan kajian semula mengenai gaji, elaun serta kemudahan-kemudahan lain bagi pekerja-pekerja sektor awam. Mengikut prinsip-prinsip yang telah dipersetujui dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji, sebarang kajian semula atau pelarasan

gaji serta saraan kakitangan awam hendaklah berpandu kepada faktor-faktor seperti berikut:

- (i) sebarang pelarasan gaji tidak akan menimbulkan anomali selanjutnya;
- (ii) mengekalkan relativiti antara satu tanggagaji dengan satu tanggagaji yang lain di dalam kumpulan yang sama ataupun tanggagaji-tanggagaji antara satu kumpulan dengan kumpulan-kumpulan lain;
- (iii) kemampuan Kerajaan untuk membiayai pelarasan gaji;
- (iv) kesan tindakan kajian semula atau pelarasan gaji terhadap ekonomi negara; dan
- (v) tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip yang terdapat dalam laporan-laporan serta pekeliling-pekeliling yang sedia terpakai.

Mengenai peningkatan taraf hidup pekerja-pekerja perkhidmatan awam, perlu dijelaskan bahawa ianya bukan dapat diperolehi melalui pertambahan gaji atau elaun sahaja. Sebaliknya, jika terdapat pertambahan gaji atau elaun, ianya boleh mengakibatkan kenaikan harga barangan dan ini akan memburukkan taraf hidup pekerja-pekerja. Oleh itu Kerajaan amat peka dan mengambilkira semua aspek sebelum menimbangkan keperluan untuk pelarasan gaji. Peningkatan taraf hidup boleh diwujudkan melalui beberapa program pembangunan dan kemajuan. Misalnya di bawah Program Pembangunan dan Belanjawan Tahunan Kerajaan, beberapa kemudahan telah diperuntukkan untuk meningkat taraf hidup semua rakyat termasuk kakitangan-kakitangan Kerajaan. Antaranya ialah pemotongan kadar pelesenan cukai pendapatan, pengurangan cukai barangan dan sebagainya. Ini dapat mengurangkan beban perbelanjaan kakitangan-kakitangan Kerajaan dan secara tidak langsung lebih pendapatan ini boleh

digunakan untuk simpanan atau penanaman modal bagi menaikkan taraf hidup mereka.

Berkenaan dengan kenaikan gaji bagi perkhidmatan sektor awam, perlu dinyatakan bahawa Kerajaan tidak dapat menimbangkan bagi satu-satu perkhidmatan tertentu sahaja tetapi akan menilai manfaat yang diperolehi oleh semua anggota perkhidmatan Kerajaan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan mengkaji secara terperinci cadangan semakan dan pelarasan gaji bagi anggota-anggota perkhidmatan Kerajaan termasuk perkhidmatan Polis.

Menyentuh mengenai kedudukan skim perkhidmatan anggota Tentera, perlu dimaklumkan bahawa perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Majlis Angkatan Tentera (MAT). Walaupun begitu, MAT ini juga perlu mematuhi dasar-dasar dan prinsip perkhidmatan bagi memastikan ianya seragam dengan dasar dan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji serta Syarat-syarat Perkhidmatan bagi Kakitangan Kerajaan.

Mengenai penubuhan Majlis Bersama Kebangsaan yang ada sekarang, Kerajaan adalah berpuashati dengan perjalanan jentera ini yang telah membolehkan Kesatuan-kesatuan Sekerja Sektor Awam berbincang dengan pihak Kerajaan mengenai prinsip-prinsip yang mempengaruhi kedudukan saaraan, elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan. Oleh itu, adalah tidak benar bahawa Kerajaan telah menafikan hak berunding dengan kakitangan Kerajaan.

Berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Kok Lanas tentang arahan Kerajaan mengenai pengisytiharan harta, adalah dimaklumkan pelaksanaan dan penguatkuasaan arahan tersebut sebagaimana terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1981 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil.3

Tahun 1984 merupakan "on going process", dengan izin, yang sentiasa dititikberatkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Setakat penghujung tahun 1990, sebilangan besar pegawai-pegawai Kerajaan telah mengemukakan laporan harta masing-masing kepada Pihak Berkuasa Tatatertib di Kementerian/Jabatan masing-masing. Peringatan terus diberi kepada pegawai-pegawai dari masa ke semasa supaya mematuhi arahan tersebut. Bagi golongan pegawai-pegawai yang gagal ataupun enggan mematuhi arahan tersebut, tindakan tatatertib telah dikenakan.

Berkaitan dengan kenyataan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bahawa penyelewengan dan rasuah kini bertambah pesat berlaku, adalah tidak benar dan tidak berasas. Rasuah berlaku di semua negara di dunia ini tetapi masalah rasuah di negara kita adalah terkawal dan tidak seburuk seperti di setengah negara-negara lain. Sekiranya Yang Berhormat mempunyai sebarang maklumat tentang rasuah, sila hubungi Badan Pencegah Rasuah untuk diambil tindakan sewajarnya.

Yang Berhormat dari Tanjong Aru membangkitkan mengenai perkara pengisian jawatan Gunasama Am di Sabah. Sebagai makluman Yang Berhormat, kedudukan pengisian jawatan Gunasama Am Persekutuan di Sabah bagi Kumpulan "C" dan "D" oleh pegawai-pegawai Semenanjung adalah sebanyak 4% sahaja dan selebihnya diisi oleh pegawai-pegawai yang berasal dari Sabah. Angka ini menunjukkan jumlah pengisian bagi jawatan dalam Kumpulan tersebut dari Sabah adalah melebihi pegawai-pegawai dari Semenanjung.

Yang Berhormat dari Sibu membangkitkan perkara mengenai perantaraan Pegawai Perkhidmatan Awam. Untuk makluman, urusan perantaraan pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam, sebagaimana diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 132 Perlem-

bagaan Persekutuan, adalah terletak di bawah bidangkuasa Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan. Bagi jawatan-jawatan dalam Badan-badan Berkanun, kuasa perlantikan terletak di bawah Pihak Berkuasa Melantik bagi Badan-badan Berkanun berkenaan.

Mengenai urusan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Awam, termasuk pegawai-pegawai di Badan Berkanun, perkara ini adalah di bawah tanggungjawab Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat. Kenaikan pangkat seseorang pegawai itu dalam sesuatu jawatan adalah berdasarkan kepada kriteria tertentu. Antaranya, kebolehan pegawai, kecekapan menjalankan tugas, merit, dengan izin, sikap positif, sifat-sifat keperibadian yang tinggi, pengalaman dan kelayakan tambahan. Dalam melaksanakan urusan kenaikan pangkat ini, kedudukan kaum tidak merupakan asas pertimbangan.

Mengenai DEB dan pelaksanaannya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Petaling Jaya dan Rantau Panjang, perlu dijelaskan bahawa memang diakui terdapat sedikit sebanyak kesan negatif sepanjang tempoh DEB. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna DEB telah gagal mencapai matlamatnya. Pendeknya, kesan positif lebih banyak daripada kesan negatif. Kejayaan-kejayaan DEB secara keseluruhannya telah banyak dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini dan saya tidak bercadang untuk memberi ulasan yang panjang lebar mengenainya. Memadai jika saya nyatakan bahawa DEB telah berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat dari semua golongan dalam masyarakat di negara ini berbanding dengan keadaan sebelum DEB dilancarkan.

Tuduhan kononnya wujud penyelewengan dan tahap perpaduan negara yang semakin buruk akibat DEB, memang perkara ini selalu dibangkitkan oleh pihak Pembangkang. Walau

bagaimanapun mereka tidak menunjuk kesungguhan untuk membuktikan tuduhan-tuduhan itu selain daripada membuat kenyataan politik untuk mendapat perhatian rakyat semata-mata. Mereka sentiasa mendakwa menyokong DEB tetapi membantah cara pelaksanaannya. Saya kurang faham bagaimana mereka boleh menyokong sesuatu dasar dan apabila dasar itu hendak dilaksanakan, mereka menentang pula pelaksanaannya. Perbuatan ini menunjukkan bahawa mereka ini merupakan kumpulan yang hipokrit.

Berhubung dengan perasaan tidak puas hati Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai pelaksanaan dasar penswastan dan seterusnya mencadangkan supaya proses penswastan dibuat secara betul dan bersih, sukalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan dasar penswastan adalah dibuat mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Mengikut prosedur ini, sebarang cadangan penswastan akan dipertimbangkan di dua peringkat Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal dan juga Jawatankuasa Antara Jabatan Mengenai Penswastan sebelum ianya dirujuk kepada Jemaah Menteri untuk diluluskan. Keahlian Jawatankuasa-Jawatankuasa tersebut adalah meliputi beberapa Kementerian dan juga Jabatan-jabatan yang terlibat. Di samping itu, di peringkat Kementerian juga terdapat jawatankuasa penswastan bagi mengkaji kesesuaian cadangan penswastan, sebelum ianya dirujuk kepada jawatankuasa penswastan di peringkat Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan sentiasa mengkaji prosedur penswastan ini dari semasa ke semasa bagi menentukan ianya berfungsi dengan berkesan dan jika didapati prosedur tersebut boleh menjejaskan pelaksanaannya, Kerajaan bersedia untuk memperbaikinya. Bagi memperkemas lagi pelaksanaan dasar penswastan, Kerajaan telah melantik juruperunding bagi membantu

Kerajaan dalam penyediaan Pelan Induk Penswastaaan (PIP). Pelan Induk tersebut telahpun dipertimbangkan oleh Kerajaan dan adalah diharapkan perakuan-perakuan dalam PIP akan dapat membantu Kerajaan melaksanakan dasar penswastaaan secara berkesan lagi.

Sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa dengan bantuan juruperunding tersebut, Kerajaan telah mengenalpasti lebih banyak projek-projek yang sesuai diwujudkan. Untuk projek-projek yang dikenalpasti oleh Kerajaan, penswastaannya akan dibuat melalui tawaran terbuka supaya pelabur-pelabur yang berminat dapat mengemukakan tawaran mereka.

Berhubung dengan kedudukan kajian Pelan Induk Penswastaaan yang ingin diketahui oleh Yang Berhormat dari Tuaran, sukalah saya memaklumkan bahawa kajian tersebut dibuat oleh sebuah konsortium juruperunding telahpun dikemukakan kepada Kerajaan. Sehubungan dengan itu, satu dokumen ringkas Pelan Induk Penswastaaan yang mengambil kira perkara-perkara dan perakuan-perakuan juruperunding untuk pengetahuan umum telahpun disediakan dan akan diumumkan kepada orang ramai sebaik sahaja ianya dipersetujui oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa aspek mengenai pembasmian kemiskinan dan seterusnya mengemukakan buah fikiran untuk mengatasi masalah tersebut. Yang Berhormat dari Marang telah menyentuh tentang penubuhan "Tabung Pembebasan Kemiskinan"; Yang Berhormat dari Kimanis mengenai masalah kemiskinan di negara keseluruhannya dan Yang Berhormat dari Tuaran menyentuh mengenai kemiskinan di Sabah. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Sebagaimana termaklum, buat masa ini Kerajaan telahpun mempunyai program secara khusus untuk mengatasi

masalah kemiskinan rakyat. Melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang dimulakan pada awal tahun 1988 dan program-program pembasmian kemiskinan melalui projek-projek pembangunan luar bandar yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan miskin telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, usaha membasmii kemiskinan secara khusus ini bukanlah semestinya datang dari Kerajaan sahaja malah usaha-usaha ke arah ini perlu juga disumbang oleh pertubuhan di luar Kerajaan. Misalnya, badan-badan tertentu seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telahpun menjalankan aktiviti khusus untuk memberi pinjaman tanpa faedah kepada keluarga-keluarga termiskin bagi meningkatkan pendapatan. Sementara itu, bantuan terus yang berupa kebajikan dan kemudahan asas juga turut diberikan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa kepada golongan miskin.

Berhubung dengan faktor kemiskinan di negeri Sabah, sepanjang pelaksanaan DEB dari tahun 1971 hingga 1990, perlu dimaklumkan masalah kemiskinan telah dapat dikurangkan melalui berbagai-bagai usaha peningkatan usaha peningkatan pendapatan dan taraf hidup rakyat. Kadar kemiskinan telah berkurang dari 58.2% pada tahun 1976 kepada 34.2%.....

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Maharuddin):** Yang Berhormat Menteri, sebentar. Ada Yang Berhormat bangkit. Ada apa?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Minta penjelasan, boleh?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tidak ada masa. Banyak lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Maharuddin):** Dia tidak beri. Teruskan Menteri yang berkenaan.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha:** . . . . . dalam tahun 1989. Pendapatan purata isirumah secara keseluruhan pula meningkat daripada \$513 kepada \$1,148 di dalam tempoh yang sama.

Walaupun terdapat kejayaan-kejayaan dari segi pembasmian kemiskinan di Sabah, Kerajaan sedar masih terdapat masalah-masalah tertentu di negeri tersebut. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan akan terus mempergiatkan pelaksanaan program-program bantuan kebajikan seperti bantuan kepada kanak-kanak kurang zat makanan dan orang-orang tua yang tidak berwaris, di samping menyediakan program-program peningkatan pendapatan serta juga program-program kemudahan asas untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Cara ini bukan sahaja dapat membantu mengurangkan kemiskinan tetapi juga dapat membimbing mereka ke arah masyarakat penyayang atau caring society, dengan izin.

Mengenai projek-projek mewah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang, perlu diperbetulkan di sini, bahawa industri berat seperti industri simen dan keluli bukanlah merupakan projek-projek mewah. Usaha Kerajaan membangunkan industri berat di negara ini adalah merupakan langkah yang tepat bagi mengukuhkan struktur ekonomi negara seperti yang telah dilaksanakan oleh kebanyakan negara maju sejak lama dahulu. Ini adalah kerana industri berat mengeluarkan bahan mentah asas yang merupakan sokongan kepada pertumbuhan industri lain yang berkaitan serta menaikkan nilai ditambah atau value-added, dengan izin, keluaran dalam negeri.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, industri berat memerlukan pelaburan yang sangat besar dan pulangan yang positif hanya akan dinikmati dalam tempoh jangka panjang. Kerugian di peringkat awal operasi merupakan perkara biasa dalam industri

berat. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini industri berat di negara ini telah mula menunjukkan pulangan yang menggembirakan.

Selain dari itu, pengaliran keluar wang dari pelaburan industri berat memang tidak dapat dielakkan, tetapi hanyalah untuk sementara waktu sahaja, iaitu di peringkat pembinaan kilang kerana jentera, peralatan dan teknologi untuk pembangunan industri berat terpaksa diimport. Pengaliran keluar wang secara sementara ini adalah lebih baik daripada berterusan mengimport bahan keluaran industri berat secara berterusan yang akan menjadikan negara ini bergantung sepenuhnya kepada negara luar.

Ahli Yang Berhormat dari Marang juga menyarankan supaya Kerajaan mengadakan projek-projek di tempat yang munasabah dan lokasi projek hendaklah ditentukan berdasarkan sesuatu kajian. Adalah menjadi amalan Kerajaan untuk mengadakan kajian kemungkinan terlebih dahulu sebelum sesebuah projek terutamanya projek-projek yang melibatkan perbelanjaan yang besar dilaksanakan. Kajian kemungkinan ini bukan sahaja mengambil kira kesesuaian lokasi sesuatu projek itu tetapi juga menentukan daya maju dari segi ekonomi dan teknik. Bagi projek-projek yang bercorak komersial, hanya projek yang benar-benar berdaya maju sahaja akan dilaksanakan. Jelaslah bahawa setiap projek termasuk Pelabuhan Kuantan dan cadangan projek hubungan kedua Malaysia-Singapura seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tersebut telah dan akan melalui proses yang sama seperti dinyatakan tadi.

Mengenai peruntukan Rancangan Malaysia Kelima (RML) bagi Jalanraya utama dan Jalan Pembangunan di Negeri Sarawak adalah dimaklumkan bahawa sebanyak \$520.65 juta telah diperuntukkan, manakala program Jalan Luar Bandar dan Jalan Kampung pula adalah sebanyak \$67.66 juta. Kini terdapat kira-kira 4,560 km jalanraya di Sarawak dan

daripada jumlah itu 1,317 km adalah jalan Persekutuan dan 3,243 km adalah jalan Negeri. Hampir 60% atau 800 km daripada jumlah Jalan Persekutuan adalah jalan berturap sementara jalan-jalan negeri pula terdiri daripada 951 km jalan berturap, 2,196 km jalan batu kerikil (gravel) dan selebihnya jalan tanah merah. Peruntukan RML yang disediakan untuk kerja-kerja membina dan menaikkan taraf jalan di Sarawak adalah mencukupi.

Mengenai pemberian royalti hasil petroleum, dimaklumkan bahawa semua negeri yang mengeluarkan minyak iaitu Terengganu, Sabah dan Sarawak menerima peratus royalti yang sama. Antara asas yang dipakai ialah prinsip perkongsian kos dengan keuntungan dengan kontraktor carigali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kontrak Perkongsian Pengeluaran. Di bawah peraturan sekarang 10% daripada nilai pengeluaran kasar petroleum bagi tiap-tiap negeri berkenaan adalah diperuntukkan sebagai pembayaran royalti dan jumlah ini dibahagi sama rata di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Oleh kerana royalti yang ditetapkan adalah merupakan peratusan dari jumlah keluaran kasar, maka jumlah royalti yang sebenar diterima oleh negeri-negeri berkenaan adalah berubah mengikut pengeluaran semasa. Ini bermakna Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan adalah juga mendapat faedah dari penambahan pengeluaran dan dari kenaikan harga petroleum.

Menyentuh tentang Jawatankuasa Pelaburan Asing, suka saya menjelaskan bahawa Jawatankuasa Pelaburan Asing (Foreign Investment Committee—FIC) bertanggungjawab ke atas perolehan-perolehan oleh pihak-pihak asing dan tempatan ke atas aset tetap dan kepentingan dalam syarikat-syarikat selain daripada syarikat-syarikat perkilangan yang dilesenkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Sebagaimana termaklum, FIC menjalankan peranannya menurut DEB iaitu pelabur-pelabur asing lazimnya dibenarkan untuk memiliki sehingga 30% kepentingan dalam mana-mana syarikat tempatan. Mereka juga dibenarkan untuk memiliki aset-aset tetap, seperti tanah dan hartanah melalui syarikat tempatan di mana mereka selalunya diberikan tempoh yang munasabah untuk mengurangkan kepentingan mereka kepada 30%.

Setakat ini FIC amat berhati-hati dalam membenarkan pelabur-pelabur asing memiliki lebih daripada 30% kepentingan dalam syarikat-syarikat tempatan, termasuk syarikat-syarikat yang memiliki aset tetap. Di antara asas-asas FIC memberi pertimbangan sedemikian ialah penglibatan pihak asing dalam projek-projek yang tidak boleh dilaksanakan oleh pihak-pihak tempatan dan juga berkemampuan membawa pemindahan teknologi kepada negara.

Di samping itu, dalam keadaan tertentu FIC boleh menimbangkan kelonggaran pemilikan ekuiti yang melebihi 30% oleh pihak asing adalah seperti berikut:

- (i) untuk mendirikan kilang perusahaan yang pengeluarannya untuk pasaran eksport;
- (ii) untuk mendapat bangunan perdagangan untuk kegunaan operasi syarikat-syarikat sendiri;
- (iii) untuk mendirikan hotel, projek peranginan atau rekreasi, termasuk padang golf untuk tarikan pelancong;
- (iv) untuk mendirikan projek pertanian bersepadu;
- (v) untuk projek perlombongan atau carigali yang memerlukan perbelanjaan modal dan juga risiko yang tinggi;
- (vi) untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tempatan. Dalam

hubungan ini FIC memastikan tiada ada pihak tempatan yang berkesanggupan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang berkenaan.

Kelongsaran-kelongsaran yang diberi adalah berbeza-beza daripada satu pihak dengan pihak yang lain mengikut "merit" kes masing-masing. Misalnya, pelaburan asing ke atas tanah untuk mendirikan kilang perusahaan diberi kelonggaran pemilikan ekuiti asing 100% sekiranya ia mengeksport 100% keluarannya. Pelaburan asing untuk mendirikan hotel bertaraf antarabangsa dibenar untuk memiliki ekuiti sehingga 100% dengan syarat ia dikurangkan kepada 51% selepas 5 tahun beroperasi. Manakala bagi pelaburan asing yang bertujuan untuk menyelamatkan syarikat tempatan, FIC lazimnya membenarkan pihak asing memiliki di antara 30% hingga 49% dan mereka diberi tempoh antara 2 hingga 5 tahun untuk mengurangkan pegangan ekuiti mereka ke tahap itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan sosial dalam bidang pendidikan dan kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman, khususnya pembinaan sekolah rendah dan menengah serta klinik desa. Keperluan menyempurnakan kemudahan sekolah dan klinik desa yang sedia ada sentiasa diberi perhatian.

Untuk mewujudkan tenaga kerja mahir, Kerajaan sememangnya berusaha untuk memperbanyakkan lagi peluang latihan dalam berbagai bidang dan peringkat. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah menyediakan berbagai institusi latihan kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian Pendidikan. Kerajaan juga menggalakkan pihak swasta menjalankan latihan dengan menyediakan insentif

yang bersesuaian. Cadangan untuk mewujudkan suatu tabung khas untuk tujuan ini adalah dalam pertimbangan Kerajaan.

Mengenai cadangan untuk membantu golongan yang berpendapatan kurang dari \$500 sebulan untuk memiliki rumah dengan harga \$10,000 seunit di Semenanjung Malaysia dan \$13,000 seunit di Sabah dan Sarawak, program ini dijalankan melalui Skim Pertapakan dan Kemudahan. Di bawah skim ini, Kerajaan akan menyediakan lot-lot tanah yang standard dan dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur seperti jalan, bekalan air dan api serta sebuah rumah inti yang boleh diperbesar. Program ini merupakan tambahan kepada Program Perumahan Awam Kos Rendah yang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, program Perumahan Awam Kos Rendah sedang diusahakan untuk membina rumah yang berharga kurang dari \$25,000 seunit. Program perumahan yang dirangka sekarang adalah untuk membina rumah kos lebih rendah (low low-cost house) dalam lingkungan harga kurang daripada \$15,000 seunit. Kedua-dua sektor awam dan swasta akan bekerjasama secara complementary, dengan izin, dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Di mana saya tidak dapat menjawab atau menyenutuhnya dengan menyebut Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkannya, saya mohon maaf. Walaupun begitu, perkara-perkara yang ditimbulkan itu telah dicatat dan akan diberi perhatian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Dalam Negeri.

4.20 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran masing-masing ke atas dasar dan masalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Di antara perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah mengenai hal-hal keselamatan dan ketenteraman awam, kelengkapan pejabat dan kebajikan anggota Polis, kebebasan akhbar, pendatang haram, kad pengenalan, pasport Malaysia, Pendaftaran Pertubuhan, Pendaftaran Negara, Imigresen dan beberapa Akta yang sedang berkuatkuasa pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari perkara yang telah disentuh itu telah juga dibangkitkan dalam masa soal-jawab dan telahpun dijawab. Walaupun demikian, saya ingin menyentuh selanjutnya beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ucapan perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan perkara-perkara yang menyentuh kemudahan-kemudahan asas Polis DiRaja Malaysia dan kebajikan anggotanya.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah meminta Kerajaan membina Pusat Latihan Polis di kawasan Sepang dan memohon disegerakan pembinaan Balai Polis di Pusat Bandar Salak Tinggi.

Sukalah saya menjelaskan iaitu menurut perancangan Kementerian Dalam Negeri dan Pasukan Polis DiRaja Malaysia, buat masa ini keperluan Pusat Latihan Polis di kawasan Sepang adalah tidak mendesak. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sejumlah tiga Pusat Latihan PDRM sedang dirancang di

peringkat akhir iaitu Maktab Integrasi Polis di Ceras, Pulapah di Bahau, Negeri Sembilan dan Pulasiol di Kuching, Sarawak. Dalam pada itu penggunaan Pusat Latihan PDRM di Pulapol iaitu di Jalan Semarak, Kuala Lumpur, Maktab Polis di Kuala Kubu Bharu, Selangor dan Sekolah Latihan Pasukan Polis Hutan di Ulu Kinta, Perak diteruskan penggunaannya.

Pembinaan Balai Polis atau Ibupejabat Daerah Polis di Pusat Bandar Salak Tinggi kini masih di peringkat awal perancangannya. Tanah seluas 20 ekar telah dikenalpasti di kawasan pejabat-pejabat Kerajaan. Sungguhpun demikian, usaha menambah anggota di Pondok Polis Pekan Salak sedang diusahakan dan begitu juga mengenai penyediaan tempat kediaman mereka. Dengan penambahan anggota di pondok polis tersebut diharapkan kawalan mereka dapatlah meliputi kawasan pusat bandar sebelum Balai baru dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kebajikan anggota Polis DiRaja Malaysia telah diberi perhatian oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan juga Pengkalan Chepa. Kementerian Dalam Negeri sememangnya memberi keutamaan perumahan kepada anggota-anggota Polis supaya mereka dapat memberi perkhidmatan yang memuaskan. Kementerian ini memandang serius masalah ini, malah tumpuan utama dalam projek pembangunan fizikal PDRM ialah menyediakan rumah kediaman dan memperbaiki rumah yang sedia ada.

Pada masa ini Polis DiRaja Malaysia mempunyai 32,558 buah rumah kediaman untuk anggota pangkat rendah yang telah siap dibina. Sebanyak 3,451 buah rumah kediaman lagi dalam peringkat pelaksanaan dalam tahun 1990. Dengan mengambil kira perjawatan anggota pangkat rendah seramai 74,055 orang, maka keperluan tambahan rumah kediaman bagi anggota pangkat rendah ialah 38,046 unit lagi.

Dengan perkiraan sebuah rumah berharga lebih kurang \$55 ribu, maka peruntukan Kerajaan diperlukan bagi membina 38,046 unit rumah ialah sebanyak \$292.53 juta.

Tuan Yang di-Pertua, menurut kajian Kementerian ini, di Kontinjen Wilayah Persekutuan sahaja yang mengandungi Ibupejabat Kontinjen, Ibupejabat Daerah Polis Brickfields, Ibupejabat Polis Campbell, Ibupejabat Daerah Sentul, Ibupejabat Daerah Ceras, Bukit Aman dan Pulapol, keperluan rumah bagi anggota pangkat rendah adalah berjumlah 9,090. Jumlah rumah yang telah sedia ada adalah sebanyak 2,647 unit. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah membeli 1,657 unit rumah di Ampang, Ulu Kelang, Ceras, Gombak dan di Kuala Lumpur dan dijangkakan siap pada akhir tahun 1992. Sebanyak 2,660 unit rumah lagi sedang dalam proses rundingan untuk pembelian. Sungguhpun demikian, masih terdapat kekurangan sebanyak 2,126 unit rumah dan pihak Kementerian ini sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah meluluskan pembinaan 9,808 unit dan pembelian 1,124 unit rumah kediaman dengan peruntukan \$601,260,000 juta untuk seluruh negara. Dalam pada itu, kelulusan tambahan sejumlah \$500 juta diluluskan oleh Kerajaan di penghujung Rancangan Malaysia Kelima untuk tujuan pembelian rumah sebanyak 9,396 unit untuk Polis DiRaja Malaysia. Dengan itu, Kerajaan Malaysia amnya dan Kementerian ini khasnya telah berusaha dan berjaya menambahkan rumah-rumah kediaman sebanyak 20,301 unit, menjadikan jumlah keseluruhan menjelang akhir tahun 1992 sebanyak 52,859 unit rumah iaitu 71.38% dari jumlah keseluruhan anggota pangkat rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, spesifikasi rumah yang disediakan ini adalah tertakluk kepada kedudukan pangkat anggota polis ter-

sebut. Pada masa ini rumah yang dibeli atau yang dibina bagi anggota pangkat rendah mempunyai tiga bilik tidur serta berbagai keselesaan lain seperti talian telefon dan televisyen, plug tambahan untuk peralatan seperti mesin cuci kain, peti sejuk dan lain-lain.

Menyentuh mengenai keselesaan tempat bekerja pula dan keperluan alat-alat kelengkapan pejabat seperti kerusi meja, mesin taip dan sebagainya seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, sukalah saya menyatakan di sini bahawa pada setiap tahun sememangnya ada diperuntukkan sejumlah wang untuk membeli alat-alat kelengkapan dan juga perabot-perabot bagi mempertingkatkan lagi prestasi Pasukan Polis. Misalnya, bagi tahun 1991 ini sejumlah \$13 juta telahpun diperuntukkan di bawah Objek Am, Kod 3000 Aset, Harta-harta Modal untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah membangkitkan perkara mengenai pemulangannya semula senjata kepada para petani di Sarawak yang telah diserahkan kepada Kerajaan atas alasan keselamatan. Ingin saya memaklumkan iaitu proses pemberian lesen senapang patah pada hari ini adalah berjalan seperti biasa, kecuali di Sarawak yang telah dibekukan buat sementara kerana jumlah pemegang lesennya yang amat besar jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Kedudukan ini sedang dikaji sekarang ini. Oleh yang demikian, Kerajaan telah membuat keputusan bahawa senapang patah yang telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri semasa gerakan keselamatan dahulu tidak akan dikembalikan. Walau bagaimanapun, pemindahan hakmilik senapang patah dari bapa kepada anak lelaki menerusi tuntutan pesaka adalah dibenarkan dan berjalan seperti biasa.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah bertanya mengapakah Menteri Dalam Negeri yang juga Perdana Menteri tidak mengambil tindakan

atas pendedahan Ketua Polis Negara atas kejadian rasuah, maksiat dan perjudian di kalangan anggota Polis dan beliau juga mendakwa wujudnya diskriminasi terhadap tindakan disiplin antara pegawai kanan, anggota polis berpangkat rendah dan seterusnya membangkitkan soalan mengapakah dalam Kes Report No. Sea Park 4995/90 di mana seorang Inspektor kawasan Sea Park tidak dikenakan apa-apa tindakan dalam kejadian memusnahkan dokumen-dokumen pecah amanah. Dalam hal ini Kerajaan sentiasa bertindak tegas tanpa mengira pangkat seseorang polis yang terlibat dalam kegiatan rasuah, maksiat dan perjudian. Pegawai-pegawai yang didapati terlibat dalam kegiatan tersebut tidak akan terlepas dari tindakan undang-undang. Kerajaan tidak pernah mengamalkan sikap diskriminasi terhadap pegawai-pegawai kanan polis dan anggota-anggota pangkat rendah. Semua pegawai yang terlibat akan diambil tindakan tata-tertib. Kuasa mengambil tindakan tata-tertib ke atas pegawai-pegawai polis ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Polis bagi Pegawai-pegawai Kanan, manakala bagi pegawai-pegawai rendah kuasa itu telahpun diturunkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Polis kepada Ketua Polis Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, setelah disiasat Kes Report No. Sea Park 4995/90 adalah tidak berkaitan dengan tohmahan terhadap Inspektor kawasan Sea Park. Semasa Inspektor kawasan tersebut memulakan tugasnya di Sea Park, laporan tersebut telah dibuat di mana seorang isteri membuat laporan pecah amanah terhadap suaminya yang menyalahgunakan wang syarikat sendiri. Pihak saya telah diberitahu bahawa perkara ini akan didengar di mahkamah.

Ahli Yang Berhormat itu juga DiRaja dibentuk bagi mengkaji dan menimbang semula gaji rendah dan

kesukaran kenaikan pangkat anggota polis yang disifatkan sebagai punca berlakunya gejala rasuah di kalangan anggota polis. Saya berasa tanggapan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu kurangnya tepat. Penglibatan anggota polis dalam rasuah bukanlah berpunca daripada kesukaran kenaikan pangkat atau tahap gaji yang rendah tetapi adalah disebabkan oleh kelemahan individu-individu yang memberi dan yang menerima. Antara faktor-faktor kelemahan tersebut ialah pengaruh masyarakat materialistik dan individualistik; kedua, nilai-nilai negatif pada individu; ketiga, kekurangan nilai kerohanian.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh saranan daripada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong supaya Kementerian ini membuat kajian ke atas tindakan parti Pembangkang yang menuduh orang-orang UMNO menyeleweng termasuk memberi rasuah kepada pengundi-pengundi di dalam pilihanraya umum yang lalu, sukalah saya menyatakan iaitu siasatan hanya boleh dilakukan setelah laporan dibuat oleh mana-mana pihak yang tuduhan sedemikian itu telah dibuat ke atasnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanis telah menegur tindakan Kerajaan menggugurkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan selaku Pengerusi Keselamatan Negeri Kelantan. Dalam hubungan ini pihak saya telahpun menjelaskan dengan panjang lebar di peringkat jawatankuasa membincangkan peruntukan tambahan tempoh hari, saya fikir tidak perlulah diulang lagi.

Menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, Kerajaan memang sedar tentang masalah kehadiran pendatang haram yang banyak menimbulkan masalah, terutama dari segi sosial dan keselamatan. Kerajaan telahpun menubuhkan Pasukan Petugas Knas bertujuan untuk mengambil tindakan ke

arah penyelesaian tersebut melalui gerakan banci pendaftaran, pencegahan, penangkapan, penahanan dan pengusiran. Oleh itu adalah tidak benar sama sekali kehadiran pendatang haram itu tidak berubah-ubah.

Berkenaan dengan cadangan supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyasat kes pengeluaran kad pengenalan palsu di Sabah, ini tidak perlu memandangkan jika timbul keperluan ke arah itu.....

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli dari Kimanis ada apa?

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:**  
Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak penjelasan. Dua hari dahulu kita telah mendengar satu lagi perkara berkaitan dengan lanun, berkaitan dengan keselamatan di perairan negara kita Malaysia, khususnya di Sabah. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan terdapatnya hijack ataupun satu hijack kapal laut dari negara jiran kita iaitu Filipina dan pertanyaan saya manakah yang sebenarnya destinasi lanun-lanun tersebut oleh kerana kita telah diberitahu, difahamkan bahawa kapal tersebut telahpun tergendala perjalanannya oleh kerana kehabisan minyak. Kedua, adakah perkara ini telah dikesan oleh pihak keselamatan ataupun telah diberitahu oleh orang umum membuat satu report dan selepas itu telah pun dikesan oleh pihak keselamatan marin kita. Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tuan Yang di-Pertua, masalah ini adalah masalah dua yang berbeza, satu ialah pendatang haram yang mesti dibanci oleh Pasukan Petugas Khas, yang kedua ialah masalah penjenayah dan lanun yang baru sebentar tadi saya telah pun

menjawab dengan panjang lebar tindakan-tindakan yang telah pun kita ambil. Oleh kerana Yang Berhormat dari Kimanis bertanya tentang penangkapan 12 orang lanun yang bersenjata, yang dihijack baru-baru ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menerangkan pada 5.1.1991, jam 1430 petang bertindak ke atas maklumat Cawangan Marin Bahagian Sabah telah berjaya mengesan kapal LV Fillers 1 berserta 13 orang anak kapalnya dan menawan seramai 12 orang lanun yang tersangkut di perairan Kota Kinabalu, Sabah. Jadi pihak berkuasa telah dapat bertindak atas maklumat Cawangan Marin Bahagian Sabah. Dari maklumat yang diterima kapal tersebut telah ditawan oleh kumpulan lanun yang terlibat semasa dalam perjalanan dari Lete Island di Filipina ke Mindanao Filipina dengan membawa muatan 500 tan kelapa kering atau copra. Juragan kapal telah dipaksa untuk menukar haluan ke perairan Sabah. Jadi saya ingat sudah cukup untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi dari mana ke manakah haluan kapal ini tetapi telah dihijack untuk masuk ke perairan Sabah dan pihak keselamatan telah mengesan dan telah menangkap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah menyarankan bahawa Akta Mesincetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987 sebagai menyekat kebebasan suratkhbar dan majalah kerana permit baginya terpaksa diperbaharui setiap tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mendokong prinsip kebebasan bersuara dan berharap kebebasan itu disebar dengan penuh tanggungjawab oleh pihak akhbar. Kebebasan tanpa "sense of responsibility", dengan izin, akan memudaratkan keselamatan negara dan keharmonian kaum oleh kerana adanya akhbar-akhbar menyiarkan berita tanpa batasan atau peka kepada isu-isu sensitif maka pencek dan penerbit akhbar perlu diperingatkan tanggungjawab mereka melalui peraturan di mana permit-permit

terbitan hendaklah dipohon tiap-tiap tahun di bawah Akta Cetak dan Penerbitan 1984.

Mengenai perkara yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut, sukalah ditegaskan di sini. . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada permit yang dipohon oleh beberapa majalah telah diperbaharui seperti Bacaria. Saya difahami bahawa mereka masih belum diperbaharui. Kalau apa yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan Barisan Nasional bahawa terdapat atau wujudnya kebebasan bersuara, mengapakah sehingga hari ini permit untuk Rocket iaitu akhbar DAP masih belum diperbaharui? Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, dua soalan, satu ialah fasal Bacaria, satu lagi fasal Rocket.

**Tuan Lim Guan Eng:** Rocket bahasa Inggeris.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Rocket bahasa Inggeris? Tuan Yang di-Pertua, masalahnya kalau kita lihat kebebasan ada hadnya, tetapi kalau kita menyiarkan cerita-cerita yang boleh memalukan seseorang dengan tidak tentu arah, saya beri misalan katalah cerita seorang janda yang terpikat kepada seorang lelaki, adakah satu perkara yang luar biasa yang mesti dibesar-besarkan sampai dua tiga minggu dan si bapa merasa malu dengan masyarakat. Tahukah Yang Berhormat bahawa ada setengah-setengah bapa kerana malu sangat, sampai berniat untuk pindah menduduki negara lain, tetapi oleh kerana kewangan tidak ada, kerana berita-berita sedemikian. Adakah ini kita katakan kebebasan? Jadi sebab-

sebab inilah kita terpaksa berhati-hati dari segi seks yang melebihi gambar-gambar dan sebagainya daripada berita. Kalau berita itu memberi pengetahuan yang positif kepada pembaca adalah baik, tetapi kalau ia membawa satu keburukan, mengaut keuntungan dari penderitaan orang lain, adakah harus kita biarkan? Inilah perkara-perkara yang harus kita titikberatkan. Itu sebabnya kita memberi nasihat dari masa ke masa.

Masalah permohonan pihak Rocket ini, baru-baru ini saya dengar, saya balik ke pejabat saya akan cuba check tentang permohonan itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, minta jalan sekali lagi.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Lagi?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, mengenai itu, saya bersetuju dengan pendapat yang dikeluarkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau sebuah majalah mengeluarkan cerita-cerita yang berade-gan seks dan lucah tidak harus diberikan kebebasan. Tetapi adakah sekatan dikenakan ke atas majalah-majalah seperti Bacaria kerana mereka mengeluarkan berita-berita atau cerita-cerita tentang pemimpin-pemimpin politik seperti tentang beberapa aduan-aduan bahawa Bacaria selalu mengeluarkan cerita tentang kehidupan peribadi Ketua-ketua Barisan Nasional seperti Menteri Besar Negeri Selangor, yang pada suatu masa mempunyai masalah dengan Sultan Selangor, kerana kahwin lari dengan adik perempuannya dan juga puteri Negeri Selangor, yang melahirkan perasaan murka Sultan Negeri Selangor dan oleh kerana mungkin terlalu ghairah menceritakan tentang kehidupan Menteri Besar Negeri Selangor yang tidak berapa stabil ini yang mengakibatkan bahawa tindakan seperti ini diambil terhadap majalah Bacaria. Saya ingin hendak minta satu penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak. Dan saya pun tidak tahu begitu detail sekali kehidupan dalam kelambu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor sepertimana Yang Berhormat tahu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya baca Utusan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasihlah di atas laporan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri mengucapkan terima kasih atas penghargaan yang diberi kepada Kementerian Dalam Negeri khususnya Jabatan Imigresen berhubung dengan pembukaan kaunter pasport pada hari Ahad di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia.

Mengenai pertanyaan yang selanjutnya yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Segamat berkenaan mendapatkan kembali taraf penduduk tetap Malaysia, sukalah saya maklumkan iaitu penduduk tetap negara ini adalah bebas pergi ke luar negeri untuk urusan persendirian. Undang-undang Imigresen hanya memerlukan penduduk tetap negara ini memohon permit masuk semula di Jabatan Imigresen sebelum keluar. Malah permit tersebut boleh dipohon di luar negeri. Dalam hal ini didapati hanya sebilangan penduduk tetap yang cuai atau tidak menghargai anugerah taraf itu yang menghadapi masalah masuk semula.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kapit pula membangkitkan bahawa penduduk-penduduk daripada kawasan pedalaman di Sarawak menghadapi masalah mendapatkan kad pengenalan dan sijil kelahiran. Masalah yang dihadapi termasuklah kesulitan-kesulitan pengangkutan, perbelanjaan yang besar untuk pergi ke Pusat-pusat Pendaftaran di samping kerumitan untuk mengisi

borang-borang permohonan. Kerajaan memang menyedari masalah penduduk-penduduk di kawasan pedalaman Sarawak. Justeru itu, Jabatan Pendaftaran Negara telahpun menubuhkan Pasukan Unit Bergerak khusus untuk membantu masyarakat pedalaman memudahkan urusan bagi mendapatkan dokumen-dokumen pengenalan diri. Jabatan itu juga telah memberi latihan secukupnya kepada kakitangan bagi mengendalikan urusan kad pengenalan dan mereka akan membantu dalam pengisian serta penyemakan borang-borang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, borang-borang permohonan boleh diisi oleh sesiapa sahaja asalkan maklumat di dalamnya benar dan dapat dibuktikan.

Tuan Yang di-Pertua, isu tol Cheras dan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan beberapa Akta lain yang berkuatkuasa pada masa ini sering dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri meminta supaya tindakan diambil ke atas Timbalan Ketua Polis Negara berhubung dengan kenyataan yang telah dibuat olehnya berkaitan dengan kejadian di Plaza Tol Cheras yang lalu.

Mengenai perkara tersebut sukalah saya menegaskan bahawa tidak ada apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh Timbalan Ketua Polis Negara dalam hal ini kerana pada waktu itu beliau sedang menjalankan tugasnya untuk memastikan isu-isu yang dibangkitkan ketika perhimpunan haram tersebut tidak dieksploitasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang boleh memburukkan lagi keadaan seperti rusuhan dan sebagainya.

Ahli-ahli Yang Berhormat harus ingat bahawa sekiranya Polis tidak mengambil tindakan, keganasan pasti akan berlaku kerana pada ketika itu telah

berlaku kegiatan-kegiatan yang dianggap sebagai mengganggu ketenteraman awam seperti memecahkan cermin kereta orang awam dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau minta Kerajaan membebaskan empat orang rakyat Sabah yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Beliau mendakwa bahawa mereka yang ditahan itu disangka telah membuat perkara-perkara yang tidak diinginkan dan tidak berasas. Itu adalah baik mereka ini didakwa di mahkamah untuk membuktikan benar atau tidak kesalahan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, penangkapan atau penahanan yang dibuat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri tersebut bukanlah kerana mereka itu ahli parti politik Pembangkang tetapi dibuat kerana kegiatan mereka yang boleh memudaratkan keselamatan. Di bawah undang-undang ini mereka yang ditahan ada hak untuk membela diri dengan mengemukakan representasi kepada Lembaga Penasihat atau mencabar kes ini melalui habeas corpus, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu telah memberikan pengertiannya bahawa antara ciri-ciri masyarakat penyayang ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), pindaan-pindaan Akta Polis, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Pertubuhan dan Perkara 121 Perlembagaan Malaysia mesti dimansuhkan dan tahanan-tahanan ISA seharusnya dibebaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu ini nampaknya cuba hendak menghapuskan semua undang-undang yang ada. Dalam hubungan ini cubalah bayangkan bagaimanakah sekiranya negara ini tiada mempunyai undang-undang. Sudah tentu keadaan keselamatan dan ketenteraman awam akan terancam dan porak peranda. Oleh itu saya tidak bercadang untuk mengulas tentang cadangan Ahli Yang Berhormat tersebut.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada membaca Hansard di mana saya cadangkan hanya undang-undang yang telah melanggar hak-hak asasi manusia, bukan semuanya. Sila baca ya! (*Ketawa*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, selalunya bila kita katakan undang-undang yang menyalahi hak asasi manusia termasuklah semua undang-undang yang ada ini. Jadi, kalau tidak betul, eloklah dibetulkan oleh Yang Berhormat, terima kasihlah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh permintaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang meminta saya memberikan penerangan mengikut Peraturan 14 (1) (i) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat berhubung dengan penangkapan dan penahanan Dr Maximus Ongkili, sukalah saya menjelaskan bahawa penangkapan dan penahanan Dr Maximus Ongkili adalah dibuat oleh pihak Polis di bawah peruntukan 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Di bawah peruntukan itu pihak Polis diberi kuasa menangkap dan menahan selama tempoh tidak lebih 60 hari bagi tujuan siasatan terhadap seseorang yang dipercayai terlibat di dalam kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara. Selepas itu kes yang berkenaan akan dilaporkan kepada Menteri untuk pertimbangan di bawah Seksyen 8(1) Akta berkenaan sama ada untuk dikenakan perintah tahanan atau perintah sekatan.

Oleh kerana kes ini masih lagi dalam tindakan dan siasatan lanjut pihak polis dan laporan belum disampaikan kepada Menteri, maka soal penjelasan yang dimaksudkan itu tidaklah timbul.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat dari Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu gambaran bahawa apabila pihak Polis mengambil tindakan di bawah ISA untuk menangkap seseorang, semacam Dr. Maximus Ongkili, Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri tidak tahu tindakan itu, bukankah benar bahawa sungguhpun daripada segi undang-undang pihak Polis boleh ambil tindakan tetapi daripada segi kenyataan, reality, dengan izin, bahawa lampu hijau diberi oleh Yang Berhormat Menteri dahulu sebelum tindakan diambil oleh pihak Polis di bawah ISA?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Dari segi amalan tidak payah diberitahu kepada Menteri ataupun Kementerian.

**Tuan Radin Malleh (Padas):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada lagi, silakan.

**Tuan Radin Malleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan penangkapan Dr. Maximus Ongkili ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini sama ada dalam tempoh 60 hari ini keluarga terutama sekali isteri dan anak kepada Dr. Maximus Ongkili ini boleh bertemu dengan beliau?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi masalah ini adalah masalah di tangan pihak Polis, bukan di tangan pihak Kementerian. Dengan sebab itu terpulanglah kepada pihak Polis untuk menentukan adakah keluarganya boleh berjumpa atau tidak.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Maran yang mengesyorkan supaya .....

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):**(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada lagi, hendak beri jalan?

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkata tangkapan Dr. Maximus Ongkili ini di bawah Seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri dan saya fikir Yang Berhormat juga tahu waktu Operasi Lallang, tangkapan atau tahanan lebih daripada 100 orang kesemuanya adalah majority, dengan izin, daripada parti politik Pembangkang. Justeru itu, tadi Yang Berhormat kata tahanan itu semua Menteri-menteri atau Perdana Menteri atau Menteri Dalam Negeri tidak tahu waktu Polis buat tangkapan atau buat tahanan pada 27 Oktober, 1987. Yang saya mahu tahu itu ialah kenapa waktu itu Yang Berhormat dari Hulu Langat boleh ke luar negeri ke Australia, Timbalan Presiden MCA pada 28hb Oktober lari daripada negara ini. Bagaimana dia boleh tahu dan lari daripada negara ini pada masa itu kalau Menteri-menteri dan Home Minister tidak tahu tangkapan itu?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan pihak Kementerian, termasuklah Menteri dan Timbalan Menteri pun tidak tahu. Sahabat-sahabat rapat saya yang kena tangkap pada masa itu, termasuklah Yang Berhormat Saudara Ibrahim Ali dan Saudara Tajudin Abdul Rahman, Ketua Pemuda Bahagian saya, pun saya tidak tahu. Jadi....

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:**...sebab saya perintah!

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap bahawa saya tidak tahu, saya tidak cakap

perkataan perintah. Saya tidak tahu. Perkara ini saya ingat tidak boleh kita buat lawak-lawak, tidak boleh kita hendak buat berjenaka, kerana masalahnya beban itu dosa yang saya pegang. Kementerian Dalam Negeri ini berat tugasnya. Jadi, saya jarang hendak melawak, kerana saya pun takut juga hendak masuk neraka.

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ada lagi. Hendak beri jalan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Nantilah dahulu, saya hendak jawab tentang wakil rakyat dari Ulu Langat. Masalah tidak timbul tentang dia hendak ditangkap di bawah ISA atau tidak. Dalam pengetahuan saya beliau memohon cuti daripada Perdana Menteri dengan secara elok dan pergi ke luar negeri. Tidak timbul fasal ISA. Jadi, janganlah salah anggap bahawa beliau ada dalam list.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah permohonan itu cuti dari ISA atau cuti dari jawatan? Cuti dari ISA, bukan?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Cuti dari tugas. Tidak usahlah buat andaian. Tidak elok, cukuplah itu, berilah chance. Semasa Yang Berhormat bercakap, saya diam sahaja, tidak kacau - saya beri peluang. Tetapi janganlah sebab kebaikan saya itu, hendak attack sahaja.

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Ini panjang, saya kasihan, Yang Amat Berhormat tunggu, lepas saya ini Yang Amat Berhormat. Jadi, saya hendak habiskan.

**Tuan Chian Heng Kai:** Satu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beri tahu sedikit alasan kenapa Dr. Maximus

Ongkili ditahan? Apa aspeknya-aspek subversifkah, aspek membuat pasport palsukah atau aspek apakah yang dia ditahan? Atau Yang Berhormat belum tahu lagi alasannya. Terima kasih.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir itu betul. Saya tidak tahu, bila sudah cukup masa, laporan esok akan diberi tahu. Cukuplah. Pasir Mas bangun.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan lain dari yang lain iaitu seseorang yang ditahan di bawah ISA ataupun bila polis bertindak untuk menahan seseorang di bawah ISA, pertamanya, bagi mencegah supaya tidak berlakunya masalah keselamatan negara ataupun seseorang itu boleh dikatakan memudaratkan keselamatan negara. Maka dalam tempoh 60 hari mereka ini disoal siasat, iaitu seperti saya dahulu, pada kali yang kedua, maka saya dibebaskan, bererti saya tidak bersalah. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk bayar ganti rugi (*Ketawa*), sebab 50 hari atau 60 hari ini teruk. Duduk dalam ini teruk. Bagi yang tidak bersalah, bila dibebaskan itu maknanya tidak bersalah, sebab ianya tidak dikira memudaratkan keselamatan. Boleh tidak dibayar ganti rugi?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, disebabkan peruntukan yang ada itu membolehkan polis menahan selama 60 hari, jadi tidak bolehlah minta bayaran apa-apa. Kalau tersilap atau terlebih tahanan dan sebagainya, itu mungkinlah boleh dipertimbangkan. Tetapi saya hairan Yang Berhormat dari Pasir Mas dahulu dia kata dia cukup seronok bila dia kena tangkap selama dua bulan. Itu dia cakap pada saya, cukup seronok kerana layanan telah diberi dengan baik.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Betul, Tuan Yang di-Pertua, tetapi itu mula-mula dahulu, tetapi kali yang kedua saya sudah kahwin, memang tidak seronok. (*Ketawa*)

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Maran yang mengesyorkan supaya ditubuhkan sebuah Kementerian khas yang bertanggungjawab dalam membasmi masalah penyalahgunaan dadah, ingin saya menjelaskan bahawa di samping usaha-usaha Kementerian Dalam Negeri, berbagai-bagai Kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perdana Menteri dan beberapa agensi-agensi Kerajaan yang lain juga terlibat dalam usaha-usaha mengatasi masalah dadah di negara ini. Usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan setakat ini adalah menggalakkan dan Kerajaan berupaya menentang masalah penyalahgunaan dadah di negara ini dengan berkesan. Oleh yang demikian, penubuhan sebuah Kementerian sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu tidaklah diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah mengemukakan pandangan am, teguran masing-masing mengenai pelbagai isu dan masalah di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri. Saya telahpun memberikan penjelasan saya ke atas beberapa pandangan dan teguran dan bagi pandangan dan teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan yang mulia ini, saya memberi jaminan bahawa ianya, insya Allah, akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

4.56 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap pendek

sahaja kerana tidak banyak perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian saya. Itu menunjukkan Kementerian ini telah berjalan dengan baik. (Tepuk)

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Keningau telah mencadangkan program pemulihan rumah orang miskin ditambah peruntukannya dari \$2,000 kepada \$3,000. Perkara ini sudahpun dilaksanakan. Nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak meneliti dan mengikut perkembangan yang telah dilaksanakan.

Bagi negeri Sabah dan Sarawak, ianya dilebihkan kerana harga barang-barang keperluan perumahan adalah tinggi. Tidak banyak negara dalam dunia yang ada melaksanakan rancangan memberi rumah percuma kepada rakyat. Kita bernasib baik di Malaysia, dengan ekonomi yang baik kita dapat melaksanakannya. Walau bagaimana pun, peruntukan ini adalah bergantung kepada ekonomi negara kita.

Mudah-mudahan jika ekonomi negara kita meningkat lebih baik, maka lebih ramai rakyat akan mendapat faedah seperti yang saya sebutkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran dan Keningau telah meminta supaya peruntukan pembangunan luar bandar bagi negeri Sabah ditambah. Sukacita dijelaskan di sini, peruntukan pembangunan luar bandar bagi Semenanjung sudah semestinya lebih banyak dari peruntukan di negeri Sabah kerana peruntukan di Semenanjung ini perlu pula dibahagi-bahagikan kepada 12 buah negeri, 78 buah daerah dan lebih 12,445 buah kampung. Perlulah ditegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa berlaku adil dalam menyediakan peruntukan kepada negeri-negeri termasuklah negeri Sabah dengan berdasarkan kepada kriteria pemilihan, seperti bilangan penduduk yang akan mendapat faedah, berhampiran dengan sumber-sumber bekalan, masalah-masalah pelaksanaan serta kos. Bukanlah menjadi

dasar Kerajaan Barisan Nasional untuk mengeneipkan negeri Sabah dari segi kemudahan asas. Kekurangan infrastruktur luar bandar ini bukan disebabkan oleh kekurangan peruntukan, tetapi disebabkan oleh keadaan kampung atau penempatan luar bandar yang kebanyakannya kecil, berselerak dan terpencil di antara satu dengan yang lain. Ini menyebabkan kos pembinaan infrastruktur tersebut akan menjadi tinggi berbanding dengan bilangan penduduk yang kecil. Dengan itu, bagi jumlah peruntukan yang diberi, bilangan aspek yang dapat diadakan adalah kecil ataupun sedikit.

Di samping itu keupayaan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek lain juga diambil kira. Adalah didapati keupayaan Kerajaan negeri Sabah dalam hal ini tidaklah begitu memuaskan, umpamanya, dalam tahun 1990, Kerajaan negeri Sabah telah memaklumkan bahawa 60% sahaja dari peruntukan yang telah diluluskan telah dapat digunakan.

Sehingga pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, 72.8% isi rumah luar bandar di seluruh negara telahpun mendapat bekalan air paip. Di Semenanjung, liputan yang telah dicapai adalah 77%, sementara di Sabah 54% dan di Sarawak ialah 51%.

Saya yakin bahawa menjelang akhir Rancangan Malaysia Keenam ini, 87% isi rumah luar bandar akan dapat menikmati bekalan air paip di seluruh negara iaitu 92% di Semenanjung, 69% di Sabah dan 66% di Sarawak.

Setakat ini, Kerajaan telah memberi bekalan elektrik kepada 80% isi rumah luar bandar di seluruh negara, di Semenanjung liputan ialah 91% dan sebelum akhir Rancangan Malaysia Keenam ini dijangka hampir semua isi rumah luar bandar termasuk di estet-estet kecil akan menikmati bekalan elektrik. (*Tepuk*) Setakat ini, liputan yang telah dicapai di Sabah adalah 48%

dan di Sarawak 52%. Saya akan memastikan tumpuan yang lebih akan diberi kepada kedua-dua negeri ini supaya sekurang-kurangnya 70% isi rumah luar bandarnya dapat menikmati bekalan elektrik menjelang akhir Rancangan Malaysia Keenam ini. Beberapa kaedah pelaksanaan yang sesuai seperti system of photo voltaic, inti solar atau mikro hidro dan meningkatkan lagi sistem jenerator luar bandar akan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyediakan sistem rangkaian perhubungan luar bandar yang lengkap, berkesan dan bermutu sebagai sebahagian daripada sistem rangkaian perhubungan nasional. Rangkaian perhubungan jalan-jalan luar bandar adalah untuk memberi kemudahan pengangkutan dan interaksi kepada penduduk-penduduk dan lebih penting lagi untuk menggerakkan proses pemodenan dan pertumbuhan ekonomi luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil-wakil Rakyat PBS yang ada dalam Dewan ini apabila bercakap di sini, mereka menyatakan bahawa Kerajaan Sabah ingin bekerjasama dengan Kerajaan Pusat. Tidak timbul sama sekali soal PBS menentang Kerajaan Pusat tetapi malangnya exercise mereka, tanduk mereka di Sabah sendiri adalah bercanggah dengan apa yang disebutkan dalam Dewan ini. (*Tepuk*) Mereka menggunakan cogan, "Sabah for Sabahans" ataupun "PBS Mempertahankan Hak Sabah". Saya ingin bertanya kalau semua negeri-negeri dalam Malaysia, Kedah akan mempertahankan hak Kedah, Johor akan mempertahankan hak Johor, Melaka akan mempertahankan hak Melaka, maka di manakah letaknya semangat kita berfederasi di Malaysia ini? (*Tepuk*) Apabila PBS mengatakan mereka mempertahankan hak Sabah, siapakah yang hendak menceroboh hak negeri Sabah? Apakah hak Sabah yang hendak dicuri, yang hendak dirampas oleh negeri-negeri lain yang ada di Semenanjung ini?

Saya berharap hal yang seperti ini diberhentikan. Kita berada dalam sebuah negara yang kecil. Jika kita bersatu-padu, kita boleh mencapai kemajuan yang lebih banyak.

Berkenaan dengan 20 point yang disebutkan selalu oleh pemimpin-pemimpin PBS, sebenarnya 20 point itu ialah cadangan-cadangan yang dibuat oleh parti-parti politik pada masa diadakan rundingan hendak membawa masuk Sabah ke dalam Malaysia. Segala point tersebut sudah pun dimasukkan separuhnya ke dalam Perlembagaan negara dan separuhnya dalam berbagai-bagai jenis undang-undang. Setiap kali diadakan majlis mesyuarat rasmi seperti Mesyuarat Tanah Negara, Mesyuarat Kewangan Negara, Mesyuarat Kehutanan Negara, wakil-wakil daripada Sabah adalah dijemput sama. Mereka boleh membangkitkan apa sahaja perkara yang difikirkannya bercanggah dengan 20 points yang disebutkannya itu. Begitu juga dalam Dewan ini, boleh disebutkan setiap prinsip supaya Kerajaan boleh memberi jawapan sama ada kita telah melalakan tanggungjawab menyempurnakan segala kehendak yang disebutkan oleh mereka itu. Sebagai satu contoh, bagaimana Kerajaan Pusat memberikan sokongan kepada negeri Sabah.

Sabah Forest Industries atau SFI mengalami masalah kewangan yang tenat. Oleh itu SFI tidak berupaya menjelaskan bayaran khidmat hutangnya. Untuk membantu SFI menjelaskan tanggungan kewangan tersebut dan mengelakkan berlakunya default atau kesilapan ke atas pinjaman luar negerinya, Kerajaan Persekutuan telah memberi pinjaman sebanyak \$248.8 juta bagi tempoh 1987 hingga 1989. Jemaah Menteri juga pada 4hb Oktober 1989 telah meluluskan Kerajaan Negeri Sabah mengeluarkan jaminan ke atas pinjaman baru dalam matawang ringgit berjumlah \$500 juta oleh SFI bagi membiayai semula sebahagian daripada pinjaman eksport

kredit serta peningkatan keupayaan kompleks kilang palpa dan kertasnya.

Ini salah satu contoh bagaimana Kerajaan Pusat membantu Kerajaan Sabah tetapi sangatlah menghairankan setiap kali mereka membuka mulut seolah-olah Kerajaan Pusat telah menganaktirikan mereka itu. Walaupun Kerajaan Pusat memberikan bantuan yang begitu banyak kepada SFI, tetapi Kerajaan Sabah telah mengambil tindakan memperhentikan Pengerusi SFI yang terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan. Dalam perjanjian kita hendaklah Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan itu menjadi Pengerusi kerana sebahagian besar wang yang digunakan oleh SFI adalah pinjaman atau jaminan daripada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat mestilah menjaga wang ringgit Kerajaan Pusat supaya dapat diselamatkan tetapi tindakan Kerajaan Sabah sebaliknya memberhentikan beliau dengan sewenang-wenangnya dan menuduh Kerajaan Pusat tidak bertanggungjawab untuk menolong mereka itu. Inilah dilema yang kita fikir patut diperbetulkan. Kalau sekiranya Kerajaan Sabah bekerjasama dengan Kerajaan Pusat akan memberi keuntungan kepada rakyat Sabah sendiri.

Wakil daripada Nilam Puri telah mengkritik dengan hebat Deputy IGP dan walaupun telah dijawab oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri sebentar tadi, suka saya sebut di sini bahawa polis di Malaysia ini bolehlah dikatakan polis yang bertanggungjawab menjalankan tugas mengikut undang-undang, tidak menyebelah mana-mana pihak jua pun dan saya menaruh kepercayaan penuh atau Kerajaan menaruh kepercayaan penuh kepada Deputy IGP yang membuat kenyataan waktu adanya demonstrasi di Tol Cheras. Pihak beliau ada mempunyai kenyataan-kenyataan yang jelas mengapa beliau mengeluarkan perkataan yang seperti itu. Adalah lebih baik beliau berkata demikian dan dapat memberhentikan demonstrasi

tersebut daripada membiarkan sahaja dan akan berlaku kacau-bilau kemudian hari kelak, tidak dapat tidak, parti Pembangkang akan menyalahkan polis tidak bertindak dengan cergas. Kita adalah rakyat yang bertanggungjawab. . . . .

**Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Sungai Besi bangun.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bahawasanya Yang Amat Berhormat fahamkah atau sedarkah mengapa penduduk-penduduk Cheras terpaksa mengadakan demonstrasi? Sebab sejak kutipan Tol Cheras dimula pada 1hb September 1990 yang lalu ianya adalah dilaksanakan tanpa memberi apa-apa pengumuman umum kepada penduduk-penduduk dan juga ada pertentangan kepada bekas Timbalan Menteri Kerja Raya, yang tidak ada di Dewan ini, bahawa Tol Cheras tidak akan dikutip sebelum tahun 1991 dan memandangkan juga bahawa satu kenyataan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 3hb September 1990 di Melaka bahawa Kerajaan tidak akan tunduk pada permintaan rakyat untuk menurunkan atau mengecualikan tol. . . . .

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada dia hendak bersyarah atau meminta penjelasan? Kalau minta penjelasan mengapa panjang lebar?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Sungai Besi, sila minta penjelasan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, saya minta penjelasan. Bukankah Yang Amat

Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju bahawa demonstrasi penduduk-penduduk Cheras adalah dipaksakan oleh sikap buruk Kerajaan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Sungai Besi, penjelasan ini pendekkan.

**Tuan Tan Kok Wai:** . . . . .Kerajaan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, walau apapun perasaan tidak puas hati rakyat, ianya tidak boleh diselesaikan dengan kekerasan. Kita tidak boleh biarkan kekerasan berlaku di Malaysia (*Tepuk*). Kita telah lihat kejadian 13 Mei 1969, barangkali Ahli yang menyoal ini belum lahir ke dunia pada waktu itu.

**Tuan Tan Kok Wai:**  
Penjelasan. Adakah juga Yang Amat Berhormat. . . . .

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Kalau penjelasan, saya benarkan; kalau bersyarah, saya tidak benarkan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Adakah juga. . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sungai Besi. . . . .

**Tuan Tan Kok Wai:** Hanya penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Pendekkan penjelasan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Hanya penjelasan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa masalah kutipan tol Cheras tidak boleh dikira sama dengan Mei 13, sebab ini adalah satu isu sosio-ekonomi, sebab kadar kutipan tol yang amat tinggi, yang tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sudah cukuplah.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada berlaku soal sosio, tidak sosio, tetapi darah yang mengalir sama merah, (*Tepuk*) dan kita tidak mahu nyawa rakyat hilang di atas perkara yang seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang menghairankan saya. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong, duduk sebentar!

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** . . . sebahagian besar. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kepong, sila duduk!

**Dr Tan Seng Giaw:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Adakah Yang Amat Berhormat tahu bahawa DAP berusaha dengan sedaya-upaya untuk mengelakkan berlakunya kekerasan di Cheras. Itu bukan maksud kami, kerana kalau berlaku ia tidak menguntungkan semua pihak.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Diucapkan terima kasih niat DAP, tetapi perbuatannya lain daripada yang dicakapkannya. (*Tepuk*) Kerana mereka yang baling batu bukan orang Barisan dan Wakil dari Nilam Puri begitu jauh pula datang tolong sahabatnya DAP untuk berdemonstrasi.

Saya suka hendak sebut kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, orang yang berdemonstrasi ini bukan mereka yang membayar tol, tetapi ialah motorcyclist. Motorcyclist tidak bayar tol. Ini menunjukkan dia organisir daripada Kuala Lumpur panggil

motorcyclist ini, orang DAP pergi berdemonstrasi. Ini satu perbuatan yang tidak betul. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai rakan-rakan saya lagi hendak menjawab. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Cukuplah. Yang Amat Berhormat menjawab.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** . . . saya tidak boleh berbincang lebih panjang berkenaan dengan tol ini, kerana kita akan selesaikan hal tol ini dengan baik.

Yang Berhormat dari Kota Bharu berkata bahawa Budget Barisan mengikut manifesto Semangat 46. Tuan Yang di-Pertua, beliau seterusnya menyarankan supaya orang-orang yang berumur 55 tahun ke atas diberi elaun sebanyak \$100 seorang seperti yang tersebut dalam manifesto Semangat 46 dalam pilihanraya yang baru lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat mengikut atau mencontohi kehendak Semangat 46 ini, kerana wang yang terlibat adalah terlalu besar. Jika sekiranya 10% sahaja daripada 17 juta rakyat Malaysia mendapat wang saguhati dari Kerajaan sebanyak \$100 seorang, maka jumlahnya ialah \$2.4 billion setahun dan Kerajaan tidak mampu. Memang manifesto Semangat 46 sangat cantik dan molek, saya akui lebih baik daripada Belanjawan Kerajaan Barisan Nasional, tetapi malangnya tidak boleh hendak dilaksanakan. Nasib baik rakyat negeri ini berfikiran waras dan memikirkan ianya adalah satu manifesto angangan kosong, (*Tepuk*) maka sebab itu mereka telah kalah dalam pilihanraya yang baru lalu. Saya berharap perkara ini, cadangan ini. . . . .

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Amat Berhormat. . . .

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Ya.

**Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas kumpulan umur yang dikatakan 55 tahun itu. Adakah Yang Amat Berhormat tidak tahu 17 juta rakyat Malaysia itu bukan semuanya berumur 55 tahun? Jadi, buat apa menyatakan begitu, yang tergolong hanyalah dalam lingkungan 6% sahaja.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat. . . .

**Puan Hajah Ilani bin'Dato Haji Isahak:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kota Bharu duduk.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tidak dengar ucapan saya. Saya kata kalau 10% daripada 17 juta, saya tidak kata 17 juta semua berumur 55 tahun ke atas. Saya kata 10%, tetapi Ahli Yang Berhormat kata 6%, okay saya turun 6%, kalau 10% - \$2.4 billion, kalau 6% kurang sedikit, katalah \$2 billion.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Malaysia belum mampu lagi naik ke bulan seperti cadangan Ahli Yang Berhormat, mungkin barangkali dia berkawan dengan PAS, maka telah terikut-ikut naik ke bulan. (*Tepuk*)

**Dr Kua Kia Soong (Petaling Jaya):** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Amat Berhormat, ada orang minta jalan, beri jalan atau tidak beri?

**Dr Kua Kia Soong:** Penjelasan sahaja.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Mana lagi. . . . .

**Dr Kua Kia Soong:** Satu penjelasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta penjelasan, sedarkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa NFPE (Non Financial Public Enterprises)—hutang asing NFPE mengikut Laporan Ekonomi 1990/1991 adalah hampir \$12 billion. Kalau. . . . .

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kena-mengena dengan apa yang saya sebut ini. Saya sebut soal Semangat 46, tetapi minta maaf kerana Yang Berhormat pun jadi kawan Semangat 46, jadi menolong. Nampaknya ianya menjadi 'tikus memperbaiki labu'. (*Tepuk*)

Saya berharap skim memberi pencen kepada orang yang berumur 55 tahun dimulakan di Kelantan lebih dahulu. (*Tepuk*) Saya dapat tahu PAS kata ini bukan rancangannya, ini rancangan Semangat 46, tetapi Semangat 46 pun adalah geng PAS juga, bersama-sama memerintah, jadi geng sama geng mestilah selesaikan janji yang dibuat dalam pilihanraya dahulu. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berkata tadi hendak cakap pendek sahaja. Saya memang tidak suka bercakap panjang kerana kita lebih baik bekerja dengan bersatu hati di antara kita sama sendiri supaya negara kita boleh selamat dan maju. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kementerian Pengangkutan.

5.17 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, sukacita

saya bagi pihak Kementerian Pengangkutan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan-pandangan, teguran-teguran dan syor-syor mereka mengenai perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Pengangkutan, sepanjang perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 di Dewan yang mulia ini.

Sukalah saya memberikan jaminan bahawa segala pandangan, teguran dan syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dikaji dengan teliti dan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Pengangkutan. Bagaimanapun, izinkanlah saya memberi penjelasan dan jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Sibü telah membangkitkan perkara-perkara mengenai penerbangan antarabangsa ke Sarawak dan pembinaan lapangan terbang baru Sibü.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya telah menggalakkan kedatangan atau kemasukan syarikat-syarikat penerbangan asing melalui pintu masuk utama Malaysia iaitu melalui Lapangan terbang-lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching. Melalui rundingan udara yang pernah diadakan dengan negara-negara asing, Kementerian Pengangkutan bukan sahaja telah pun mempelawa syarikat-syarikat penerbangan asing mengadakan perkhidmatan ke Kuala Lumpur, malahan juga telah diberi pilihan sama ada mereka ingin mengadakan perkhidmatan ke tempat-tempat tersebut dan termasuklah Kuching.

Sungguhpun syarikat-syarikat penerbangan asing dipelawa untuk mengadakan perkhidmatan ke Kuching, tetapi tidak terdapat banyak syarikat asing yang ingin berbuat demikian di

atas sebab-sebab tidak cukup trafik dan lain-lain pertimbangan commercial, dengan izin, bagi membolehkan mereka berbuat demikian.

Kerajaan bukan sahaja menggalakkan kemasukan syarikat penerbangan asing melalui penerbangan berjadual, tetapi juga mereka boleh berbuat demikian melalui perkhidmatan penerbangan charter, dengan izin, di bawah dasar 'Open Sky Policy', terpujanglah kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk membuat pilihan sama ada untuk mengadakan perkhidmatan ke Malaysia mengikut pilihan mereka iaitu melalui Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching.

Sebagai langkah seterusnya untuk menggalakkan lebih ramai pelancong-pelancong asing datang ke Sarawak, Kerajaan telah pun memberi kebenaran kepada Syarikat Penerbangan Singapura (SIA) untuk mengadakan perkhidmatan ke Kuching dan Kota Kinabalu mulai bulan ini.

Mengenai pembinaan lapangan terbang Sibü, ingin saya memaklumkan kerja-kerja pembinaan telah bermula pada bulan Ogos, 1990 dan projek ini adalah dijadualkan siap. . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Maharuddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, nanti sebentar.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Terima kasih. Saya minta penjelasan. Berkenaan jadual penerbangan SIA ke Sarawak, saya ingin tahu berapakah jumlah penerbangan SIA yang diluluskan oleh pihak Kerajaan dalam seminggu atau pun sebulan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, ada dalam jawapan saya untuk Yang Berhormat seorang lagi nanti yang saya akan jelaskan.

Kementerian Pengangkutan akan memastikan supaya projek iaitu lapangan terbang baru Sibu ini dilaksanakan berpandukan kepada jadual yang telah ditetapkan iaitu dijadualkan siap pada awal tahun 1993.

Berhubung dengan pembinaan lapangan terbang antarabangsa baru di Sepang yang mana telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Sepang, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan masih lagi menjalankan kajian mengenai kemungkinan mengadakan lapangan terbang antarabangsa baru di Lembah Kelang. Kajian ini melibatkan aspek-aspek tertentu seperti kesesuaian tanah akan mengambil sedikit masa lagi untuk disiapkan. Mengenai kawasan yang akan dipilih belum ada keputusan lagi dibuat oleh Kerajaan.

Yang Berhormat dari Batang Lepar telah membangkitkan tentang Sistem Penerbangan Malaysia yang tidak mencukupi dari Kuala Lumpur ke Kuching dan balik yang menjejaskan usaha peningkatan pelancongan dan menjadi rintangan untuk meintegrasikan rakyat Malaysia. Suka saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan sentiasa mengawasi keperluan perkhidmatan udara di semua negeri termasuk negeri Sarawak. Rancangan untuk meningkatkan kapasiti diadakan secara berterusan. Bagi tujuan ini langkah-langkah telah diambil untuk mengadakan pertambahan kapasiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kapasiti setiap minggu dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak dan dari Sarawak bagi tempoh mulai 28hb Oktober, 1990 telah ditambah kepada 11,495 kerusi dari jumlah 10,503 berbanding tempoh sebelumnya. Angka ini merupakan 9.4% tambahan kapasiti. Di samping itu tindakan sedang diambil untuk menambahkan kapasiti ini kepada 13,123 kerusi seminggu bagi tempoh

mulai 25 Mac 1991. Angka ini merupakan 14% tambahan daripada tempoh sebelumnya. Adalah diharapkan bahawa langkah-langkah ini akan mengatasi beberapa masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya dibenarkan Singapore International Airlines mengadakan penerbangan ke Sarawak, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan telahpun bersetuju supaya SIA mengadakan perkhidmatan ke Sabah dan Sarawak. SIA dijangka mengadakan perkhidmatan ke Kuching dua kali seminggu mulai 19 Januari, 1991.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Bintulu telah membangkitkan mengenai pembinaan lapangan terbang baru bagi Limbang dan Bintulu. Bagi lapangan terbang baru Limbang, sukacita dimaklumkan dalam Rancangan Malaysia Keenam permohonan telah dibuat untuk membina Lapangan Terbang Limbang yang baru bertaraf 'STOL' yang boleh mengendalikan pesawat seperti 'Twin Otter'. Cadangan membina lapangan terbang baru berdasarkan STOL mengambilkira bahawa trafik penumpang dari Lapangan Terbang Limbang masih boleh dikendalikan oleh lapangan terbang bertaraf STOL dan dengan pesawat Twin Otter. Di masa hadapan jika trafik penumpang bertambah dengan pesat, Kerajaan boleh menimbang memperbesarkan lapangan terbang ini.

Permohonan juga telah dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk membina lapangan terbang Bintulu yang baru di kawasan yang baru. Keputusan mengenai cadangan kedua-dua projek lapangan terbang Limbang dan Bintulu yang baru akan diketahui pada pertengahan tahun 1991 apabila Kerajaan memutuskan projek-projek keseluruhan Rancangan Malaysia Keenam.

Berkaitan dengan permintaan untuk memperbesar Lapanganterbang Kuching, sukacita dimaklumkan kajian telah dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan mengenai keperluan lapanganterbang ini. Daripada kajian yang telah dijalankan Kementerian mendapati lapanganterbang ini masih boleh mengendalikan permintaan trafik di masa-masa akan datang. Kerajaan bersedia menimbang untuk memperbesar lapanganterbang ini kelak apabila terdapat justifikasi trafik yang sewajarnya.

Berkaitan dengan lapanganterbang baru Tawau yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tawau, sukacita dimaklumkan bahawa permohonan juga telah dibuat untuk melaksanakan projek ini dalam Rancangan Malaysia Keenam. Keputusan mengenainya akan diketahui pada pertengahan tahun 1991 ini.

Yang Berhormat dari Lumut telah mencadangkan bahawa cukai jalan dikurangkan memandangkan terdapat lebuhraya di mana tol dikutip. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pungutan cukai jalan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan atau Consolidated Fund, dengan izin. Ini bermakna bahawa pungutan cukai jalan digunakan untuk membiayai perbelanjaan operasi dan pembangunan Kerajaan secara keseluruhan dan bukan dikhaskan untuk perbelanjaan berkaitan dengan pembinaan jalanraya sahaja. Oleh hal yang demikian tiada kaitan di antara cukai jalan dengan bayaran tol dan tidak semestinya cukai jalan dikurangkan kerana tol dikutip.

Yang Berhormat dari Tuaran telah menyarankan supaya Kerajaan akan mengkaji semula kadar cukai jalan bagi kereta-kereta four-wheel-drive, dengan izin, berenjin diesel di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat dari Tuaran, Kerajaan telahpun mengkaji semula kadar bayaran lesen kenderaan motor

atau cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan four-wheel-drive yang berenjin diesel pada tahun 1989. Hasil dari kajian tersebut bayaran lesen kenderaan motor 3.5 kali ganda yang dikenakan ke atas kenderaan-kenderaan bukan saloon berenjin diesel yang dimiliki oleh syarikat dan individu di Sabah telahpun dimansuhkan mulai 12 Mei, 1989.

Sebagai contoh, hasilnya ialah bagi sesebuah kenderaan bukan saloon yang mempunyai kapasiti enjin 3,500 c.c. di Sabah telah diturunkan dari \$7,210 kepada \$2,060 setahun. Oleh hal yang demikian tidak perlu bagi Kerajaan mengkaji semula lagi pembayaran lesen kenderaan motor untuk kenderaan-kenderaan four-wheel-drive seperti disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Klang telah menyentuh mengenai masalah kontena. Kedudukan sebenarnya ialah jumlah kontena import dan eksport yang dikendalikan melalui terminal kontena di Pelabuhan Kelang telah banyak meningkat khususnya di musim-musim perayaan. Jumlah kontena yang dikendalikan di terminal kontena tersebut pada tahun 1990 adalah sebanyak 494,974 TEU berbanding dengan 393,957 TEU pada tahun 1989 iaitu kadar pertambahan sebanyak 25.7%. Namun demikian keadaannya adalah terkawal dan jumlah ini telah dapat dikendalikan dengan keupayaan yang sedia ada di terminal tersebut. Walau bagaimanapun keadaan cuaca yang kerap kali buruk telah menyebabkan tergendalnya operasi penghantaran kontena dan pemunggahan barang-barang dari kontena. Kelewatan pemunggahan barang-barang ini juga telah mengakibatkan tergendalnya operasi perjalanan trailer secara licin dan tersusun. Ingin saya menegaskan bahawa kecekapan di mana-mana terminal pelabuhan adalah saling bergantung kepada khidmat sokongan

oleh pengusaha pengangkutan, gudang simpanan, pengimport dan wakil-wakil penghantaran mereka. Tahap kecekapan di terminal secara langsung boleh terjejas jika berlaku kegagalan dalam khidmat sokongan dan sebaliknya.

Dalam keadaan sedemikian, kerjasama semua pihak mencari penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang menjadi perlu. Bagi menjamin keupayaan dan kecekapan dalam terminal akan terus terjamin semua pihak telah mengambil tindakan jangka pendek dan jangka panjang iaitu:

- (1) menjalankan semula skim rebat malam;
- (2) menyusun untuk mengalih kontena import dari pelabuhan kedepo kontena haulier jika berlakunya keadaan kesesakan penghantaran bagi mengelakkan bayaran kelewatan yang dikenakan ke atas para pengimport;
- (3) memasang alat tambahan seperti cranes, straddle carrier, prime mover, trailer dan forklift baru;
- (4) program menambah keupayaan termasuk pengubahsuaian dermaga dan pembesaran yard kontena di KCT serta memajukan kawasan tambahan oleh pihak haulier bagi tujuan menyimpan kontena-kontena kosong;
- (5) lesen baru diberi kepada MISC dan KTM bagi tujuan mengangkut kontena-kontena. Dengan bertambahnya syarikat yang mengambil bahagian dalam aktiviti ini di-harapkan pengendalian kontena ke pelabuhan dan dari pelabuhan dapat dibuat dengan lebih efisien lagi;
- (6) Lembaga Pelabuhan Kelang sedang mengubahsuaikan Dermaga-dermaga 19 hingga 21 kepada Dermaga Kontena bagi menampung peningkatan kontena yang akan dikenalkan pada masa hadapan.

Mengenai pembesaran barat Pelabuhan Kelang, memang skopnya telah diperluaskan dan projek ini telah dipercepatkan supaya dapat menampung peningkatan pengendalian kargo pada masa hadapan. Tambahan pula dermaga-dermaga ini direka bentuk untuk kapal-kapal besar sehingga 80,000 displacement tonnes boleh berlabuh di sana. Kemudahan ini dijangka siap keseluruhannya pada tahun 1995.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan-jawapan dan penjelasan yang dapat saya berikan. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, syor-syor dan pandangan-pandangan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

*5.31 ptg.*

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu di bawah bidang tugas Kementerian saya dan saya yakin bahawa dengan teguran-teguran seumpama itu, Kementerian saya akan berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan tahap prestasi perkhidmatan bagi satu masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Segamat dan Teluk Kemang telah membangkitkan isu bekalan elektrik dan kemudahan telekomunikasi ke ladang-ladang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 1988 sebanyak 16 ladang telah diberi bekalan elektrik, pada tahun 1989 sebanyak 18 ladang dan pada tahun 1990 sebanyak 22 ladang telah diberi bekalan elektrik di seluruh negara. Untuk kawasan Segamat khasnya pada

tahun 1988, empat ladang telah diberi bekalan elektrik, dua ladang pada tahun 1989 dan satu ladang pada tahun 1990.

Pada masa kini Kerajaan masih di dalam proses mengumpulkan data-data ladang-ladang yang masih belum diberi bekalan elektrik dengan kerjasama agensi-agensi tertentu seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan pihak Tenaga Nasional Berhad. Apabila data-data ini dikumpulkan kelak, Kerajaan akan menggubal satu tatacara untuk membekal elektrik dengan satu rancangan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemudahan telekomunikasi, Telekom Malaysia telahpun memperuntukkan \$1.39 billion untuk pembangunan kemudahan rangkaian telekomunikasi luar bandar dengan Rancangan Malaysia Keenam. Sebanyak \$275 juta dari jumlah ini adalah untuk rancangan telefon awam luar bandar. Ini bermakna bahawa Telekom Malaysia akan membelanjakan lebih kurang \$50 juta setahun untuk rancangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah ini adalah merupakan pertambahan sebanyak enam kali ganda berbanding dengan peruntukan yang dibuat dalam tahun sebelumnya. Dengan peruntukan ini sebanyak di antara 1,400 hingga 2,000 buah telefon awam luar bandar akan dipasang tiap-tiap tahun berbanding hanya di antara 600 dan 700 buah yang mampu dipasang pada masa ini.

Pihak Telekom Malaysia bersama-sama dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah mengenalpasti dan menyenaraikan kampung-kampung tradisional, skim-skim FELDA, FELCRA dan tempat-tempat pemusatan penduduk di luar bandar untuk menyediakan kemudahan telekomunikasi yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah mencadangkan agar Kementerian

Tenaga, Telekom dan Pos menyelaraskan kadar tarif bagi pengilang-pengilang memandangkan kadar ini begitu tinggi sekali di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tarif elektrik di seluruh negara adalah berasaskan daya maju ekonomi dan kos penjaan, penghantaran dan pengagihan tiap-tiap utiliti iaitu Tenaga Nasional Berhad, Lembaga Letrik Sabah dan Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak. Walau bagaimanapun, tiap-tiap utiliti mempunyai insentif diskaun tertentu untuk menggalakkan penggunaan tenaga secara efisien dan berkesan. Kerajaan telah melaksanakan satu kajian mengenai kemungkinan penyeragaman kadar tarif seluruh negara dan laporan akhir kajian ini akan dikemukakan kepada Kerajaan pada akhir bulan Januari 1991 ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, Lembaga Letrik Sabah telahpun menurunkan kadar tarif industri kelas dua sebanyak 3 sen dari 23 sen kepada 20 sen seunit pada tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kelang telah membangkitkan masalah kekurangan pondok telefon awam di Pulau Carey. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengenai kemudahan telekomunikasi di Pulau Carey, saya telah diberitahu oleh pihak Telekom Malaysia. . . . .

**Tuan Lau Dak Kee (Ipoh):** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ipoh bangun. Hendak beri jalan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Boleh.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah kos penjaan pada setakat ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan itu kepada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini lebih kurang 3 atau 4 minggu yang lalu. Kita telah mengadakan beberapa jenis penjanaaan. Oleh kerana itu kita tidak boleh dapat kos bagi satu unit daripada semua penjanaaan. Itu menjadi satu perkara yang kita memerlukan lebih penyiasatan sebelum saya memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat.

Pihak Telekom Malaysia telahpun membuat rancangan untuk menambah kemudahan telekomunikasi di kawasan itu untuk menampung keperluan yang kian bertambah. Pada masa ini terdapat lebih kurang 98 orang bakal pelanggan yang menunggu untuk mendapat perkhidmatan telekomunikasi.

Mengenai kemudahan pondok telefon awam, Telekom Malaysia akan mengambil tindakan untuk menambah dua buah lagi pondok telefon awam bagi kegunaan orangramai. Sebenarnya, pihak Telekom Malaysia mengalami beberapa masalah teknik untuk membekalkan keperluan-keperluan telekomunikasi ke pulau berkenaan. Namun begitu, mereka telah berjanji untuk mencuba sedaya-upaya untuk menyediakan kemudahan itu bagi kepentingan masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam ucapan beliau pada 20-11-1990. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, TNB telah ditubuhkan sebagai sebuah badan korporat pada 1hb September, 1990 bagi mengambil alih tugas-tugas Lembaga Letrik Negara atau LLN. Penyata Kewangan LLN telah diaudit oleh firma audit swasta dan Ketua Audit Negara sebelum dikemukakan ke Parlimen setiap tahun dan setahu saya tidak ada Ahli Yang Berhormat dari DAP yang pernah menyentuh tentang

keupayaan atau prestasi LLN sepanjang masa ini. LLN telah diuruskan sebagai sebuah organisasi yang teratur dan efisien dan telah mencatat keuntungan bersih sebanyak \$498.7 juta pada tahun 1989 dan dijangka mencatatkan keuntungan bersih sebanyak \$756.5 juta pada 1990. Penyata Kewangan LLN juga diteliti oleh. . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau keuntungan yang begitu baik, yang begitu efisien, mengapa kita hendak menswastakannya lagi? Jadi. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jadi begitu cemerlang prestasinya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat telah meminta beberapa soalan berkenaan dengan penswastaaan dalam Dewan yang mulia ini. Saya pun sudah jawab dan oleh kerana itu tak payah diulang balik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Penyata-penyata Kewangan LLN juga diteliti oleh Jawatankuasa Akaun Awam atau Public Accounts Committee (PAC) di mana salah seorang dari pihak Pembangkang adalah menjadi Ahlinya. Justeru itu, saya mendapati bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya adalah tidak berasas sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil sedikit masa untuk menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya oleh kerana soalan-soalan itu merosakkan prestasi LLN pada masa dahulu dan TNB sekarang.

Soalan pertama dari Ahli Yang Berhormat iaitu apakah kontrak-kontrak telah dimeterikan dengan penilaian kewangan dan teknikal yang sempurna. Tuan Yang di-Pertua, semua kontrak Tenaga Nasional adalah dibuat setelah penilaian yang teliti untuk memastikan bahawa ianya mematuhi kehendak-kehendak teknikal yang ditetapkan oleh Tenaga Nasional. Ini diikuti penilaian kewangan yang terperinci bagi menentukan tawaran yang terbaik yang boleh diterima dari segi kewangan, sebelum perakuan dibuat untuk sesuatu tawaran. Tambahan pula adalah amalan untuk Tenaga Nasional bagi projek-projek tertentu melantik pakar perunding swasta untuk menjalankan kajian sebelum sesuatu projek dijalankan. Pihak Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia akan juga menjalankan kajian ke atas projek-projek yang dibiayai oleh bank masing-masing.

Soalan yang kedua daripada Ahli Yang Berhormat iaitu berkenaan dengan apakah ahli-ahli Lembaga Pengarah mempunyai masa yang cukup untuk menilai dan mengkaji cadangan-cadangan tersebut. Jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua, laporan-laporan penilaian bagi semua kontrak adalah dibincang oleh pihak pengurusan Tenaga Nasional sebelum memorandum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Tenaga Nasional. Adalah menjadi amalan biasa untuk mengedarkan semua memorandum kepada ahli-ahli Lembaga sejauh lebih awal daripada tarikh-tarikh mesyuarat Lembaga yang dijadualkan. Lembaga selepas mempertimbangkan perakuan pihak pengurusan akan membuat keputusan dan di dalam kes di mana harga kontrak melebihi \$15 juta, keputusan Lembaga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan persetujuannya sebelum tawaran dibuat.

Satu lagi soalan daripada Ahli Yang Berhormat iaitu soalan nombor 3, apakah benar Pengurus Besar (Projek Utama) TNB tidak memiliki sebarang

pengalaman dalam bidang janakuasa dan operasi iaitu power generation dan operation, dengan izin, dan beliau tidak pernah bekerja di dalam sebuah stesen janakuasa power station sebelum perlantikan beliau di TNB. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, in a war, a General is a strategist: he does not drive a tank. Seperti itu jugalah, Pengurus Besar adalah bertanggungjawab atas pelaksanaan semua projek utama penjaanan kuasa dan pengendalian. Pengurus Besar projek utama yang ada sekarang mempunyai pengalaman bekerja dengan LLN.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak faham apa kaitan tank driving dengan janakuasa, ada apa kaitan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah, Kota Melaka, dia hendak jawab.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya, ada kaitan. Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya minta iaitu Pengurus Besar sekarang tidak mempunyai pengalaman dalam janakuasa. Oleh kerana itu, macam mana beliau boleh menjadi Pengurus Besar dan menjaga perkara-perkara tersebut itu, itulah yang saya jawab tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Soalan saya belum dijawab.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Sudah, saya sekarang jawab. Belum dengar lagi. Pengurus Besar (Projek Utama) yang ada sekarang mempunyai pengalaman bekerja dengan LLN selama 30 tahun sebelum beliau dilantik oleh Tenaga Nasional ke jawatan yang disandangnya sekarang ini. Beliau adalah seorang Jurutera Elektrik yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengurusan dan teknikal setelah

beberapa tahun terlibat di dalam kerja-kerja projek utama di dalam LLN. Sungguhpun beliau tidak pernah bertugas di mana-mana stesen janakuasa, namun ini tidaklah sama sekali menjejaskan tanggungjawabnya sebagai seorang Pengurus Besar (Projek Utama) kerana beliau dibantu oleh jurutera-jurutera yang berkelayakan dan berpengalaman yang cukup di dalam Jabatannya untuk menilai merit teknikal (technical merits) semua projek penjanaaan kuasa. Perlantikan beliau khususnya berdasarkan kepada kesesuaian dana kecemerlangannya yang ditunjukkan beliau sepanjang perkhidmatannya di LLN.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Pasir Mas bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Tenaga mengenai dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengenai pengurusan pemberian tender dan perkara-perkara yang berkaitan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah beliau sedar dalam usaha TNB untuk mengadakan gas turbine plant kita dapati Korea Electric membayar US\$200 juta ataupun lebih kurang M\$540 juta bagi 932 megawatt iaitu Combined Cycle Gas Turbine Plant berbanding dengan TNB yang akan memberi tender ataupun sudah memberi tender kepada NEI-ABB dengan harga \$1 billion hanya untuk 780 megawatt. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan perkara ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sudah masuk dalam soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya. Saya akan menjawab sedikit masa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keempat daripada Ahli Yang Berhormat

iaitu apakah benar Pengurus Besar (Projek Utama) TNB mengarahkan Jabatan Projek Janakuasa iaitu Generation Project Department untuk memberi segala kerja perunding kejuruteraan sivil tanpa memberi tender kepada MINCO iaitu sebuah syarikat juru perunding. Pengurus Besar (Projek Utama) tidak memberi sebarang arahan kepada Jabatan Projek Penjanaaan Kuasa supaya menawarkan semua perkhidmatan perunding sivil kepada Syarikat MINCO sepertimana yang didakwa. Syarikat MINCO ialah sebuah syarikat tempatan perunding kejuruteraan sivil adalah rakan tempatan dalam hubungannya dengan perunding-perunding besar luar negeri di dalam projek-projek LLN sejak 15-20 tahun lalu. Setiap kali perlantikan perunding dibuat, ianya dibuat atas dasar tender persaingan atau, dengan izin, on the basis of competitive tenders. Projek terakhir yang Syarikat MINCO terlibat ialah projek Pelabuhan Kelang (Fasa II) di mana syarikat ini bergabung dengan EPDCI dari Jepun untuk melaksanakan (engineering) keseluruhan projek ini bagi pihak LLN.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu apabila projek ini telah diberi kepada mereka, Pengurus Besar yang dituduhkan tadi ini tidak memegang jawatan dalam LLN seperti Pengurus Besar (Projek Utama). Oleh kerana, itu tuduhan-tuduhan atas Pengurus Besar tidak ada kaitan dengan pemberian kontrak kepada Syarikat MINCO. Di dalam hal ini, saya suka pada kali yang pertama mencabar kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya untuk mengemukakan senarai kontrak-kontrak yang telah ditawarkan kepada Syarikat MINCO oleh Pengurus Besar (Projek Utama) ini. Ini satu tuduhan tanpa apa-apa maklumat. Oleh kerana itu saya buat cabaran ini.

Kalau Ahli Yang Berhormat memberi jawapan kepada saya, ada projek ini telah diberi kepada MINCO, itu saya boleh jawab. Saya percaya ini tidak ada kaitan.

**Dr. Kua Kia Soong:** Mengenai persoalan saya, adakah tender ini diberi secara terbuka kepada MINCO, adakah senarai ini, itulah persoalan saya kepada Menteri.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah menuduh iaitu Pengurus Besar Projek Utama telah mengarahkan, itu jadi satu tuduhan yang terbesar, Pengurus Besar tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk mengarah kepada siapa-siapa iaitu jurutera ini akan menjadi juretera, syarikat ini boleh diberi jadi jurutera, tidak boleh, Menteri pun tidak ada kuasa. Mana boleh Pengurus Besar ada kuasa. Kalau Pengurus Besar ada kuasa, saya minta Pengarah-pengarah itu buang kerja sama dia (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Menteri kata di sini bahawa tidak pernah ada apa-apa projek perundingan kejuruteraan civil pernah diberi kepada MINCO tanpa tender. Adakah tidak pernah ada apa-apa? Itulah isu yang pertama dan perkara siapa bertanggungjawab isu yang kedua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri kata tidak pernah ada apa-apa kontrak diberi tanpa open tender kepada MINCO?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya suka memberi akuan tidak ada apa-apa kontrak telah diberi kepada mereka oleh kerana selepas ini saya sudah buat satu siasatan keseluruhan. Itu saya boleh janji.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kelima daripada Ahli Yang Berhormat juga apakah benar selaku Ketua Jurutera projek dan kemudiannya sebagai Ketua Jurutera dan Pengurus Besar kendalian TNB telah meluluskan pemborong yang tidak berpengalaman dan tidak layak untuk menjalankan kerja-kerja ke atas steam turbines dan boiler works dan

bahawa ini pula menyebabkan kerosakan kepada boiler fans dan steam disembunyikan. Apakah juga benar syarikat-syarikat berkenaan iaitu Tetracon dan Viking Engineering masih ditawarkan kerja di stesen-stesen.

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja rombak-rawat dan pembaikan dandang dan turbine dilakukan oleh kakitangan Tenaga Nasional Berhad dan kadangkala dengan bantuan dari penyelia-penyelia syarikat pembekal di Jepun, India dan Eropah. Adalah atas kepentingan Tenaga Nasional Sendirian Berhad selaras dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan keupayaan kebolehan firma-firma tempatan dan menswastakan kerja-kerja berkenaan. Di antara syarikat-syarikat tempatan, Syarikat Viking Engineering dan Tetracon telah menunjukkan kebolehan di dalam menjalankan kerja-kerja rombak-rawat dan kerja-kerja pembaikan. Kedua-dua syarikat ini telahpun menjalankan kerja-kerja di Stesen Janaelektrik Port Dickson dan Stesen Janaelektrik Prai untuk Lembaga Letrik Negara dengan memuaskan di masa yang lalu.

Soalan yang keenam daripada Yang Berhormat, apakah benar.....

**Dr. Kua Kia Soong:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Petaling Jaya bangun pula, ya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Boleh.

**Dr. Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri belum lagi menjawab soalan saya iaitu adakah betul kerosakan di Prai Unit 4 dan 8 adalah di bawah perundingan Tetracon dan Viking. Kalau benar, kenapa kedua-dua syarikat ini diberi kerja di stesen-stesen tersebut?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, daripada pengetahuan dan siasatan saya, saya dapat keterangan daripada Tenaga Nasional, tidak ada kerosakan seperti yang dituduh oleh Ahli

Yang Berhormat, dari dua-dua stesen ini. Ini kerja lama, tetapi ada juga soalan Yang Berhormat berkenaan dengan Paka itu saya jawab.

**Dr. Kua Kia Soong:** Bolehkah jelaskan apakah kerja lama yang kerosakan ini terlibat?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Port Dickson dan Prai. Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keenam, apakah benar juruteknik-juruteknik TNB yang dilantik kini telah menjadi redundant atau tidak ada apa-apa kerja disebabkan pemborong-pemborong kini melakukan kerja-kerja dengan harga yang amat rendah. Jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua, di kebanyakan stesen-stesen janaelektrik, bilangan juruteknik-juruteknik yang berpengalaman dan berkelayakan dalam kerja-kerja rombak-rawat bagi keseluruhan unit ini adalah tidak mencukupi. Kakitangan Tenaga Nasional Berhad digunakan sepenuhnya dalam kerja-kerja rombak-rawat, kelengkapan tambahan dan kerja-kerja selenggaraan biasa di stesen-stesen, kontraktor-kontraktor seperti Tetracon dan Viking Engineering telah digunakan untuk membuat kerja-kerja rombak-rawat mesin-mesin utama dengan pengawasan oleh syarikat-syarikat pembuat.

Kerja-kerja perlu dibahagikan mengikut keadaan bagi memastikan masa yang diambil untuk merombak-rawat setiap unit penjaan dan kos yang terlibat adalah optimum. Perkara ini telah dikaji sepenuhnya. Di dalam ke Steam Turbine 3C di Stesen Janaelektrik Paka, Syarikat Tetracon telah membuat kerja-kerja rombak-rawat ke atas turbine dengan menggunakan 2 pakar turbine dari luar negeri. Walau bagaimanapun, turbine tersebut mengalami kerosakan apabila ianya dijalankan pada bulan Mei 1989. Perkara ini telah disiasat dengan Penyiasat Dalaman yang telah pun mengemukakan laporannya pada bulan

Ogos 1989. Selanjutnya saya sendiri mengarahkan satu syarikat perunding dilantik untuk menjalankan satu penyiasatan yang rapi mengenai kejadian tersebut sebagai salah satu langkah mengkaji semula secara umum dengan izin, 'combined circle' di stesen Janaelektrik Paka. Syarikat Stone dan Webster telah dilantik oleh Lembaga Lektrik Negara dalam bulan Mac 1990 atas arahan saya. Syarikat ini telah mengemukakan laporannya mengenai turbine nombor 3C dalam bulan Mei 1990. Laporan berkenaan telah dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Lektrik Negara pada bulan Jun 1990 dan salinannya telah dikemukakan kepada Kementerian saya selepas itu.

Hasil daripada prestasi Syarikat Tetracon di Stesen Janaelektrik Paka, syarikat ini telah disenaraihitamkan untuk kerja-kerja mengenai turbine dan apa juga jenis kerja lain di stesen Janaelektrik Paka.

Soalan yang ketujuh dari Ahli Yang Berhormat....

**Dr. Kua Kia Soong:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Petaling Jaya bangun pula.

**Dr. Kua Kia Soong:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengatakan di mana laporan penyiasatan ini diumumkan dan bolehkah saya dapat laporan ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, laporan-laporan itu ialah laporan Kerajaan untuk mengambil tindakan atas pihak-pihak yang telah merosakkan stesen atau turbine itu, bukan untuk pengumuman kepada rakyat jelata. Jikalau kita membuat pengumuman kepada rakyat jelata, jadi Tenaga Nasional tidak boleh jadi agensi untuk penjanaan elektrik kita, jadi satu agensi jelata tiap-tiap hari. Ini untuk Menteri dan juga. . . .

**Dr. Kua Kia Soong:** Untuk Ahli Parlimen, bukan untuk rakyat jelata!

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ahli Parlimen, saya sudah beri penjelasan kepada Ahli Parlimen di Dewan ini. Ahli Parlimen minta soalan kepada saya, saya jawab.

**Dr. Kua Kia Soong:** Adakah penyiasatan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli dari Petaling Jaya, tidak boleh bertanya begitu dengan tidak minta kebenaran dahulu. Minta kebenaran dahulu.

**Dr. Kua Kia Soong:** Oleh sebab lampu ada, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lampu menyalapun minta kebenaran dahulu. Sila.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Dalam perkara ini saya lihat bahawa Yang Berhormat Menteri belum dengan spesifik jawab sama ada benar bahawa dalam perkara ini yang kita sebut daripada sebutharga asal ialah \$250,000 akhirnya angka yang perlu dibelanjakan ialah 10 kali ganda ialah \$25 juta. Dan kalau begitu, kenapa pihak yang berkuasa meneruskan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, apabila tawaran pada masa yang lalu telah dibuat untuk menjalankan kerja ini ialah beberapa syarikat telah menawar dalam kos terlibat iaitu \$250,000 ialah satu harga yang paling rendah daripada Syarikat Tetracon. Saya telah jelaskan tadi saya sendiri pun tidak berpuas hati dengan syarikat itu, selepas saya telah mengambil alih Kementerian ini, dalam tempoh 2 minggu saya minta Lembaga Letrik Negara untuk mengambil tindakan atas kontraktor itu, juga saya mengambil tindakan atas juruperunding

atas perkara ini dan siasatan ini sedang dijalankan. Saya dapat laporan daripada Stone Webster, mereka telah membangkitkan beberapa isu, beberapa pihak mesti disoal sebelum kita membuat apa-apa keputusan. Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya sabar sedikit, saya dapat lebih laporan dan kita ambil tindakan atas sesiapa yang telah membuat salah dan berkenaan dengan kos memperbaiki turbine itu bukanlah \$25 juta seperti apa dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Saya telah menghantar satu telegram kepada .....

**Dr. Kua Kia Soong:** Minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia minta jalan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya belum jawab lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum jawab lagi.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Boleh saya jawab?

**Dr. Kua Kia Soong:** Boleh.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, selepas saya dapat laporan ini saya minta Syarikat Toshiba daripada Jepun untuk menghantar juruperunding daripada Jepun untuk menyiasat apakah kerosakan terbesar daripada kerja-kerja telah dilakukan oleh Syarikat Tetracon ini. Mereka telah menghantar beberapa jurutera untuk memperbaiki. Apa yang saya dapat tahu setakat ini Tenaga Nasional telah membelanjakan lebih kurang \$3 atau \$4 juta untuk membaiki keadaan tetapi ini bukan \$25 juta seperti apa dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Soalan yang ketujuh dari Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita ada 18 Kementerian lagi, dan hanya esok sahaja.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana tuduhan-tuduhan ini atas sebuah agensi Kerajaan yang terbesar. Saya bertanggungjawab untuk menjawab tuduhan-tuduhan itu. Kalau saya jawab satu jawapan yang ringkas, saya percaya perkara ini boleh dibangkitkan sekali lagi dalam Dewan ini. Oleh kerana itu, saya minta sedikit masa kebenaran daripada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk memberi sedikit penjelasan lagi.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli dari Pasir Mas bangun, hendak beri jalan tidak?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Belum lagi. Berkenaan dengan 7 turbine - nanti sekejang saya jawab (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejang.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, ada juga Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan ....

**Dr. Kua Kia Soong:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan yang saya ingin timbulkan tadi, iaitu kalau sesuatu syarikat Kerajaan, kalau Ahli Parlimen tidak boleh dapat laporan mengenai satu syarikat Kerajaan, kenapa sekarang TNB telah diswastakan, Ahli Parlimen tidak boleh dapat laporan mengenai syarikat-syarikat ini, bukankah ini adalah satu perkara yang kurang menyenangkan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun telah menjadi Ahli Parlimen 16 tahun di dalam Dewan yang mulia ini. Saya telah membangkitkan beberapa isu berkenaan dengan Kerajaan apabila saya jadi Ahli Parlimen biasa, belum jadi Menteri lagi. Dalam tiap-tiap soalan saya minta keterangan. Ahli Yang Berhormat minta

apa-apa keterangan saya jawab, tetapi Ahli Yang Berhormat minta laporan. Laporan itu bukan satu muka, dua muka, ada 1,100 muka. Mahukah saya buat tiap-tiap laporan itu 500 atau 5,000 copy beri kepada tiap-tiap orang, beri kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat di sini. Beri kepada Dewan Negara, itu susahlah, itu bukan satu copy. Saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat tadi, kalau ada apa-apa tuduhan, saya boleh jawab, apa-apa soalan pun boleh. Saya bukan cakap benar atau tidak benar, saya jawab terus fasal saya mahu memberi keterangan kepada Ahli Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat berminat untuk memilih soalan-soalan. Saya berminat untuk menjawab oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah dipilih oleh rakyat (*Tepuk*). Saya mahu jawab, saya hormat, berilah balik sedikit hormat (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, ada juga beberapa soalan berkenaan Danish Power dari Denmark telah dilantik sebagai pakar perunding di mana kerja-kerja telah dijalankan oleh Syarikat Tetracon mengenai tiub dandang. Perkara ini tidak ada apa-apa complaint daripada sesiapa oleh kerana syarikat perunding pun tidak ada apa-apa untuk berkaitan dengan ini.

Berkenaan dengan Penguasa Stesyen di Stesyen Port Dickson telah menjadi Pengarah Urusan Tetracon apabila beliau bersara, Yang Berhormat telah menyebut dalam ucapan di bawah Akta Elektrik perbuatan sedemikian menunjukkan bahawa kelalaian jenayah telah berlaku selain daripada rasuah. Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat, difahamkan bahawa bekas Penguasa Stesyen Janaelektrik Tuanku Jaafar, Port Dickson kini memegang jawatan Pengarah Urusan Bersama, dengan izin, Joint Managing Director, Syarikat Tetracon, sebuah syarikat kejuruteraan

tempat. Saya difahamkan bahawa beliau telah memasuki perkhidmatan Syarikat Tetracon selepas persaraan beliau dari LLN. Ini tidak ada apa-apa peruntukan di bawah Akta Elektrik yang menghalang beliau untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 9 iaitu berkenaan dengan 7 gas turbine. Mengenai 7 turbine gas, pihak Kerajaan telah menghadapi masalah apabila pesanan dibuat semasa terdapat permintaan yang tinggi untuk turbine gas. Masalah ini tidak dapat dielakkan kerana pada masa itu kadar pertumbuhan dalam permintaan tenaga elektrik telah naik dari 6% setahun pada pertengahan tahun 80an kepada 12% setahun pada tahun 1989 akibat dari Dasar Perindustrian yang progresif. Perkembangan ini dijangka akan menyebabkan kemungkinan kekurangan bekalan elektrik pada pertengahan 1991. Bagi mengelakkan kekurangan ini, langkah jangka pendek yang dapat diambil segera adalah untuk memasangkan turbine gas.

Dalam tahun 1989, terdapat pasaran pembeli, dengan izin, the buyer's market, dalam turbine gas dan tempoh penyerahan yang singkat, harga yang kompetitif dan pinjaman kewangan mudah didapati daripada pembekal-pembekal daripada negara Perancis, Jerman, British dan Jepun. Sungguhpun kontrak secara perundingan boleh dibuat dalam pertengahan 1989, tetapi keputusan telah dibuat oleh Kementerian Kewangan untuk memanggil tender yang kompetitif kerana amaun yang terlibat adalah yang tertinggi.

Penyediaan spesifikasi dan dokumen-dokumen tender telah disiapkan dengan cepat dan penender-penender untuk 7 turbine gas telah dipelawa pada hujung 1989. Semasa tender ditawarkan terdapat panic buying, dengan izin, oleh utiliti-utiliti tenaga di seluruh dunia seperti di Kuwait, India, Indonesia,

Filipina dan lain-lain. Akibatnya, pasaran pembeli telah bertukar. Bertukar menjadi pasaran penjual, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the seller's market.

Sejumlah 9 buah syarikat pembekal turbine gas antarabangsa telah dijemput untuk menyertai tendernya yang tersebut di atas. Namun begitu, hanya 9 penender yang telah menyertai tendernya. Apabila ianya ditutup pada bulan April, 1990, harga yang ditawarkan oleh penender adalah tinggi dan tidak ada seorang pun dapat menawarkan tempoh, dengan izin, commissioning seperti yang dikehendaki oleh Lembaga Letrik Negara iaitu 12 bulan. Tawaran yang terbaik ialah 18 1/2 bulan, yang mana tempoh penyerahan daripada tarikh dengan 26 bulan ditawarkan dibuat.

Di samping itu, penender-penender tidak mematuhi syarat-syarat pinjaman yang dinyatakan di dalam tender. Penender-penender yang telah diberikan peluang post-tender untuk memperbaiki khususnya mereka, khasnya tempoh, dengan izin, commissioning'. Semuanya telah menjawab secara rasmi bahawa tidak dapat membuat demikian. Pada akhirnya, kontrak ini telah ditawarkan kepada NEI-ABB yang tidak menyertai dalam tender asal tetapi telah membuat satu tawaran post-tender yang menepati kehendak pengiraan LLN dan juga harga yang setanding dengan penender-penender lain. Tender turbine gas ini telah ditawarkan kepada Tetuan NEI-ABBI dalam bulan September, 1990.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya telah mendengar dengan teliti jawapan Yang Berhormat mengenai perkara yang

saya bangkitkan tadi dan sedang dijawab sekarang. Tetapi saya ada menerima satu memorandum, saya tidak tahu siapa letak ke atas meja saya—sama ada terbang ataupun dipos—saya tidak tahu. Dokumen ini, saya boleh serah kepada Yang Berhormat Menteri tetapi saya hendak fotostat dahulu. *(Ketawa)*

Dalam hal ini banyak perkara-perkara yang meragukan timbul kerana melibatkan wang rakyat yang begitu banyak. Jadi, Yang Berhormat sebutkan tadi segala-galanya telah dibuat dengan teliti tetapi saya hendak baca, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, it is a very serious statement.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh minta penjelasan sahaja.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ini penjelasanlah. Saya tidak mahu penjelasan yang lebih lanjut sebab perkara ini serius kerana ianya memperlihatkan suatu penyelewengan, kalau tidak betul. Saya tidak tuduh ini, saya minta maaf, saya tidak tuduh ini, cuma saya perlukan daripada penjelasan yang benar-benar profesional dalam hal ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita ada berat dalam poket, kita takut keluar dari rumah. Saya tidak takut oleh kerana saya tidak ada berat dalam poket. *(Ketawa)* Bolehlah laporkan kepada BSN. Kalau Menteri membuat salah, tangkap dia dan masukkan ke dalam penjara. Saya cabar kepada penulis surat itu. Siapa itu? Ada namakah? Bila dia tulis? Apakah pengalaman dia? Adakah dia menjadi jurutera dalam projek-projek ini? Ini orang daripada luar yang menulis surat. Saya percaya ini tidak betul, ini menunjukkan surat-surat itu dihantar oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Saya dapat surat itu. Saya tidak tahu surat Yang Berhormat dapat itu ada tandatangankah atau tidak? Ada tandatangankah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada alamat bersamakah?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Alamat - saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua. Saya terima surat ini dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau begitu, tidak patut dibawakan ke dalam Dewan ini.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak!

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sekiranya surat terbang tidak patut.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan tadi sebab saya tidak mengharapkan Yang Berhormat Menteri beremosi. Saya hendak tolong menjelaskan nama baiknya, Tuan Yang di-Pertua, sebab ini serius.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, surat terbang macam mana, kita tidak boleh pandang serius.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bincangkan surat-surat layang daripada sesiapa pun, saya percaya tiga tahun pun tidak boleh diselesaikan. *(Ketawa)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya mahu jawab kepada Ahli Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya. Dia minta BSN untuk mengambil tindakan, saya sendiri bersetuju. BSN boleh masuk, boleh rampas pejabat, boleh mengambil dokumen, saya bersetuju. Pada akhirnya, siapa-siapa yang kena tangkap, panggil dia balik ke rumah itu, 5 bulan atau 5 tahun, saya tidak kira. Sesiapa yang buat salah kepada manusia, dia mesti dipertanggungjawabkan. Kalau kita tidak bertanggungjawab kepada manusia pun, kita mesti bertanggungjawab kepada Tuhan.

Bukankah? (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Wee Choo Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan minta BSN masuk ini untuk menyiasat. Saya rasa kemungkinan ada kes untuk disiasat. Kalau begitu, kenapa Kerajaan atau Yang Berhormat Menteri tidak bawa ke Kabinet untuk menubuhkan satu suruhanjaya untuk menyiasat dalam kes ini. Itu yang betul. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Itu tidak betullah. (*Ketawa*) Kalau betul, bolehlah. Tidak betul! Sebab itu saya katakan kalau betul, siapa pun boleh laporkan. Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa dia bersetuju perkara ini diserahkan kepada BPR. Adakah atas alasan itu untuk mengatasi masalah ini oleh kerana sebab yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri sebenarnya kurang menyenangkan hati dalam soalan ini, Yang Berhormat Menteri akan menjemput BPR untuk memulakan siasatan.

Yang kedua, bukankah benar bahawa Jawatankuasa Kabinet atas penyelewengan dan amalan curang ada meminta keterangan dalam perkara ini? Dan Jawatankuasa Kabinet atau Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai penyelewengan dan amalan curang pun tidak rasa kurang senang mengenai keterangan-keterangan dalam perkara ini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya bukan menuduh perkara ini. Kalau saya sendiri menuduh, saya mesti panggil

BSN pergi menyiasat. Tuduhan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi. Bukankah? Dia menunjukkan satu surat. Saya kata kalau ada surat, itu bolehlah lapor. Saya bukan kata saya sendiri panggil. Mengapa saya mesti panggil? Tidak ada apa-apa rasuah yang telah berlaku kepada Kementerian saya. Kalau ada, saya akan sendiri panggil. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, semuanya telah menjawab secara rasmi bahawa tidak dapat berbuat demikian. Pada akhirnya, kontrak ini telah ditawarkan kepada NEI-ABB yang tidak menyertai dalam tender asal tetapi telah membuat satu tawaran 'post-tender' yang menepati kehendak pengiraan LLN dan juga dengan harga yang setanding seperti apa yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, tender turbine gas ini telah ditawarkan kepada NEI-ABB Gas Turbine dalam bulan September, 1990 pada harga \$985 juta. Kerja-kerja mereka yang melibatkan mereka, bentuk dan pembinaan kini sedang berjalan dengan lancar dan memuaskan, dan mesin pertama dijangka akan dilancarkan pada bulan September, 1991. Semenjak itu, keadaan telah berubah akibat dari Krisis Teluk di mana beberapa pesanan dari Iraq dan Kuwait telah dibatalkan dan beberapa negara lain sedang menghadapi kemungkinan kemelesetan ekonomi. Pesanan dari Korea baru-baru ini seperti apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya dan juga dari Pasir Mas, adalah dalam keadaan pasaran pembeli di mana harga yang disebutkan adalah US\$200 juta untuk 934 megawatt tidak boleh dibandingkan dengan harga kontrak NEI-ABB memandangkan bahawa harga tersebut adalah untuk membekalkan 4 gas turbine dan 4 steam turbine manakala harga yang ditawarkan kepada LLN adalah bagi kontrak turnkey termasuk kerja-kerja rekabentuk sivil, switch gear bagi

memasangkan 7 turbine gas di tiga lokasi. Mesin-mesin yang dijual kepada Korea, mesin neo-prototype seperti siasatan saya, yang ditawarkan dengan harga kompetitif oleh General Electric (GE) daripada Amerika Syarikat seperti pihak GE dapat pengalaman dan memperkenalkan turbinenya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, Syarikat GE telah dipelawa oleh LLN tetapi mereka tidak menunjukkan minat. Ini bukan salah kita.

Berkenaan dengan soalan-soalan seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang pesanan tambahan turbine gas Tenaga Nasional, saya percaya Tenaga Nasional mempunyai pengalaman untuk menilai dan mendapatkan gas turbine atau tenaga kepada tanahair kita. Oleh kerana itu saya tidak payah menjawab di atas perkara-perkara itu oleh kerana perkara itu tidak mempunyai apa-apa maklumat.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu jawapan kepada Ahli Yang Berhormat. Jawapan ini penting kerana Ahli Yang Berhormat dari Petaling meminta pertalian di antara MIC dengan Barat Heavy Electrical Limited—mahu tahu? (*Disampuk*) Sukacita dimaklumkan bahawa nenek moyang Presiden MIC dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos berasal daripada negara yang sama dengan pemilik syarikat tersebut. Itu sahajalah pertalian tidak ada apa-apa pertalian lagi. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sudahlah penjelasan-penjelasan daripada saya. Pada masa akan datang jika ada juga apa-apa soalan, saya boleh jawab. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perusahaan Utama.

6.21 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama terlebih dahulu suka saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi pandangan terhadap perkara-perkara yang terletak di bawah bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Perusahaan Utama sepanjang perbahasan atas dasar-dasar am di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang yang menyentuh dasar Kerajaan mengenai pengurusan sumber asli seperti balak, suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hutan di Malaysia diurus bukan sahaja untuk kegunaan ekonomi tetapi juga bagi melindungi alam sekitar dan mengambilkira tentang keperluan untuk memelihara eko sistem yang seimbang, pemeliharaan spesies dan sumber genetik, perlindungan hidupan liar, tanah, air dan cuaca.

Pada tahun 1978 Majlis Perhutanan Negara yang diapengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri negeri-negeri di Malaysia telah bersetuju "Dasar Perhutanan Negara" yang mempunyai peruntukan bagi pengurusan, pemeliharaan dan pembangunan sumber hutan negara ini secara teratur. Antara lain Dasar Perhutanan Negara menetapkan supaya Hutan Simpan Kekal ditubuhkan di Malaysia untuk memastikan supaya kawasan hutan di Malaysia dipelihara dan diurus secara berkekalan bukan sahaja untuk kegunaan masa kini tetapi juga untuk generasi akan datang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat seluas 12.73 juta hektar hutan telah dikenalpasti dijadikan Hutan Simpan Kekal di mana seluas 2.74 juta hektar adalah merupakan hutan yang dilindungi dan bakinya adalah hutan produktif.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Saya ingat masa sudah singkat, ucapan saya pendek sahaja.

Adalah hutan produktif yang diurus supaya ianya dapat dijadikan sumber yang boleh diperbaharui. Di samping itu seluas 1.39 juta hektar kawasan hutan telah dijadikan Taman Negara dan Suaka Hidupan Liar, di mana 0.33 juta hektar adalah di dalam kawasan Hutan Simpan Kekal dan 1.06 juta hektar adalah di luar kawasan tersebut.

Di bawah sistem pengurusan hutan berkekalan catuan tebangan tahunan akan ditetapkan, dan pembalakan akan dijalankan mengikut pusingan. Di bawah sistem ini hanya 7 hingga 12 pokok sahaja ditebang bagi sehektar. Pokok yang ditinggalkan dapat ditebang semula dalam masa 25 hingga 30 tahun bagi pusingan kedua pembalakan. Bagi kawasan hutan asli yang telah dibalok, Kerajaan telah menanam semula kawasan tersebut dengan jenis pokok-pokok yang cepat membesar di bawah program ladang hutan kompensari yang telah dibalok aktiviti silvikultur dijalankan di mana perlu. Bagi menambahkan bekalan balak dari hutan asli, Kerajaan telah memulakan penanaman semula hutan di bawah program ladang hutan, di mana spesis pokok yang cepat membesar telah ditanam.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Nilam Puri bangun pula.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Minta peluang sedikit. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini akibat penebangan hutan yang tidak teratur, Cameron Highlands temperaturnya telah naik 3 degree celcius. Jadi, apakah langkah Kementerian Perusahaan Utama untuk menjaga supaya cuaca di Cameron Highlands kekal sejuk—sekarang telah naik 3 degree celcius daripada paras udara biasa. Terima kasih.

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan bahawa pengurusan yang dijalankan pada hari ini adalah agak memuaskan, kerana 7 hingga 12 pokok sahaja yang ditebang pada tiap-tiap satu hektar bagi pengurusan hutan sebagaimana yang telah saya katakan. Tetapi saya yakin apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat itu mungkin kerana perluasan kawasan-kawasan perkampungan atau bandar-bandar yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa hal-ehwal perhutanan seperti pengagihan konsesi pembalakan serta peraturan dan pengeluaran lesen membalak, adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri seperti termaktub di dalam Artikel 95B(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat terutamanya dari Baram pada 7.1.1991 adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Saya hanya ingin memberi penjelasan terhadap beberapa perkara yang berhubung dengan aktiviti-aktiviti pembalakan sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan kebanyakan

rumah-rumah panjang di kawasan Baram telah dibekalkan dengan bekalan air minuman melalui paip, dan hanya sebilangan kecil sahaja yang masih bergantung kepada sungai untuk mendapatkan bekalan air untuk minuman. Berhubung dengan penggunaan tanah adat kaum pribumi oleh syarikat-syarikat pembalakan bagi membina jalan atau sebagai kem membalak dan tempat menyimpan balak syarikat-syarikat berkenaan lazimnya membayar pampasan kepada tuan-tuan punya tanah berkenaan dan pampasan tersebut biasanya pula dibayar sebelum mereka menggunakan tanah-tanah berkenaan.

Masalah yang ditimbulkan di antara kaum pribumi dengan syarikat-syarikat pembalakan adalah selalunya berhubung dengan tuntutan ke atas primary forest, dengan izin, yang mana mengikut undang-undang ianya tidak merupakan tanah adat kaum pribumi. Saya juga suka menegaskan di sini bahawa pemburuan oleh orang-orang tempatan dan pekerja-pekerja pembalakan di sepanjang jalan pembalakan telah menyebabkan bilangan hidupan liar berkurangan.

Masalah kekurangan makanan oleh penduduk-penduduk tempatan saya percaya adalah lebih serius di kawasan-kawasan yang tidak terdapatnya hutan kerana pembalakan sebenarnya menyediakan pekerjaan kepada rakyat tempatan. Saya suka juga memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa adalah tidak benar pembalakan telah mendatangkan kerosakan ke atas tanah-tanah perkuburan di kawasan sempadan tanah adat, oleh kerana perkara sedemikian adalah bertentangan dengan pantang larang kepada pekerja hutan yang sebilangan besarnya merupakan pribumi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kangar pada 2.1.1991 telah membangkitkan mengenai matlamat Kerajaan untuk mengurangkan

penggunaan rokok dengan menaikkan cukai ke atas rokok mungkin sukar dicapai memandangkan terdapatnya desakan petani untuk menambahkan kuota tanaman tembakau. Ini kerana tanaman tembakau adalah merupakan satu tanaman jangka pendek yang dapat memberikan pulangan yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, bahawa tanaman tembakau memang memberikan pulangan yang baik kepada petani. Ini adalah kerana industri berkenaan adalah dikawal oleh Kerajaan, baik dalam aspek pengeluaran mahupun dalam aspek pemasaran. Sebab itulah sistem kuota dalam pengeluaran tembakau diwujudkan, bagi menjamin pengeluaran daun tembakau sebagaimana dengan permintaan bagi memastikan hasil pulangan yang baik kepada petani. Kuota pengeluaran dalam satu-satu tahun adalah bergantung kepada beberapa faktor. Di antara faktor-faktor penting yang diambil kira dalam menetapkan jumlah kuota pengeluaran tahunan ialah:

- (i) pasaran rokok dan arah alirannya;
- (ii) paras stok simpanan daun tembakau kering oleh pengilang-pengilang; dan
- (iii) kadar penggunaan tembakau tempatan di dalam pengilangan rokok.

Di atas segala cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Perusahaan Utama ini, saya bagi pihak Kementerian mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, elok-elok sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*